

**PENERBITAN KARYA HADITH DI MALAYSIA:
SUMBANGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

SURYANI ZAKARIA

**JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**PENERBITAN KARYA HADITH DI MALAYSIA:
SUMBANGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

SURYANI ZAKARIA

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
BAHAGIAN II IJAZAH SARJANA USULUDDIN
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Kajian ini berlandaskan kaedah penyelidikan lapangan dan perpustakaan yang menggunakan analisis kualitatif deskriptif adalah bertujuan untuk mengetahui sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam penerbitan karya hadith di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini dibahagikan kepada enam bab, iaitu Bab Pendahuluan yang menjelaskan berkenaan perkara asas kajian, bab pertama menerangkan mengenai Sejarah Penerbitan Karya Hadith di Malaysia, bab kedua menghuraikan Sejarah Dewan Bahasa dan Pustaka, bab ketiga menjelaskan Karya Hadith Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sebanyak 16 buah karya. Selain itu, masalah dan isu yang dihadapi dalam penerbitan karya hadith serta jenis dan kategori karya hadith turut dibincangkan. Manakala bab keempat pula menganalisis jenis dan kategori karya hadith, format dan trend penulisan karya hadith terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan merumuskan sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam penghasilan karya hadith. Kajian ini diakhiri dengan bab kesimpulan. Kajian ini juga mendapati bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyumbang dalam penerbitan karya hadith di Malaysia dengan menerbitkan sebanyak 16 buah karya dari tahun 2003-2013. Walaupun jumlah terbitannya amat sedikit tetapi ia telah menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan menyumbang kepada khazanah ilmu. Karya-karya hadith tersebut diterbitkan dalam bentuk karya asli, terjemahan, dan adaptasi bagi pelbagai kategori khalayak; remaja, dewasa dan ilmiah.

ABSTRACT

The study which is based on field and library research used the method of descriptive qualitative analysis is to determine the contribution of Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) on Hadith Literature publication in Malaysia. To achieve the objective, writing for this study is divided into six chapters, namely preliminary chapter that clarifies the basic matters of the study, chapter one explains the history of Hadith literature publishing in Malaysia, chapter two describes the history of Dewan Bahasa dan Pustaka, chapter three discusses on 16 Hadith literatures published by Dewan Bahasa dan Pustaka. In addition to this, the chapter also highlights the discussion on the problems and issues encountered in publishing Hadith literatures, as well as its types and categories. While chapter four puts forward the findings of analysis on the types and categories Hadith literatures, trends and formats of writing Hadith literatures, and summarizes the contribution of Dewan Bahasa dan Pustaka in producing works of Hadith. The study ends up with a chapter conclusion. The study concludes that Dewan Bahasa Dan Pustaka has contributed in publishing 16 works of Hadith from year 2003 to 2013. However, it has fulfilled its social responsibility to the community and contributed to the heritage of knowledge, though the number of publications is very little. These works were published in the form of original works, translations, and adaptation for many categories of readers; teens, adults and scholarly.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji hanya bagi-Nya Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga Baginda, para Sahabat, *tabi'* dan *tabi' tabi'in*.

Pada kesempatan ini pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha penulisan disertasi ini, khususnya kepada Profesor Madya Dr Fauzi Deraman selaku penyelia disertasi ini yang tidak jemu-jemu memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada pengkaji dalam menyiapkan disertasi ini.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada pensyarah Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, iaitu Dr Faisal Ahmad Shah, Profesor Madya Dr Ishak Suliaman, Profesor Madya Dr Mustafa Abdullah, Dr Khadher Ahmad, Dr Sedek Arifin yang telah memberikan idea-idea yang bernas ke arah memantapkan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada Profesor Madya Dr Che Zarrina Sa'ari yang telah memberikan tunjuk ajar dalam menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih kepada suami, Rosedin Abdullah yang telah banyak memberikan dorongan dan semangat dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga pengorbanan ini akan mendapat ganjaran yang setimpal di sisi Allah S.W.T. Terima kasih juga kepada anak-anakku, Mohammad Najeeb, Nurul Najihah, Muhammad Iqbal, Nur Afifah dan Nurul Iman yang telah mendoakan kejayaanku.

Seterusnya kepada sahabat, khususnya Azlin Asmuni, Siti Maizatul Rozihani Ikhsan, Roosnita Md Yusof, Zawinnajah Ahmad Kaslan, Sufi Noryani Supian dan para editor Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum yang telah memberikan kerjasama kepada pengkaji. Begitu juga kepada para pegawai di Pusat Dokumentasi Melayu dan Bahagian Penyelarasan dan Kawal Selia Penswastan yang telah memberikan data-data dan maklumat tentang penerbitan di DBP.

Akhirnya, *jazakumullah khairan kathira* kepada semua pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan disertasi ini. Semoga sumbangan yang diberikan akan dikira sebagai amal salih di sisi Allah S.W.T.

SURYANI ZAKARIA
No. 33, Jalan TSJ 19
Taman Sri Jelok
43000 Kajang

ISI KANDUNGAN

BAB PENDAHULUAN

0.0	PENDAHULUAN	1
0.1	LATAR BELAKANG KAJIAN	2
0.2	PERMASALAHAN KAJIAN	14
0.3	OBJEKTIF KAJIAN	14
0.4	KEPENTINGAN KAJIAN	14
0.5	SKOP KAJIAN	15
0.6	HURAIAN TAJUK	17
0.7	SOROTAN KAJIAN LEPAS	20
0.8	METODOLOGI KAJIAN	28
0.9	SISTEMATIKA PENULISAN	34
0.10	PENUTUP	36

BAB SATU : SEJARAH PENERBITAN BUKU HADITH DI MALAYSIA

PENDAHULUAN		37
1.1	SEJARAH PERKEMBANGAN PENULISAN KARYA HADITH DALAM TULISAN JAWI DI NUSANTARA	38
1.2	SEJARAH PENERBITAN KARYA HADITH DI MALAYSIA (TULISAN JAWI DAN RUMI)	49
1.2.1	Karya yang Mengandungi Himpunan Hadith Pilihan daripada Pelbagai Kitab Hadith	54
1.2.2	Karya yang Mengandungi Himpunan Hadith Pilihan Berserta Syarahan	55
1.2.3	Karya Terjemahan daripada Kitab Hadith Berserta Syarahan	56
1.2.4	Karya Terjemahan tanpa Syarahan daripada Penulis Kitab	58

1.2.5	Karya yang Membicarakan Ilmu-ilmu yang Berkaitan dengan <i>Ilmu Muṣṭalah</i>	60
1.3	BUKU-BUKU HADITH YANG MENGHIMPUNKAN HADITH DALAM ISU-ISU TERTENTU	62
1.4	KARYA MENGENAI KEDUDUKAN SUNNAH, SEJARAH PENULISAN DAN PEMBUKUAN HADITH	64
1.5	KARYA YANG MEMBINCANGKAN MENGENAI <i>'ULŪM AL-HADĪTH</i>	65
1.6	KARYA YANG MEMBINCANGKAN MENGENAI KAEDAH MEMAHAMI SUNNAH	67
1.7	KARYA YANG MEMBINCANGKAN PENYELEWENGAN GOLONGAN ANTIHADITH	68
1.8	KOLEKSI KERTAS KERJA SEMINAR	69
1.9	KARYA-KARYA HADITH TERBITAN DBP	71
1.10	PENUTUP	73

BAB DUA: SEJARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

2.0	PENDAHULUAN	74
2.1	SEJARAH DBP	75
2.1.1	Falsafah DBP	81
2.1.2	Wawasan DBP	82
2.1.3	Fungsi DBP	84
2.1.4	Peranan DBP	85
2.1.5	Sumber Kuasa Penubuhan DBP	85
2.2	DASAR PENERBITAN DBP	86

2.3	STRUKTUR ORGANISASI DAN PENTADBIRAN DBP	89
2.4	SEJARAH PENUBUHAN BAFTI	90
	2.4.1 Penerbitan Buku	91
	2.4.2 Sumbangan BAFTI dalam Penerbitan Karya Hadith	93
2.5	PENSTRUKTURAN SEMULA DBP 2010	94
2.6	BAHAGIAN BUKU UMUM, DBP	94
	2.6.1 Fungsi Bahagian Buku Umum, DBP	95
	2.6.2 Struktur Organisasi Bahagian Buku Umum, DBP	97
2.7	BIDANG PENERBITAN DBP	97
2.8	BENTUK PENERBITAN DBP	98
2.9	JENIS PENERBITAN DBP	98
2.10	KATEGORI PENERBITAN DBP	99
2.11	SKOP PENERBITAN DBP	99
2.12	PROGRAM PENERBITAN BUKU BERPAKEJ DBP	104
	2.12.1 Kaedah Pembinaan Manuskrip Secara Berpakej	106
2.13	PENUTUP	108

BAB TIGA: KARYA HADITH TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

3.0	PENDAHULUAN	109
3.1	SENARAI KARYA HADITH TERBITAN DBP	110
3.2	JENIS KARYA HADITH	113
	3.2.1 Karya Asli	113
	3.2.2 Karya Terjemahan	115
	3.2.3 Karya Adaptasi	117
3.3	KATEGORI KARYA HADITH TERBITAN DBP	119
	3.3.1 Kategori Remaja	119

3.3.2	Kategori Dewasa	123
3.3.3	Kategori Ilmiah	125
3.4	ISU-ISU DAN MASALAH DALAM PENERBITAN KARYA HADITH DBP	127
3.5	PROSES PENERBITAN KARYA HADITH DBP	131
3.5.1	Proses Penerbitan Karya Asli Manuskrip yang Dirancang	135
3.5.1.1	Pembinaan Judul	135
3.5.1.2	Pemerolehan Judul	138
3.5.1.3	Penilaian Manuskrip	140
3.5.1.4	Penyuntingan Manuskrip	143
3.5.1.5	Pengawalan Pengeluaran	145
3.5.2	Proses Penerbitan Karya Asli yang Tidak Dirancang	146
3.5.3	Proses Penerbitan Karya Terjemahan dan Adaptasi	148
3.6	PENUTUP	151
 BAB EMPAT: ANALISIS KARYA-KARYA HADITH TERBITAN DBP		
4.0	PENDAHULUAN	152
4.1	BILANGAN KARYA HADITH TERBITAN DBP	152
4.2	TREND PENERBITAN KARYA HADITH DBP	157
4.3	TREND PENERBITAN KARYA HADITH JAKIM, AL-HIDAYAH PUBLISHER SDN. BHD., TELAGA BIRU SDN. BHD. DAN PERNIAGAAN JAHABERSA SDN. BHD.	158
4.4	ISU-ISU DAN MASALAH PENERBITAN KARYA HADITH DBP	160

4.5	FORMAT PENERBITAN KARYA HADITH TERBITAN DBP	168
4.5.1	<i>Ilmu Hadith</i>	168
4.5.2	<i>Riwayat Hidup al-Nawawi dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadith</i>	169
4.5.3	<i>Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith</i>	170
4.5.4	<i>Kumpulan Hadith Masyhur</i>	171
4.5.5	<i>Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan</i>	172
4.5.6	<i>Fawa'id al-Bahiyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah</i>	173
4.5.7	<i>Sunah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu</i>	174
4.5.8	<i>'Ulum al-Hadith</i>	175
4.5.9	<i>Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani</i>	176
4.5.10	<i>Siri Tokoh Hadis Imam al-Bukhari</i>	177
4.5.11	<i>Siri Tokoh Hadis Imam Muslim</i>	178
4.5.12	<i>Siri Tokoh Hadis Imam Abu Daud</i>	179
4.5.13	<i>Siri Tokoh Hadis Imam Al-Tirmizi</i>	180
4.5.14	<i>Siri Tokoh Hadis Imam Al-Nasa'i</i>	180
4.5.15	<i>Siri Tokoh Hadis Imam Ibn Majah</i>	181
4.8.16	<i>Mohamed bin Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi</i>	182
4.6	SUMBANGAN DBP DALAM PENGHASILAN KARYA HADITH	185
4.7	PENUTUP	188

BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	PENDAHULUAN	189
5.1	KESIMPULAN	190
5.2	CADANGAN	191
	5.2.1 Cadangan kepada Pengurusan DBP	191
	5.2.2 Cadangan kepada Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum, DBP	192
	5.2.3 Cadangan kepada Para Ilmuwan	194
5.3	PENUTUP	196
	BIBLIOGRAFI	198

BAB PENDAHULUAN

0.0 PENDAHULUAN

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ialah salah sebuah penerbit kerajaan yang diamanahkan untuk menerbitkan seberapa banyak buku dalam bahasa Melayu sebagai usaha menambah khazanah penerbitan dan juga memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa ilmu. Fungsi utama DBP adalah untuk membina dan mengembangkan bahasa, sastera dan penerbitan. Melalui penerbitan inilah DBP membina dan mengembangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu serta bidang ilmu yang telah dikenal pasti untuk memenuhi keperluan masyarakat Malaysia.

DBP yang sudah wujud selama 57 tahun ini tidak pernah ketinggalan dalam arus penerbitan buku di Malaysia. Institusi ini giat menerbitkan pelbagai buku, majalah, ensiklopedia, kamus, sama ada dalam bentuk media cetak, elektronik dan multimedia.

Antara penerbitan yang dihasilkan oleh DBP ialah buku-buku dalam pelbagai bidang ilmu termasuklah buku-buku hadith. Penerbitan buku-buku hadith ini merupakan khidmat bakti DBP kepada masyarakat seluruhnya dalam usaha mendekatkan masyarakat kepada ilmu hadith.

0.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dunia penerbitan adalah satu bidang yang menyampaikan sesuatu maklumat ke seluruh dunia melalui media cetak dan elektronik. Bidang penerbitan ini juga secara tidak langsung telah menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara kerana hasil yang diperoleh agak lumayan terutama yang melibatkan penerbit-penerbit popular. Kita boleh melihat perkembangan yang begitu pesat dan aktif dalam bidang penulisan dan penerbitan ini. Namun seharusnya, sesuatu penerbitan itu mempunyai ciri-ciri dan kriteria tertentu bagi memastikan karya yang dihasilkan mempunyai keistimewaan tersendiri.¹

Penerbitan merupakan rakaman kepada karya yang dihasilkan oleh seseorang atau sekumpulan manusia. Sama ada merupakan penemuan dan idea pemikiran semasa yang berdasarkan kepada kajian setempat, ataupun hasil kajian mendalam dan berbentuk sejagat yang membicarakan isu falsafah dan konsep asas atau hanya majalah sensasi dan humor. Sekiranya ia tidak dibukukan dan diterbitkan, segala pandangan dan pemikirannya tidak dapat diulas dan dikongsi bersama oleh orang lain dan generasi terkemudian.²

Tujuan dan matlamat terakhir penerbitan adalah sebagai khazanah untuk menyimpan ilmu, idea dan buah fikiran seseorang atau sekumpulan penulis atau karyawan. Ia bukan sekadar untuk dibaca oleh umat sezaman dengannya, malah akan dibaca dan dirujuk oleh umat dan generasi kemudian. Hingga hari ini pun kita masih

¹ Azman Ab Rahman, "Penerbitan Ilmiah dan Cabaran serta Pasaran Era Globalisasi dalam Penterjemahan Teks Agama" (makalah, Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah di Persada Johor, Pusat Konvensyen Antarabangsa, Johor Bahru, Jilid 3, 9 -11 Januari 2007), 1.

² Mohd Yusuf Hj. Othman, "Penerbitan Akademik dalam Bahasa Melayu" (makalah, Konvensyen Kebangsaan ke-2, Kuala Lumpur, 8-10 September 1999), 2.

mengkaji ilmu, idea dan pemikiran al-Ghazzālī, al-Fārābī, Ibnu Sīnā, Galileo Galilie, Newton, Einstein dan sebagainya melalui tulisan-tulisan mereka yang berulang kali diterbitkan.³ Hal yang penting perlu diingatkan ialah perusahaan penerbitan sebenarnya ialah perusahaan budaya.⁴ Kemajuan sesebuah negara dan masyarakat biasanya dilandasi khazanah pembukuan yang kukuh. Sejarah kebudayaan dan tamadun manusia membuktikan bahawa tanpa kegiatan perbukuan yang aktif, kemajuan masyarakat tidak akan berkekalan. Sebaliknya, dengan industri pembukuan yang mantap, pengaruh tamadun masyarakat akan berkekalan.

Dalam pembangunan sosial, peranan buku lebih tersingkap memandangkan buku mampu menjadi wahana yang bebas dalam menyatakan perasaan dalam lingkungan masyarakat yang demokratik. Malahan, golongan yang minoriti dalam sesuatu masyarakat juga dapat menyatakan pandangan, perasaan, dan fikiran mereka menerusi buku. Dengan demikian, buku menjadi platform yang dapat memberi sumbangan terhadap kematangan politik dan kesetabilan sosial. Tanpa buku, sektor perdagangan, industri, dan perniagaan tidak mungkin dapat bertahan, lebih-lebih lagi dalam era teknologi yang memerlukan dokumentasi bercetak sebagai landasan untuk menerokai bidang-bidang lain.⁵

Dalam semua bentuk aktiviti sesebuah negara, buku memainkan peranan yang begitu penting. Pengeluaran dan pemerolehan buku perkapita menyediakan indeks yang sahih terhadap ekonomi dan pembangunan sosial sesebuah negara. Sebab itulah hakikat bahawa pembangunan negara selari dengan tahap industri perbukuan negara itu masih

³ *Ibid.*, 4-6.

⁴ Hassan Ahmad, "Memartabatkan Penerbitan Berbahasa Melayu dalam Alaf Baru" (makalah, Konvensyen Penerbitan Kebangsaan ke-2, Kuala Lumpur, 8-10 September 1999), 2.

⁵ Hamed Mohd Adnan, *Asas dalam Penerbitan* (Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd., 2001), 2.

dapat dipertahankan. Kalau diperhatikan, kemajuan industri perbukuan mempunyai hubungan yang rapat dengan kemajuan sesebuah negara. Lima buah negara yang menghasilkan jumlah judul yang paling banyak, iaitu Amerika Syarikat, Jerman, Jepun, Britain dan Perancis merupakan negara yang maju dari segi ekonomi. Atas dasar inilah, seorang ahli perbukuan Jepun, Shigeo Minowa berpendapat bahawa “Kemajuan penerbitan sesebuah negara menjadi indeks terhadap kemajuan ekonominya”.⁶

Mengikut statistik Perpustakaan Negara Malaysia, negara kita hanya menerbitkan 16,044 buku setahun (angka 2008). Jumlah ini tentulah kecil jika dibandingkan dengan jumlah penduduk negara pada masa itu yang berjumlah 27.56 juta orang. Negara sepatutnya menghasilkan 26 ribu judul buku setahun supaya seimbang dengan jumlah penduduk (kini penduduk negara mencapai 28.3 juta orang⁷). Jika bilangan ini dapat dicapai, maka Malaysia bolehlah dikatakan telah maju dalam industri bukunya mengikut standard UNESCO.⁸

Mesin cetak telah diperkenalkan oleh Guttenburg dari German pada tahun 1456 dan teknologi ini mula mempengaruhi masyarakat. Walau bagaimanapun, buku dalam bentuk yang kita fahami sekarang, hanya muncul pada abad ke-15, khususnya apabila Johans Guttenburg mencetak kitab Bible dengan menggunakan mesin cetak bergerak yang diciptanya.⁹

⁶ *Ibid.*, 3.

⁷ “Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010,” dikemaskini 5 Ogos 2013, laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai 5 November 2013, <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php>.

⁸ Norma Mohd Nazim, “Mencari Samudera Biru DBP,” *Inovasi DBP* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Disember 2011), 7.

⁹ Nor Hissam Sulaiman, Mot Madon dan Syed Agil Al-Sagof, *Asas Penerbitan Elektronik*, ed. ke-2 (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2010), 13.

Penerbitan buku di negara ini pula diperkenalkan oleh penjajah barat, terutamanya Inggeris dan Belanda yang mempelopori percetakan buku sebagai alat mengembangkan perdagangan dan agama Kristian. Disebabkan sasaran awal penerbitan buku oleh penjajah ialah sebagai panduan kepada kaum mereka tentang perdagangan dan adat resam rantau ini, maka buku-buku daftar kata dan panduan bahasa terlebih dahulu diterbitkan. Ini kemudiannya diikuti oleh buku-buku untuk kaum peribumi yang rata-rata berisi dakwah agama Kristian.¹⁰

Bidang penerbitan bercetak di negara ini berkembang dengan kadar yang pantas terutamanya bermula pada awal tahun 70-an apabila sistem pendidikan yang sebelumnya menggunakan bahasa Inggeris diubah kepada bahasa Melayu. Penerbitan buku, majalah, dan surat khabar dalam bahasa Melayu menerima kesan langsung daripada perubahan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan ini. Sementara penerbitan buku dalam bahasa Melayu lebih tertumpu kepada keperluan sistem pendidikan itu. Manakala penerbitan majalah dan akhbar lebih menjurus kepada perkembangan semasa masyarakat yang tidak terlalu terkongkong dengan sistem pendidikan.¹¹

Pengkaji akan menerangkan secara ringkas sahaja tentang penulisan hadith pada zaman Nusantara dan zaman awal yang dilakukan oleh ulama Timur Tengah. Hal ini kerana telah banyak kajian dilakukan tentang tajuk ini. Seterusnya, pengkaji akan menerangkan definisi penulisan (*al-Tadwīn*) dari segi etimologi dan teknikal. Dari segi etimologi *al-Tadwīn* bermaksud mengumpulkan sesuatu yang bercerai-berai dalam sesuatu kumpulan/ikatan seperti mengumpulkan *ṣuḥuf* (helaian-helaian) menjadi satu

¹⁰ Hamed, *Asas dalam Penerbitan*, 24.

¹¹ Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran* (Shah Alam: Karisma Publication, 2003), viii.

kitab. Manakala dari segi teknikal pula *al-Tadwīn* digunakan bagi menunjukkan makna susun dan karang-mengarang.¹²

Penulisan hadith pula ialah penulisan yang mengandungi riwayat kehidupan Nabi s.a.w. dan perkara-perkara yang diakui oleh Baginda. Walau bagaimanapun, istilah ini kadang-kadang digunakan dalam pengertian yang lebih luas lagi, iaitu merangkumi riwayat Sahabat dan Khalifah.¹³ Menurut Mannā,, al-Qaṭṭān, *al-tadwīn* adalah mengumpulkan apa yang telah ditulis pada *ṣuḥuf* dan hafazan dalam dada lalu menyusunnya sehingga menjadi satu buku.¹⁴

Haji Wan Mohd Saghir menegaskan, penulisan hadith oleh para ulama Asia Tenggara pada peringkat awal telah dilakukan oleh dua orang tokoh utama, iaitu Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf bin al-Fansuri. Karya hadith yang paling awal dan karya pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu yang telah ditemui ialah kitab *al-Fawā'id al-Bahiyyah fi Aḥādith al-Nabawiyyah*, karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri.¹⁵

Terdapat juga tokoh ulama tradisional Melayu lain turut melibatkan diri dalam penulisan hadith. Tokoh-tokoh lain yang bergiat aktif dalam penulisan hadith ini ialah Syeikh Abdullah bin Abdul Mubin al-Fatani, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Wan Ali bin Abdul Abdul Rahman Kutan al-Kalantani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Syeikh Ahmad bin

¹² Ahamad Asmadi bin Sakat dan Wan Nasyruddin Wan Abdullah, *Tinjauan Sejarah Pembukuan Kitab-kitab Hadith dan Rijal* (Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 2.

¹³ Muḥammad Muṣṭafā al-A,ḏāmī, *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith*, terj. Engku Ibrahim Engku Ismail (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 7.

¹⁴ Mannā,, al-Qaṭṭān, *Mabāḥiṯ fi 'Ulūm al-Ḥadīth* (cet. ke-3, Kaherah: Maktabah Wahbah, 2001), 33.

¹⁵ Fauzi Deraman, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," *Jurnal Usuluddin* 7 (Disember 1997), 166.

Muhammad Yunus Lingga, Syeikh „Uthman bin Shihabuddin al-Funtiani (Pontianak), Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi, Tuan Hussain Kedah, Syeikh Uthman Jalaluddin al-Kalantani, Syeikh Idris al-Marbawi, Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa dan lain-lain lagi.¹⁶

Tradisi penulisan hadith di Nusantara ini adalah lanjutan daripada tradisi penulisan dan pembukuan yang telah dilakukan oleh ulama di Timur Tengah sejak zaman awal hinggalah kurun kesembilan Hijrah.

Penulisan hadith ini telah wujud semasa hayat Rasulullah s.a.w. lagi, walaupun secara persendirian. Ini termasuklah koleksi „Abdullah bin „Umar bin al-„Āṣ yang dinamakan *al-Ṣadīqah*. Begitu juga dengan koleksi Sa,d bin „Ubādah, Samūrah bin Jundab, Jābir bin Abdullah, Anas bin Mālik, Ṣahīfah Hammām bin Munabbih yang dinamakan *al-Ṣahīfah al-Sahlah* yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah. Ibn „Abbās juga antara Sahabat yang menulis hadith daripada para Sahabat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.¹⁷

Arahan penulisan secara rasmi dan tersusun oleh Khalifah „Umar bin „Abd al-„Azīz kepada Abū Bakr bin Ḥazm menjadi pendorong gerakan penulisan hadith ini. Antara faktor yang mendorong arahan ini ialah kebimbangan terhadap hadith-hadith yang mungkin akan hilang jika tidak dibukukan segera kerana ramai para *ḥuffāz* telah meninggal dunia, manakala yang masih hidup berada di merata tempat. Selain itu,

¹⁶ Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyyah, 2000), 36.

¹⁷ Fauzi Deraman, “Metodologi Muhaddithin” dalam *Autoriti Hadis Menangani Gerakan Antihadis*, ed. Ishak Hj. Sulieman et al. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 82-83. Lihat juga Muḥammad bin Muḥammad Abū Shahbah, *al-Waṣīfī fī ‘Ulūm wa Muṣṭalah al-Ḥadīth* (Kaherah: Dār al-Fikr al-„Arabī, t.t.), 68.

perkara bidaah, khurafat dan hadith palsu tersebar dengan meluas. Perpecahan dalam kalangan umat Islam, bertambahnya bilangan perawi dan *sanad* hadith serta kurangnya penelitian dalam periwayatan hadith menjadi faktor pendorong pembukuan hadith secara rasmi ini.¹⁸

Kemudian, lahirlah tokoh-tokoh hadith seperti Ibn Shihāb al-Zuhrī (m. 124H), Ibn Jurayj (m.150H), Sufyān bin ‘Uyaynah (m. 198H), Mālik bin Anas (m. 179H), Muḥammad bin Ishāq (m. 151H), al-Rābi, bin Subayh (m. 160H), Ma,mar bin Rasyd (m. 152H), al-Awza,ī (m. 167H), Abdullah bin Mubārak (m. 117H), Hushām bin Basyīr (m. 182H), al-Layth bin Sa,d (m. 175) dan ramai lagi.¹⁹ Kesemua mereka ini adalah daripada ulama abad kedua Hijrah.

Metodologi yan digunakan oleh para *muḥaddithīn* dalam penyusunan hadith peringkat permulaan ini adalah mengikut topik seperti yang dilakukan oleh Imām al-Zuhrī. Metode ini terdapat dalam *al-Muwattā’* susunan Imam Mālik, karya terkenal pada kurun kedua Hijrah. Selain daripada hadith, dimuatkan juga kata-kata para Sahabat dan fatwa para *Tābi’īn*.²⁰ Selain itu, lahirnya *Musannaf Sufyān bin ‘Uyaynah*, *Musannaf Syu‘bah al-Hallāj* dan *Musannaf al-Layth bin Sa‘d*.²¹

Metode seterusnya ialah metode *al-Musnad*, iaitu pengumpulan hadith berdasarkan riwayat Sahabat Rasulullah s.a.w. tanpa melihat topik hadith tersebut.

¹⁸ Mannā, al-Qaṭṭān, *Mabāḥiṯh fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 34; Muḥammad Muḥammad Abū Zahw, *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1984) 127-12; Abū Shahbah, *al-Wasīṯ*, 68.

¹⁹ Fauzi, “Metodologi Muḥaddithīn,” 82-83.

²⁰ ‘Abd al-Karīm Zaydān dan ‘Abd al-Qaḥhār Dāwūd Abdullah, *‘Ulūm al-Ḥadīth* (Beirut: Risalah Publishers, 2008), 77.

²¹ Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn* (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 337.

Contohnya dimuatkan semua hadith yang diriwayatkan oleh Abū Bakr, „Umar dan seterusnya.²²

Pada kurun ketiga Hijrah, iaitu kurun gemilang penyusunan hadith,²³ para *muhaddithīn* menggunakan metode baharu, iaitu susunan mengikut bab-bab berdasarkan persoalan fiqh di samping berdasarkan topik, seperti hadith mengenai solat, puasa dan lain-lain lagi. Pelopor metode ini ialah Imām Muḥammad bin Ismāīl al-Bukhārī (m. 256H) dalam menyusun *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*. Hanya hadith-hadith *ṣaḥīḥ* sahaja terdapat dalam kitab ini. Oleh itu, kitab ini dianggap kitab yang paling *ṣaḥīḥ* selepas al-Qur‘ān.²⁴ Metode ini diikuti pula oleh muridnya Imām Abū al-Husayn Muslim bin Ḥajjāj (m. 261H) dalam karyanya *al-Ṣaḥīḥ*. Termasuk juga dalam metode ini ialah kitab-kitab *Sunan*, iaitu karya hadith yang disusun mengikut bab fiqh dan hukum-hukum. Contohnya *Sunan al-Tirmīdhī*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Nasā‘ī* dan *Sunan Ibn Mājah*. Keempat-empat kitab ini bersama dengan *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* dikenali dengan nama *al-Kutub al-Sittah* atau *Sunan Sittah*.²⁵

Zaman kegemilangan bagi *pentadwīnan* hadith ialah pada kurun ketiga Hijrah dengan lahirnya berbagai-bagai karya. Namun begitu, usaha tidak berhenti setakat itu sahaja, khidmat para *muhaddithīn* terhadap hadith ini berterusan dengan pengajian, penelitian, dan analisis yang lebih meluas pada kurun keempat Hijrah dengan lahirnya ramai *muhaddithīn*. Mereka mewarisi kepakaran generasi sebelumnya dan ditambah

²² Fauzi, “Metodologi Muhaddithin,” 83.

²³ Abū Shahbah, *al-Wasīṭ*, 70.

²⁴ Muḥammad „Ajjāj al-al-Khaṭīb, *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, 314.

²⁵ Muḥammad Muḥammad Abū Zahw, *al-Ḥadīth*, 423; Abū Shahbah, *al-Wasīṭ*, 70.

dengan kepakaran semasa. Dari segi metode pula, ada yang mengikut metode Imām Bukhārī dan ada yang mengikut metode kitab *Sunan*.²⁶

Dengan bermulanya kurun keempat Hijrah, bermakna satu lagi era baru dicatat dalam perkembangan hadith. Tugas ulama abad keempat dan selepasnya menjadi lebih mudah kerana hampir semua hadith telah dikumpulkan dan dibukukan serta dinilai oleh ulama sebelumnya. Dengan kata lain, kebanyakan ulama pada abad ini dan selepasnya tidak meriwayatkan hadith daripada syeikh mereka, sebaliknya hanya memetik hadith daripada kitab ulama sebelumnya. Oleh itu, ulama menjadikan akhir abad ketiga Hijrah sebagai tembok pemisah antara ulama hadith *mutaqaddimīn* dan *muta'akhirīn*.²⁷

Dengan berakhirnya kurun keempat Hijrah, didapati usaha menyusun dan mengumpulkan hadith telah sampai ke tahap sempurna dan lengkap. Hadith *ṣaḥīḥ* tidak lagi bercampur dengan hadith *ḍa'īf*. Namun begitu, para *muḥaddithīn* terus menabur jasa dan bakti dengan menghasilkan karya baharu dan metodologi baharu.

Pada kurun kelima Hijrah, para *muḥaddithīn* telah mengetengahkan metode terkini pada masa itu dalam menyusun dan menjaga hadith. Cara ini ialah asas ke arah menghasilkan ensiklopedia hadith, iaitu dengan menggabungkan karya hadith yang telah dihasilkan pada kurun sebelumnya. Contohnya menggabungkan *al-Ṣaḥīḥayn* Imām Bukhārī dengan Muslim, menggabungkan *al-Kutub al-Khamsah* atau *al-Kutub al-Sittah*. Selepas kurun kelima sehingga kurun kesembilan Hijrah, umat Islam mengalami zaman menurun dan penuh cabaran. Siri serangan Tentera Salib, Tartar dan beberapa elemen luaran dan dalaman telah merencatkan perkembangan ilmu Islam

²⁶ Fauzi, "Metodologi Muḥaddithīn," 85.

²⁷ Muḥammad Abū Zahw, *al-Ḥadīth*, 423-4; Mohd. Muhiden Abd. Rahman,, *Ulum al-Ḥadīth* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 52.

termasuk hadith. Walaupun ada usaha ilmiah tetapi bentuknya terbatas. Walau bagaimanapun, karya-karya hadith tetap dihasilkan seperti *al-Mawḍū‘āt* oleh Ibn al-Jawzī, karya mengenai hadith *Aḥkām*, kitab *Aṭrāf* dan *Takhrīj*.²⁸

Peringkat seterusnya ialah peringkat kebangkitan semula. Peringkat ini ialah zaman campurtangan para Orientalis terhadap hadith. Oleh itu, ulama terus bangkit untuk menjaga hadith daripada penyelewengan dan pemalsuan. Usaha ini berterusan sehingga ke hari ini.²⁹ Antara kitab yang lahir pada peringkat ini ialah *Qawā‘id al-Taḥdīth* oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsīmī (m. 1332H), *Miftah al-Sunnah* oleh „Abd al-„Azīz al-Khūlī, *al-Sunnah wa Makānatuha fī Tashrī‘ al-Islāmī* oleh Muṣṭafā al-Sibā‘ī, *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn* oleh Muḥammad Muḥammad Abū Zahw dan banyak lagi.

Sebagai kesimpulannya, para *muḥaddithīn* menyusun dan membukukan hadith dengan menggunakan pelbagai metodologi bagi menjamin ketulenan hadith sebagai sumber yang autentik dan berautoriti kekal sehingga hari ini.

Catatan menunjukkan bahawa pengaruh pengajian hadith di Malaysia berkembang melalui tokoh yang datang ke Tanah Melayu, contohnya Tok Khurasan. Tok Khurasan ialah Abu „Abdullah Sayyid Ḥasān bin Nūr Ḥasān. Berasal dari Wilayah Khurasan di Republik Islam Iran dan berhijrah ke Afghanistan. Beliau dilahirkan di Bhafar, Pakistan pada tahun 1875M/1292H. Beliau dianggap sebagai tokoh yang telah menyemarakkan pengajian hadith di Kelantan.³⁰

²⁸ Fauzi, “Metodologi Muḥaddithīn,” 85.

²⁹ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Pengantar Ulum Hadis*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., 2005), 25.

³⁰ Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama’ di Semenanjung Melayu (I)* (Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, 2012), 387 dan 389.

Antara sumbangan beliau ialah memperkenalkan dan mengajar kitab-kitab hadith terutamanya *Kutub al-Sittah* di Kelantan.³¹ Manakala di Patani, antara ulama yang paling terkenal menghasilkan karya termasuk karya dalam bidang hadith ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Di Malaysia, ulama yang menyumbang dalam bidang hadith ialah Syeikh Mohd Idris al-Marbawi yang dilahirkan di Mekah pada tahun 1893. Semasa berada di Mekah beliau telah mempelajari ilmu hadith sehingga selesai menyempurnakan pengajian kitab *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beliau telah menghasilkan kitab *Baḥr al-Mādhī* yang merupakan terjemahan dan ulasan lengkap kepada kitab *Ṣaḥīḥ al-Turmudhī*³².

Penerbitan karya-karya hadith adalah sebahagian kecil daripada industri buku negara. Kajian terhadap statistik penerbitannya belum lagi dilakukan. Begitu juga kajian tentang profil dan perkembangan penerbitan karya hadith sehingga kini belum ada. Jika diperhatikan di kedai-kedai buku, buku-buku hadith ini amat kurang berbanding buku-buku lain. Penerbitan karya-karya hadith ini dalam bahasa Melayu di negara kita hari ini hanya diterbitkan oleh beberapa penerbit kerajaan dan swasta sahaja. Penerbit kerajaan yang utama ialah DBP, JAKIM dan penerbit-penerbit universiti. Manakala penerbit swasta pula ialah Pustaka Salam, Jahabersa, Darul Nu,man, Pustaka Jasmin dan lain-lain.³³

Semua cendekiawan bersetuju bahawa hadith atau *al-Sunnah* memainkan peranan penting dalam Syariat Islam. Ia ialah sumber kedua dan sebagai penguat (*ta'kīd*) kepada ayat-ayat al-Qur'an, iaitu menegaskan keterangan atau perintah yang

³¹ Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama' di Semenanjung Melayu (1)*, 387 dan 389; Fauzi Deraman, "Pengajian Hadith di Malaysia: Satu Tinjauan" (makalah, Seminar Warisan al-Quran & Al-Hadith Nusantara, Jilid II, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 27-28 Ogos 2008), X.

³² Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, "Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris: Tinjauan Terhadap Sumbangan dan Penulisan Beliau dalam Majalah Pengasuh Mengenai Ilmu Hadith," *Jurnal Usuluddin* 25 (2007), 63.

³³ Hamed Mohd Adnan, *Memahami Penyuntingan Naskhah* (Bandar Baru Bangi: Medium Publication 2007), 44.

terdapat dalam al-Qur'an. Ia juga berfungsi sebagai penerang (*bayān tafsīr*) kepada al-Qur'an. *Bayān tafsīr* yang dimaksudkan di sini adalah menjelas dan menafsirkan ayat yang *mujmal*, *ḥām* dan *mutlaq*. Selain itu, hadith juga berfungsi sebagai sunnah yang *mustaqillah*, iaitu perkara yang tidak ada dalam al-Qur'an.³⁴

Pengajian hadith ialah pengajian yang mencabar. Tidak semua orang dapat menguasai bidang ini. Sekalipun ia merupakan sumber kedua kepada sempurnanya Islam seseorang, namun tidak banyak golongan umat Islam mengambil berat tentangnya apa lagi menguasainya. Hal ini berlaku kepada orang awam dan para pendakwah.³⁵ Senario ini bertambah kritikal dengan kekurangan karya hadith menyebabkan masyarakat semakin jauh daripada mempelajari hadith, apatah lagi menghayati dan mengamalkan tuntutanannya.

Oleh itu, masyarakat Islam hari ini amat memerlukan karya hadith ini untuk dijadikan panduan dalam menghadapi kehidupan yang amat mencabar, khususnya dalam era globalisasi ini. Senario hari ini, masyarakat berdepan dengan pelbagai gejala sosial. Oleh itu, diharapkan dengan penerbitan karya hadith ini dapat mendekatkan masyarakat kepada ilmu hadith dan seterusnya mampu membentengi masyarakat daripada bergelumang dengan unsur-unsur yang tidak sihat. Justeru, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penerbit terbesar di Malaysia perlu menyahut cabaran ini dan seterusnya menghasilkan karya hadith yang dapat berimpak tinggi dan mendidik masyarakat supaya menjadi masyarakat yang salih dan seterusnya dapat mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju dengan acuan sendiri.

³⁴ Faisal Ahmad Shah, Mohd Khafidz dan Rosni Wazir, *Manahij al-Muhaddithin Metode dan Pendekatan Sarjana Hadith* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, 2010), 20-1.

³⁵ Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff, "Peranan Institut Pengajian Tinggi dalam Kelangsungan Pengajian Hadis," dalam *Kelangsungan Pengajian Hadis Cabaran dan Masa Depan* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2006), 335.

0.2 PERMASALAHAN KAJIAN

- 1) Apakah sejarah penerbitan karya-karya hadith di Malaysia?
- 2) Apakah sejarah, latar belakang dan peranan DBP sebagai penerbit buku di Malaysia?
- 3) Apakah jenis dan kategori karya-karya hadith terbitan DBP?
- 3) Apakah permasalahan dan sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith di Malaysia?

0.3 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Meneliti sejarah penerbitan karya-karya hadith di Malaysia.
- 2) Mengetengahkan sejarah, latar belakang dan peranan DBP sebagai penerbit buku di Malaysia.
- 3) Mengenal pasti jenis dan kategori karya-karya hadith terbitan DBP.
- 4) Menganalisis permasalahan dan sumbangan DBP dalam penerbitan karya-karya hadith di Malaysia.

0.4 KEPENTINGAN KAJIAN

- 1) Membangunkan profil penerbitan karya-karya hadith di Malaysia.
- 2) Mengetengahkan peranan dan sumbangan DBP dalam menerbitkan karya-karya hadith.
- 3) Menyediakan pelan tindakan kepada pihak DBP untuk menerbitkan karya hadith yang bermutu dan memberi impak yang tinggi kepada masyarakat.

- 4) Menyediakan kertas kerja dasar kepada pengurusan DBP strategi dan kaedah untuk mempertingkatkan dan memajukan karya hadith di Malaysia.
- 5) Mengemukakan cadangan kepada pengurusan DBP supaya mempelbagaikan jenis dan kategori penerbitan karya-karya hadith.
- 6) Merangka cadangan dan langkah penyelesaian kepada pengurusan DBP bagi menyelesaikan permasalahan dalam penerbitan karya-karya hadith di DBP.
- 7) Mengemukakan kertas cadangan untuk mempercepatkan proses penerbitan karya hadith. Antaranya dengan mengurangkan kerenah birokrasi dalam tatacara kerja penerbitan dan kerjasama daripada penilai dan penyunting karya hadith menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan.
- 8) Anjakan paradigma kepada penerbit kerajaan dan swasta supaya menerbitkan karya-karya hadith yang bersifat lebih kompetitif dan interaktif.

0.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada operasi DBP dalam menerbitkan karya-karya hadith dari tahun 2003-2013. Kajian ini juga akan membincangkan sejarah, latar belakang dan peranan yang dimainkan oleh Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam dan Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum dalam menerbitkan karya-karya hadith.

Selain itu, pengkaji menelusuri sejarah penerbitan karya hadith di Malaysia yang telah diterbitkan oleh agensi kerajaan dan penerbit swasta sama ada dalam tulisan

Rumi ataupun Jawi. Pengkaji juga meneliti karya hadith yang dihasilkan oleh ulama hadith Nusantara dari kurun ke-17 sehingga kini.

Seterusnya, pengkaji akan meneliti 16 buah buku hadith yang telah diterbitkan oleh DBP, iaitu:

- 1) *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani* (2010).
- 2) *'Ulūm al-Hadīth* (2010).
- 3) *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu* (2010).
- 4) *Al-Fawā'id al-Bahiyyah fi al-Ahādith al-Nabawiyah* (2009).
- 5) *Kumpulan Hadith Masyhur* (2008).
- 6) *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan* (2008).
- 7) *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith* (2006).
- 8) *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith* (2008).
- 9) *Ilmu Hadith Hadith Sebagai Sumber Hukum* (2003).
- 10) *Siri Tokoh-tokoh Hadis Imam Bukhari* (2010).
- 11) *Siri Tokoh-tokoh Hadis Imam Muslim* (2010).
- 12) *Siri Tokoh-tokoh Hadis Ibn Majah* (2010)
- 13) *Siri Tokoh-tokoh Hadis Al-Nasa'i* (2010).
- 14) *Siri Tokoh-tokoh Hadis Abu Daud* (2010).
- 15) *Siri Tokoh-tokoh Hadis Tirmidhi* (2010).
- 16) *Mohamed Idris Al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi* (2013)

Pengkaji juga akan mengenal pasti jenis 16 karya hadith terbitan DBP sama ada dalam bentuk karya asli, terjemahan dan adaptasi. Seterusnya mengkategorikan karya tersebut sama ada sebagai buku dewasa, ilmiah dan remaja.

Seterusnya, pengkaji juga menganalisis permasalahan yang dihadapi oleh DBP dalam penerbitan karya hadith. Walau bagaimanapun, aspek yang diberi tumpuan ialah aspek editorial sahaja. Akhirnya, pengkaji mengupas sumbangan DBP sebagai penerbit terbesar di Malaysia dalam penerbitan karya hadith.

0.6 HURAIAN TAJUK

Tajuk disertasi ini ialah “Penerbitan Karya-karya Hadith di Malaysia: Sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka”. Bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas tentang tajuk kajian ini, penulis akan memberikan huraian tajuk seperti yang berikut:

Penerbitan merujuk kepada *Kamus Dewan* bermaksud urusan atau pekerjaan menerbitkan (majalah atau lain-lain)³⁶. Dalam konteks komunikasi dan media massa, penerbitan ditakrifkan dengan cara yang berbagai-bagai. Walau bagaimanapun, pengertiannya dapat disimpulkan untuk meliputi aktiviti yang berikut, iaitu perniagaan, komunikasi, budaya dan pendidikan.³⁷

Selain itu, ada juga yang mentakrifkan penerbitan ialah satu urusan atau pekerjaan untuk menerbitkan sesuatu, manakala cetak didefinisikan sebagai cap pada kertas atau kain. Maka, gabungan antara kedua-dua istilah ini bermaksud satu jenis kerja

³⁶ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 1668, entri “penerbitan”.

³⁷ Mohd Hamed Adnan, “Alam Penerbitan” (nota edaran, Bengkel Penyuntingan Buku, Guoman Hotel & Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan, 9 – 12 April 2003), 1.

penerbitan yang dicetak pada kain atau kertas.³⁸ Dalam kajian ini, penerbitan difokuskan kepada penerbitan karya-karya hadith yang ditangani oleh Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam dan Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka, JAKIM, Al-Hidayah Publishers Sdn. Bhd., Perniagaan Jahabersa Sdn. Bhd., dan Telaga Biru Sdn. Bhd.

Karya-karya hadith pula bermaksud karya-karya yang diterbitkan dalam bidang hadith. Karya-karya ini sama ada diterbitkan dalam tulisan Jawi ataupun Rumi. Ia juga mencakupi karya asli, terjemahan, dan adaptasi. Sasaran pembacanya pula ialah golongan remaja, dewasa dan institut pengajian tinggi.

Manakala hadith pula menurut semua cendekiawan dan ilmuwan bersetuju bahawa hadith atau *al-Sunnah* memainkan peranan penting dalam Syariat Islam. Ia ialah sumber kedua dan berperanan sebagai penguat (*ta'kīd*) kepada ayat-ayat al-Qur'an, iaitu menegaskan kembali keterangan atau perintah yang terdapat dalam al-Qur'an. Ia juga berfungsi sebagai penerang (*bayān tafsīr*) kepada al-Qur'an. *Bayān tafsīr* yang dimaksudkan di sini ialah menjelas dan menafsirkan ayat-ayat yang *mujmal*, *ām* dan *muṭlaq*. Selain itu, hadith juga berfungsi sebagai sunnah yang *mustaqillah*, iaitu perkara-perkara yang tidak ada dalam al-Qur'an³⁹.

Hadith dari sudut etimologi bermaksud baru (lawan kepada lama) atau perkhabaran (berita).⁴⁰ Manakala dari sudut terminologinya pula, hadith bererti sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, ikrar

³⁸ Nor Hissam Sulaiman, Mot Madon dan Syed Agil Al-Sagoff, *Asas Penerbitan Elektronik*, 83.

³⁹ Faisal, Khafidz dan Rosni, *Manahij al-Muhaddithin*, 20-1.

⁴⁰ Al-Fayrūz Abadī Muḥammad ibn Ya,kūb, *Al-Qāmūs al-Muḥīt*. (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1987), 214.

(pengakuan) atau sifat, sama ada yang berlaku sebelum dibangkitkan menjadi Rasul *tahannuth* – iaitu ibadat yang dilakukan oleh Rasulullah di Gua Hira” – atau sesudah dibangkitkan menjadi Rasul⁴¹.

Menurut Mannā,, al-Qaṭṭān, hadith dari segi bahasa ialah baharu. Manakala hadith menurut ulama *muhaddithīn* pula ialah apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sama ada pada perkataan, perbuatan atau diam setuju (*taqrīr*) atau sifat sama ada sifat kejadian atau sifat akhlak, sirah sama ada sebelum atau sesudah menjadi Rasul.⁴²

Menurut beliau lagi, perkataan ialah apa yang diucapkan oleh Nabi Muhammad SAW pada pelbagai peristiwa dan perkara yang bersangkutan dengan pensyarian sesuatu hukum. Perbuatan pula ialah setiap perbuatan Nabi Muhammad s.a.w. yang dipindahkan melalui perkataan seperti cara Nabi s.a.w. berwuduk, cara Nabi Muhammad s.a.w. menunaikan ibadah haji dan cara Nabi Muhammad s.a.w. menunaikan solat. *Taqrīr*, iaitu diam setuju ialah persetujuan oleh Nabi Muhammad SAW terhadap apa yang diperkatakan atau dilakukan oleh sebahagian daripada Sahabat Nabi SAW sama ada dengan mendiamkan diri atau tidak mengingkari perbuatan Sahabat itu atau menzahirkan perbuatan baiknya.⁴³

Justeru, setiap apa yang datang daripada Rasulullah s.a.w. selain al-Qur’an, sama ada untuk menjelaskan hukum-hukum syarak atau mentafsir dan melaksanakan apa

⁴¹ Muḥammad ,Ajjāj, *Uṣūl al-Ḥadīth*, 19; lihat juga Ṣubḥī Ṣāliḥ, *‘Ulūm al-Ḥadīth wa Muṣṭalaḥuhu* (Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1991), 3.

⁴² Mannā,, al-Qaṭṭān, *Mabāḥiṭh fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 7; lihat juga Jayb Aḥmad al-Kirānawī dan Ashraf ,Alī al-Taḥānawī, *Qawā ‘id fī ‘Ilm al-Ḥadīth* (Beirut: Dar al-Fikr al-‘Arabi, 1990), 9.

⁴³ Mannā,, al-Qaṭṭān, *Mabāḥiṭh fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, 8;; Abd al-Karīm Zaydān dan ,Abd al-Qaḥḥār,, *Ulum al-Ḥadīth*, 13-5.

yang terkandung dalam al-Qur'an dinamakan *al-Hadīth al-Nabawī*. Hadith ini sama ada bersumberkan wahyu daripada Allah SWT atau ijtihad Rasulullah s.a.w.

Sumbangan pula menurut *Kamus Dewan* ialah sesuatu yang diberikan sebagai bantuan (kepada keramaian dan lain-lain), bantuan atau pertolongan yang diberikan.⁴⁴

Dewan Bahasa dan Pustaka atau singkatannya DBP merujuk kepada sebuah badan berkanun yang terletak di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Penubuhan DBP tertakluk kepada Akta DBP 1959 (Pindaan dan Perluasan 1995) yang bergiat dalam hal-hal kebahasaan, kesusasteraan, kebudayaan dan penerbitan⁴⁵.

0.7 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Hasil penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, terdapat beberapa kajian yang mengkaji tentang penerbitan di DBP, iaitu:

- 1) Mohd. Fesal Muhammad, "Sejarah Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Sumbangannya dalam Penerbitan Buku" (tesis sarjana Usuluddin-Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

Kajian ini membincangkan sejarah Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam Dewan Bahasa dan Pustaka (BAFTI) dan Sumbangannya dalam penerbitan buku sejak penubuhannya dari tahun 1993 hingga 2004. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi, pensejarahan dan temu bual dalam mendapatkan data. Manakala dalam menganalisis data pula, metode deduktif dan induktif digunakan.

⁴⁴ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, cet. ke-3, 1540, entri "sumbangan"

⁴⁵ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Citra Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 16.

Hasil kajian mendapati bahawa BAFTI telah memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat melalui penerbitan buku dalam pelbagai bidang agama seperti akidah, sejarah Islam, tafsir dan lain-lain lagi.

Kajian ini memfokuskan kepada sejarah Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam Dewan Bahasa dan Pustaka (BAFTI) dan sumbangannya dalam penerbitan buku agama dalam pelbagai bidang, manakala pengkaji hanya memfokuskan kajian kepada penerbitan buku hadith sahaja.

- 2) Abd Rahim Omar, "Penerbitan Buku Sains untuk Kanak-kanak: Tumpuan kepada DBP" (tesis sarjana Pengajian Penerbitan, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 2005).

Kajian ini memfokuskan kepada senario penerbitan buku sains kanak-kanak di DBP dari aspek profil penerbitan, profesionalisme penulis dan editor, masalah yang dihadapi oleh mereka serta mutu dan prospek penerbitan buku sains kanak-kanak.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian lapangan dan perpustakaan.

Hasil kajian menunjukkan penerbitan buku sains kanak-kanak tidak menghadapi masalah yang besar dari segi profesionalisme penulis dan editor. Kebanyakan penulis dan editor tahu tentang tugas, tanggungjawab intelektual dan amalan profesionalisme dalam penerbitan buku sains kanak-kanak. Kajian ini memfokuskan kepada penerbitan buku sains untuk kanak-kanak di DBP, manakala pengkaji mengkaji penerbitan karya hadith di DBP.

- 3) Rosnah binti Awang, “Penerbitan Ensiklopedia: Tumpuan Kepada Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka” (disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2001).

Kajian ini mengkaji tentang penerbitan Ensiklopedia terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam konteks kerja-kerja pembinaan dan penerbitan ensiklopedia, prosedur kerja yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah proses perancangan, perolehan, pemprosesan (editorial), dan penyebaran.

Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif dan pengkaji menggunakan analisis deskriptif terhadap data-data yang terkumpul.

Hasil kajian adalah untuk mendapatkan maklumat yang jelas tentang sistem pengurusan pengendalian projek ensiklopedia yang dilaksanakan oleh DBP sama ada karya asli atau karya terjemahan. Selain itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak editorial semasa melaksanakan projek. Kajian ini memfokuskan kepada penerbitan ensiklopedia di DBP, manakala pengkaji pula memfokuskan kepada penerbitan karya hadith.

- 4) Salmi binti Bahrom, “Pengurusan Penerbitan Buku dalam Perkembangan Teknologi Maklumat” (disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2003).

Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada tiga aspek utama, iaitu fungsi dan amalan pengurusan penerbitan buku, teknologi komputer yang boleh digunakan dalam pengurusan penerbitan buku dan tahap penggunaan teknologi komputer dalam penerbitan buku. Kajian telah dilakukan terhadap

5 buah penerbit di Malaysia dan memilih DBP sebagai salah sebuah penerbit kerajaan.

Metodologi kajian menggunakan kajian kepustakaan, kajian lapangan dan penganalisan data. Kajian ini mengupas pengurusan penerbitan buku dalam perkembangan teknologi maklumat di DBP, manakala pengkaji mengkaji peranan dan sumbangan DBP sebagai penerbit karya hadith.

- 5) Noraida Ismail, “Profil Penerbitan Buku Sains dan Teknologi : Tumpuan Kepada Dewan Bahasa dan Pustaka” (disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2007).

Kajian ini cuba menghasilkan profil penerbitan buku sains dan teknologi Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya di Bahagian Sains dan Teknologi untuk tempoh 11 tahun (1995-2005). Ia juga mengkaji amalan dan masalah penerbitan buku sains dan teknologi di peringkat editorial bagi mendapatkan situasi sebenar penerbitannya.

Metodologi kajian adalah menggunakan data sekunder, analisis temu bual dan pemerhatian turut serta.

Kajian ini mengupas tentang penerbitan buku sains dan teknologi dengan menumpukan kajian kepada DBP, manakala pengkaji pula menumpukan kajian kepada peranan dan sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith.

- 6) Hamidah Mohamad, “Usaha-usaha Menerbitkan Karya Hadith di Malaysia” (latihan ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1990).

Kajian ini memfokuskan kepada sejauh mana usaha-usaha bahagian penerbitan kerajaan dan swasta menerbitkan buku hadith dan masalah-masalah yang dihadapi. Ia juga membincangkan tokoh-tokoh yang memberikan sumbangan dalam bidang hadith dan sambutan masyarakat terhadap buku-buku hadith tersebut.

Hasil kajian menunjukkan usaha penerbitan buku hadith telah lama wujud dan dipelopori oleh Tok Wan Ali Kutan dan Tuan Tabal tetapi tidak mengikut metodologi hadith yang sebenar. Tokoh yang memperkenalkan metodologi hadith di Malaysia ialah Maulana Khurasan. Terdapat pelbagai masalah dalam penerbitan karya hadith seperti masalah kewangan, percetakan dan pemasaran. Kajian ini memfokuskan kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh penerbit kerajaan dan swasta, manakala pengkaji pula hanya menumpukan kepada peranan dan sumbangan DBP dalam penghasilan karya hadith di Malaysia.

- 7) Norhaslina Jamaluddin, “Penerbitan Buku-buku Agama DBP” (latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1999).

Kajian ini membincangkan peranan DBP dalam menerbitkan buku-buku agama, potensi penerbitan buku-buku agama pada masa kini dan masa akan datang dan masalah yang dihadapi dalam menerbitkan buku agama. Kajian ini menggunakan metode lapangan dan perpustakaan.

Hasil kajian mendapati bahawa pada tahun 1990-an DBP banyak menerbitkan buku dalam bidang sains sama ada sains gunaan, tulen, sains dan teknologi selain menumpukan kepada bidang bahasa dan sastera.

Kekurangan buku agama terbitan DBP berpunca daripada dasar DBP yang menjurus kepada fungsi sebagai sebuah badan yang memperkembangkan bahasa kebangsaan. Kajian ini membincangkan tentang penerbitan buku agama dalam pelbagai bidang di DBP, manakala pengkaji hanya mengkhususkan kepada penerbitan karya hadith sahaja.

Terdapat banyak kajian yang dilakukan dalam bidang hadith, antaranya:

- 1) Abdul Hayei Abdul Sukor, “Sumbangan Syah Waliyullah al-Dihlawi kepada Ilmu Hadith dan Penganutnya di Kelantan” (tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1988).

Kajian ini membincangkan sumbangan Syah Waliyullah al-Dihlawi kepada Ilmu Hadith dengan memfokuskan kepada biografi, pemikiran tajdid dan metode yang digunakan dalam menyebarkan pengajian hadith sama ada menerusi ataupun tulisan. Kajian ini juga menghuraikan pengaruh beliau dalam pengajian hadith di Kelantan.

Metode kajian ialah kajian perpustakaan dan lapangan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa Kelantan ialah negeri yang paling awal menerima pengajian hadith aliran al-Dihlawi melalui muridnya, iaitu Sayyid Hasan al-Khurasani yang lebih dikenali dengan Tok Khurasan yang terdidik di sekolahnya. Masyarakat Kelantan terhutang budi kepada Tok Khurasan kerana berjaya mengalih pandangan ulama kepada bidang hadith disebabkan sebahagian besar ulama pada masa itu lebih menumpukan perhatian kepada kitab-kitab fiqh. Kajian ini secara keseluruhannya mengupas tentang sumbangan Syah Waliyullah al-Dihlawi kepada Ilmu Hadith dan

pengaruhnya di Kelantan, manakala pengkaji pula memfokuskan kepada sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith.

- 2) Fauzi Deraman, “Kedudukan hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian terhadap Karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fataniy” (tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997).

Kajian ini membincangkan kedudukan hadith dalam kitab Jawi, hadith sebagai sumber hukum, pembahagian hadith dan hukum berhujah dengan hadith. Kajian ini juga meghuraikan biografi Syeikh Daud bin Abdullah al-Fataniy dan sumbangannya dalam ilmu Islam di Nusantara.

Metodologi yang digunakan ialah metode historis dan dokumentasi.

Hasil kajian ialah hadith sebagai sumber hukum utama dan kitab Jawi telah memberikan sumbangan yang besar dalam pengajian Islam pada zamannya.

Kajian ini juga membuktikan bahawa Syeikh Daud bin Abdullah al-Fataniy tokoh ulama yang berjasa dan telah memberikan sumbangan dalam pelbagai bidang Pengajian Islam, antaranya usuluddin, tasawuf dan perundangan Islam. Walau bagaimanapun, penulisan dan kajian dalam bidang hadith ini agak terkebelakang berbanding bidang lain. Pemakaian hadith dalam karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fataniy ini adalah sama dengan karya-karya kitab Jawi lain, iaitu mendatar dan secara umum sahaja.

Kajian ini secara keseluruhannya mengupas kedudukan hadith dalam kitab Jawi, manakala pengkaji pula memfokuskan kepada sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith.

- 3) Mohd. Muhiden Abd Rahman, “Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānirī dan Sumbangannya kepada Pengajian al-Hadith: Kajian terhadap kitab al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Ahādith al-Nabawiyyah” (tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

Kajian ini menghuraikan sumbangan Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānirī kepada pengajian hadith khususnya penulisan kitab al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Ahādith al-Nabawiyyah.

Metodologi kajian menggunakan kajian kepustakaan, pengumpulan data dan penganalisan data.

Hasil kajian ialah Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānirī telah memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan Islam di Aceh dan Nusantara. Beliau juga membawa aliran baharu Ahl Sunnah wa al-Jama'ah yang berasaskan akidah al-Asy'ariyyah dan membawa pembaharuan kepada pemikiran dan kehidupan beragama umat Islam di Aceh. Selain itu, beliau juga telah menghasilkan kitab al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Ahādith al-Nabawiyyah, iaitu kitab hadith pertama yang dihasilkan oleh ulama Nusantara.

Kajian ini secara keseluruhannya mengupas sumbangan Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānirī kepada pengajian hadith khususnya kitab al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Ahādith al-Nabawiyyah, manakala pengkaji pula memfokuskan kepada sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa kajian lepas tentang DBP hanya menumpukan antaranya kepada penerbitan buku sains, penerbitan ensiklopedia dan pengurusan penerbitan buku dalam perkembangan teknologi maklumat. Terdapat tiga kajian yang membincangkan sumbangan DBP dalam menerbitkan

buku agama secara umum, iaitu kajian oleh Norhaslina Jamaluddin yang bertajuk “Penerbitan Buku-buku Agama DBP”, Mohd. Fesal Muhammad yang bertajuk “Sejarah Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, DBP dan Sumbangannya dalam Penerbitan Buku” dan Hamidah Mohamad, “Usaha-usaha Menerbitkan Karya Hadith di Malaysia. Justeru, tiada kajian khusus yang membincangkan tentang sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith.

0.8 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan beberapa metode penyelidikan untuk mendapatkan maklumat dan data seperti yang berikut:

1. Metode Pengumpulan Data

Secara umumnya, kajian yang cuba menganalisis Penerbitan Karya Hadith di Malaysia: Sumbangan DBP ini menggunakan kaedah Kualitatif Diskriptif. Bagi merealisasikan penyelidikan ini, dua kaedah utama digunakan, iaitu metode pengumpulan data untuk mengumpulkan data berkaitan kajian dan kaedah penganalisan data untuk menganalisis data-data terkumpul.

Dalam mengumpul data, penulis telah melakukan dua jenis penyelidikan, iaitu penyelidikan lapangan dan penyelidikan perpustakaan. Penyelidikan perpustakaan merupakan teknik yang mana seseorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.⁴⁶

⁴⁶ Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*, ed. ke-2 (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991), 41.

Bagi kajian perpustakaan, penulis telah membuat rujukan kepada kitab muktabar seperti *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, kitab *‘Ulūm Ḥadīth* dan *Muṣṭalāh Ḥadīth* seperti *al-Waṣīt fī ‘Ulūm wa Muṣṭalah al-Ḥadīth* dan „*Ulūm al-Ḥadīth wa Muṣṭalahuhu*, buku-buku tentang penerbitan dan penulisan hadith yang diperoleh daripada beberapa perpustakaan, iaitu Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, dan Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Manakala bahan berkenaan DBP seperti profil DBP dan Laporan Tahunan DBP, penulis peroleh daripada Pusat Dokumentasi Melayu DBP.

Di bawah kajian perpustakaan juga penulis telah menggunakan metode pensejarahan dan dokumentasi, iaitu:

a. Pensejarahan (Historis)

Metode pensejarahan merupakan proses menguji dan menganalisis secara kritis rakaman dan peninggalan masa lampau. Penulis menggunakan metode ini dalam bab dua, iaitu sejarah penubuhan DBP, sejarah Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam serta sejarah Bahagian Buku Umum.

Metode historis ialah salah satu cara pengumpulan data yang dilakukan dengan cara merujuk kepada fakta-fakta yang berbentuk sejarah atau kajian-kajian lampau. Ia bersifat penafsiran bukannya pengulangan atau laporan semula semata-mata. Maklumat sejarah didapati daripada dokumen, rekod (kuantitatif dan lisan) dan relik.⁴⁷ Metode ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai sesuatu peristiwa, perkembangan dan

⁴⁷ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 21.

pengalaman yang telah berlaku untuk mengumpulkan serta menentukan bukti dan fakta secara sistematik dan objektif.⁴⁸

b. Dokumentasi

Metode ini ialah satu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skop kajian. Dokumen ialah setiap benda bertulis yang dapat memberi pelbagai maklumat, contohnya buku, catatan harian, autobiografi, surat khabar, cerita rakyat, gambar-gambar dan sebagainya.

Dalam kajian ini penulis telah mengkaji dan menganalisis dokumen berkenaan AFTI, Bahagian Buku Umum, dan buku Laporan Tahunan DBP. Metode dokumentasi ini digunakan dalam bab dua apabila merekodkan sejarah penubuhan BAFTI, Bahagian Buku Umum, dan sejarah DBP. Penulis juga meneliti karya-karya hadith terbitan DBP, JAKIM dan penerbit swasta seperti Al-Hidayah Publishers, Perniagaan Jahabersa Sdn. Bhd. dan Telaga Biru Sdn. Bhd.

Selain itu, penulis juga membuat penyelidikan lapangan. Penulis telah menggunakan beberapa kaedah dalam mengumpulkan data seperti yang berikut:

a. Temu bual (interview)

Temu bual ialah kaedah secara langsung mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada responden. Dalam konteks ini, berlaku hubungan dua hala atau *face to face* antara penyelidik dengan responden

⁴⁸ Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 31.

atau sebaliknya apabila temu bual dilakukan melalui telefon. Kaedah ini memberi banyak kelebihan dalam mendapatkan data. Antaranya penyelidik mendapat maklumat lebih cepat dan langsung, maklumat lebih menyakinkan kerana ia dapat diperhatikan kepada *body language* responden.⁴⁹ Kaedah inilah yang paling popular dalam tinjauan sosioekonomi atau sains sosial.⁵⁰

Penulis telah membuat temu bual separa berstruktur dengan empat orang pakar hadith tentang karya-karya hadith di negara kita. Mereka ialah Profesor Dr Jawiah Dakir, Dr Abdul Hayei Abdul Sukor, Dr Budah @ Uдах Muhsin dan Profesor Madya Dr Ishak Suliaman. Justifikasi pemilihan mereka adalah disebabkan mereka antara pakar bidang hadith di Malaysia yang aktif menulis dalam bidang hadith dan bidang-bidang lain. Selain itu, DBP juga telah menerbitkan karya-karya hadith mereka.⁵¹

Selain itu, temu bual juga diadakan dengan editor dan mantan editor di Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam dan editor di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum.

Mereka ialah Puan Marsilawati Mohd Rani, Puan Norliza Embong, En.

⁴⁹ *Ibid.*, 65.

⁵⁰ Ahmad Mahdzan Ayob, *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 66.

⁵¹ Karya hadith yang ditulis oleh Dr Budah @ Uдах Muhsin ialah *Pengenalan Kitab-kitab al-Sittah, Ulum Hadith, Kumpulan Hadith Masyhur, Kumpulan Hadith Masyhur Edisi Kedua*. Manakala karya Dr Abdul Hayei Abdul Sukor pula ialah *Ulasan dan Terjemahan Hadith 40 Jilid 1* dan *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan*. Profesor Dr Jawiah Dakir pula telah menulis karya *Kumpulan Hadith Masyhur Edisi Kedua, Sunah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu, Sirah Nabi Muhammad s.a.w. (dalam peringkat penulisan)*. DBP sedang menguruskan penerbitan karya hadith yang ditulis oleh Profesor Madya Dr Ishak Suliaman sebanyak 2 judul, iaitu *Fiqh dan Ijtihad Imam al-Bukhari* dan *Tokoh Hadith: Ibn Hajar al-'Asqalani*.

Mohd Azam Juhari, Puan Noriyani Yusoff, Sufi Noryani Sufian dan Siti Maizatul Rozihani Ikhsan. Mereka dipilih sebagai responden kerana mereka merupakan editor di BAFTI dan Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum yang menangani penerbitan karya hadith.

Temu bual juga diadakan dengan editor Jabatan Penerbitan JAKIM, iaitu Puan Shamrifah Dahlan, Penolong Pengarah di Jabatan Penerbitan untuk mendapatkan maklumat tentang isu-isu dan masalah yang dihadapi dalam menerbitkan karya-karya hadith.

Selain itu, pengkaji juga telah menemu bual pengadaptasi dan penyunting karya-karya hadith terbitan DBP, iaitu Dr. Rosmawati Ali @ Mat Zin, seorang penulis dan penyunting bebas untuk mendapatkan data tentang masalah yang dialami dalam penyuntingan dan pengadaptasian karya hadith ini.

Pengkaji juga telah membuat temu bual dengan editor-editor syarikat yang menangani penerbitan buku hadith, iaitu editor Telaga Biru Sdn. Bhd., Al-Hidayah Publishers/Publications Sdn. Bhd. dan Perniagaan Jahabersa Sdn. Bhd. Pemilihan tiga syarikat ini adalah mewakili syarikat penerbitan swasta yang banyak menghasilkan karya hadith. Selain itu, pengkaji juga telah membuat temu bual dengan editor di Dawama Sdn. Bhd., iaitu Puan Halimatun Saadiah Che Harun untuk mendapatkan maklumat tentang jenis-jenis kerja yang dilakukan di syarikat tersebut.

b) Pemerhatian Ikut Serta

Pengkaji juga menggunakan metode pemerhatian ikut serta ini kerana pengkaji ialah salah seorang pegawai di BAFTI dan Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum yang telah berkhidmat selama 17 tahun sebagai editor buku agama. Dalam hal ini, pengkaji terlibat secara langsung dalam penerbitan karya hadith khususnya pada peringkat editorial. Oleh itu, hal ini memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data-data primer berkenaan DBP, karya hadith terbitan DBP, isu dan masalah penerbitan karya hadith dan proses penerbitan buku hadith di DBP.

Metode Analisis Data

a) Metode induktif

Kaedah ini sebagai cara menganalisis data melalui pola berfikir dengan pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk mencapai data-data umum.⁵² Sebahagian besar daripada penganalisisan data yang dilakukan dalam disertasi ini menggunakan metode analisis data induktif. Contohnya pengkaji menggunakan metode ini dalam Bab 3 apabila menganalisis karya-karya hadith terbitan DBP sebanyak 16 buah. Seterusnya merumuskan jenis-jenis karya tersebut sama ada karya asli, terjemahan, ataupun adaptasi. Metode ini juga digunakan dalam Bab 4 apabila menganalisis format penulisan karya hadith terbitan DBP dan trend penerbitannya serta merumuskan bahawa karya-karya hadith terbitan DBP menepati standard penerbitan buku-buku hadith.

⁵² Imam Barnadib, *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Penerbitan FIP-IKIP Yogyakarta, 1982), 52-3.

a. Metode Deduktif

Kaedah ini diertikan sebagai pola berfikir dalam mencari pembuktian dengan dalil-dalil umum kepada dalil-dalil khusus. Dalam hal ini, ia adalah suatu proses membuat kesimpulan dari maklumat atau fakta yang ada darinya keadaan yang umum kepada khusus.⁵³ Melalui proses deduktif, kesimpulan atau rumusan dibuat daripada maklumat atau fakta yang ada. Oleh itu, deduktif dapat dirumuskan sebagai proses mental membuat kesimpulan daripada satu keadaan umum kepada khusus. Pengkaji menggunakan metode deduktif ini dalam menganalisis setengah-setengah data, terutamanya sejarah penulisan hadith dalam Islam sebagaimana yang terdapat dalam Bab Pendahuluan.

0.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Setiap bab akan membincangkan secara terperinci tentang sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti sejarah penerbitan karya-karya hadith di Malaysia. Pengkaji juga akan menyetengahkan sejarah, latar belakang dan peranan DBP sebagai penerbit buku di Malaysia. Seterusnya mengenal pasti jenis dan kategori karya-karya hadith terbitan DBP. Akhir sekali, pengkaji akan menganalisis permasalahan dan sumbangan DBP dalam penerbitan karya-karya hadith di Malaysia.

⁵³ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 83.

Dalam bab pendahuluan ini, pengkaji akan mengupas tujuan kajian ini dibuat. Bab ini akan memberi input dan gambaran awal kepada pembaca mengenai kajian ini dilakukan. Bermula dengan latar belakang kajian, diikuti dengan permasalahan kajian dan objektif kajian dilakukan. Pengkaji juga mengemukakan beberapa kepentingan kajian DBP khususnya dan masyarakat umumnya. Selain itu, pengkaji juga menerangkan skop kajian dan beberapa istilah serta pengertian mengenai tajuk kajian. Pengkaji juga meninjau beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini juga dikupas dan diakhiri dengan sistematika penulisan dan penutup.

Bab satu ini menerangkan sejarah penerbitan karya hadith di Malaysia dalam bentuk tulisan Jawi dan Rumi bermula pada tahun 1888 M sehingga kini yang diterbitkan oleh pihak kerajaan, iaitu DBP dan JAKIM ataupun penerbit swasta, iaitu Al-Hidayah Publishers Sdn. Bhd., Telaga Biru Sdn. Bhd. dan Perniagaan Jahabersa Sdn. Bhd. Ia juga membincangkan tentang sejarah perkembangan penulisan karya hadith dalam tulisan Jawi di Nusantara. Selain itu, pengkaji juga menerangkan jenis dan kategori karya hadith tersebut.

Bab dua pula menerangkan sejarah DBP, sejarah Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam dan sejarah Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam. Bab ini juga membincangkan tentang dasar penerbitan DBP, struktur organisasi dan pentadbiran DBP serta penstrukturan semula DBP 2010. Seterusnya diikuti dengan kupasan tentang bidang, bentuk, jenis, kategori, penerbitan, skop penerbitan, program penerbitan buku berpakej DBP.

Bab tiga menerangkan karya hadith terbitan DBP sebanyak 16 buah buku dari tahun 2003-2013. Pengkaji juga menerangkan jenis penerbitan karya hadith DBP, iaitu karya asli, terjemahan dan adaptasi. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan kategori karya hadith, sama ada kategori remaja, dewasa dan ilmiah. Seterusnya pengkaji menerangkan permasalahan penerbitan karya hadith DBP dan proses penerbitan karya hadith DBP.

Dalam bab empat ini pengkaji menganalisis karya hadith terbitan DBP dengan menyatakan jumlah penerbitan buku agama, bilangan karya hadith DBP dan peratus penerbitan karya hadith dari tahun 2003-2014. Pengkaji juga menghuraikan trend penerbitan karya hadith DBP, isu dan masalah penerbitan karya hadith DBP serta format penerbitan karya hadith terbitan DBP. Seterusnya sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith di Malaysia.

Bab 5 ini mengemukakan kesimpulan daripada keseluruhan perbincangan kajian dan juga beberapa saranan yang dicadangkan kepada DBP dan para ilmuwan.

0.10 PENUTUP

Bab Pendahuluan ini menerangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, huraian tajuk, sorotan kajian lepas, metode yang digunakan, dan sistematika penulisan yang disusun oleh pengkaji. Kajian ini menumpukan kepada karya-karya hadith yang telah diterbitkan oleh DBP sebanyak 16 judul dari tahun 2003-2013. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan dan lapangan.

BAB 1

SEJARAH PENERBITAN KARYA HADITH DI MALAYSIA

1.0 PENDAHULUAN

Hadith ialah sumber kedua selepas al-Qur'an. Ia merupakan penghurai dan penguat kepada al-Qur'an. Para *muḥaddithīn* umumnya, dan ulama Nusantara khususnya telah menggembleng usaha dan tenaga bagi memartabatkan ilmu hadith ini menerusi pengajaran hadith dan penghasilan karya. Namun begitu, pada kurun ke-17M dan ke-18M bidang pengajian hadith mengalami zaman suram. Hal ini terbukti pada zaman itu kebanyakan karya-karya yang dihasilkan adalah dalam bidang tasawwuf, akidah dan fiqh. Kitab-kitab dalam bidang hadith terkebelakang berbanding bidang lain sehinggalah pada kurun ke-17M, apabila Syeikh Nur al-Din al-Raniri menghasilkan karya *al-Fawā'id al-Bahiyyah fī al-Aḥādith al-Nabawiyyah*, iaitu buku pertama dalam bidang hadith yang dihasilkan di Nusantara dalam bentuk karya asli. Karya ini ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab dengan menggunakan tulisan Jawi.¹

Selepas itu, barulah era penulisan buku hadith semakin rancak dan banyak karya dihasilkan oleh ulama-ulama tempatan dan Nusantara. Dalam bab ini, penulis akan menerangkan sejarah penerbitan karya hadith di Nusantara dan Malaysia dari kurun ke-17M sehingga kini.

¹ Mohd. Muhiden Abd. Rahman, *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 53.

1.1 SEJARAH PERKEMBANGAN PENULISAN KARYA-KARYA HADITH DALAM TULISAN JAWI DI NUSANTARA

Secara umumnya, para ulama di Nusantara hanya menumpukan penulisan mereka dalam tiga bidang ilmu agama sahaja, iaitu tauhid, fiqh dan tasawwuf.² Walau bagaimanapun, perbincangan dalam bidang hadith tetap ada tetapi hanya melibatkan status dan nilai hadith yang terdapat dalam karya-karya tersebut.

Perkembangan pengajian hadith dan penulisan ilmunya di Nusantara adalah berkait rapat dengan kedatangan Islam ke rantau ini. Tidak ada kata sepakat dalam kalangan pengkaji sejarah tentang tarikh kedatangan agama Islam ke rantau Asia Tenggara atau lebih khusus Nusantara. Ada yang mengatakan pada abad ke-7M, ada yang mengatakan pada abad ke-8M atau ke-9M, dan ada pula yang mengatakan pada abad ke-13M.³

Kebanyakan pengkaji dari Barat lebih cenderung untuk lewat-lewatkan tarikh ketibaan agama Islam dengan mengatakan pada abad ke-13M. Manakala pengkaji Timur yang beragama Islam pula menyegerakannya hingga seawal abad ke-7M. Ketetapan ini dibuat dalam dua seminar “Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia” yang berlangsung di Medan (1963) dan Aceh (1978). Kedua-dua seminar tersebut merumuskan bahawa Islam mula datang ke Alam Melayu pada abad pertama Hijrah⁴

² Mahayuddin Hj. Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 1:34 dan 352.

³ Mahayudin Hj. Yahaya, “Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar untuk Abad Akan Datang,” *Jurnal Usuluddin* 1 (1993), 66.

⁴ Mahayudin Hj. Yahaya, “Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar untuk Abad Akan Datang,” 66.

(atau kurun ke-7M) sewaktu Rasulullah SAW masih hidup lagi, iaitu secara terus dari negeri Arab.⁵

Kedatangan orang Arab ke Nusantara ini adalah melalui interaksi antara masyarakat setempat dengan pedagang Arab dan India. Walau bagaimanapun, pengajian hadith berlaku lewat sedikit berbanding ilmu-ilmu lain. Bahkan sebelum abad ke-20M, bahan yang banyak diajarkan di Nusantara ialah al-Qur‘an, ilmu-ilmu akidah, tasawwuf, fiqh Shafi,yyah, *nahu* dan *şoraf*. Demikian juga dari sudut pengkaryaan ulama Nusantara, didapati karya-karya mereka lebih banyak mewakili cabang-cabang ilmu berkenaan. Perbincangan tentang hadith dan ilmu yang berkaitan dengannya masih belum dibukukan secara khusus, sebaliknya terdapat dalam kitab-kitab fiqh, tasawwuf dan akidah.⁶

Pengkaryaan dalam bidang hadith secara khusus di Nusantara dapat dikesan seawal abad ke-17M. Kebanyakan karya-karya yang dihasilkan pada peringkat ini lebih tertumpu kepada pengumpulan hadith secara umum, terjemahan ke dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi dan huraian ringkas kepada maksud hadith. Karya hadith juga tidak terbatas kepada hadith *şahīh* sahaja, malah turut mengandungi hadith *da‘īf*, *āthār* para Sahabat r.a. dan *tābi‘īn*. Manakala sebahagian karya yang lain menumpukan kepada aspek fiqh yang diperoleh daripada hadith-hadith.⁷ Metode penulisan manuskrip hadith lebih bersifat penyampaian secara lisan sebagaimana yang dilakukan oleh ulama hadith terdahulu.⁸

⁵ Mahayudin Hj. Yahaya, “Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar untuk Abad Akan Datang,” 66.

⁶ Mazlan Ibrahim, Haziyah Husin dan Latifah Abdul Majid, ed., “Pendahuluan” dalam *Warisan Hadis Ulama Nusantara* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012), 11.

⁷ Mazlan Ibrahim, Haziyah Husin dan Latifah Abdul Majid, ed., “Pendahuluan” dalam *Warisan Hadis Ulama Nusantara*, 12.

⁸ Mahayuddin Haji Yahaya, *Karya-karya Klasik Melayu-Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 21-22.

Akhir abad ke-19M dan awal abad ke-20M memperlihatkan suatu anjakan telah berlaku dan ilmu ini menuju ke satu dimensi baharu kerana ulama dan masyarakat setempat telah memberikan perhatian kepada disiplin-disiplin ilmunya sama ada dalam bentuk penulisan atau penyampaian. Para ulama bergiat aktif menghasilkan karya-karya bernilai dalam bidang hadith sama ada dalam bentuk karya asli mahupun terjemahan dan syarahan kepada kitab-kitab berbahasa Arab karangan ulama dari Timur Tengah. Mereka menyusun semula, menghalusi, memilih dan mensyarahkan kitab-kitab tersebut.⁹

Karya hadith pertama dalam bentuk karya asli di Nusantara yang dihasilkan dalam bidang hadith ini ialah *al-Fawā'id al-Bahiyyah fī Aḥādīth al-Nabawīyyah* karangan Syeikh Nur al-Din al-Raniri. Ia juga dikenali dengan *Hidāyah al-Ḥabīb fī al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Karya ini dihasilkan pada tahun 1045H/1635M. Kitab ini merupakan kitab hadith pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu.¹⁰ Kitab ini telah dicetak dan diletakkan bersama-sama dengan kitab *Ḥashiyah Jāmi' al-Fawā'id* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Kitab ini adalah salah satu daripada karangannya sebanyak 30 buah.¹¹

Kitab ini mengandungi 832 hadith yang berkaitan dengan *targhīb* dan *tarhīb*, iaitu hadith yang menggalakkan membuat kebaikan dan menakutkan daripada melakukan kejahatan. Selain daripada hadith-hadith Rasulullah s.a.w., al-Raniri juga memetik beberapa ayat al-Qur'an, kata-kata Sahabat serta ulama untuk menguatkan dan menyokong hujah yang dikemukakan.¹²

⁹ Mazlan Ibrahim, Haziyah Husin dan Latifah Abdul Majid, ed., "Pendahuluan" dalam *Warisan Hadis Ulama Nusantara*, 12.

¹⁰ Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Khazanah Karya Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1991), 2:60.

¹¹ Mahayuddin, *Naskhah Jawi*, 1:47 dan 48-54.

¹² Mohd. Muhiden, *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri*, 57.

Bermula dengan bab “Bab Pada Menyatakan Menggemari Niat” dan berakhir dengan “Bab Pada Menyatakan Menggemari Meminta Ampun dan Taubat”.¹³

Syeikh Nur al-Din al-Raniri dalam sejarah pengembangan agama dan ilmu pengetahuan Islam di Aceh, terkenal sebagai seorang tokoh ulama besar, pengarang terulung, ahli politik dan falsafah dalam lingkungan *Ahli Sunnah wa al-Jamā‘ah* yang bermazhab Shāfi,ī. Beliau juga pernah bersahabat dan berguru dengan Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri dan ulama lain yang datang belajar ke Banda Aceh Darussalam.¹⁴

Antara karya hadith yang terawal juga ialah *Sharḥ al-Laṭīf ‘alā al-Arba‘īn Ḥadīthā li Imām al-Nawāwī* oleh Abd Rauf al-Fansuri al-Singkili (m. 1693). Kitab ini ialah karya terjemahan. Setakat ini baru dijumpai dua buah manuskrip yang tersimpan di PMM-PMM. Manuskrip pertama tidak lengkap tetapi telah ditransliterasikan oleh Hj. Wan Mohd. Shaghir. Pada penghujung 1994, baharu ditemui sebuah manuskrip lagi yang lengkap kandungannya. Tafsirannya berdasarkan pendekatan sufi dan merupakan karya terjemahan dan tafsir *Ḥadīth Arba ‘īn Imām Nawāwī*.¹⁵

Walaupun ia lebih merupakan karya terjemahan, Abd Rauf telah membentuk metodologinya tersendiri yang dirasakan sesuai dengan iklim Nusantara.¹⁶ Karya ini masih dalam bentuk manuskrip dan ia selesai ditulis pada hari Selasa bulan Safar tahun 1091H / 1680M. Ia merupakan karya terjemahan pertama dalam bahasa Melayu.¹⁷

¹³ Mohd. Muhiden, *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri*, 57.

¹⁴ Abdullah Arif, “Syeikh Nuruddin Ar-Raniri Ulama/Politikus Abad Ke-XVII” dalam *Tokoh-tokoh Sastera Melayu Klasik*, ed., Mohamad Daud Mohamad (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 85.

¹⁵ Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000), 1:81-82.

¹⁶ Mazlan, Haziyah dan Latifah, ed., *Warisan Hadis Ulama Nusantara*, 12.

¹⁷ Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah, “Perkembangan Penulisan Hadith Ulama Asia Tenggara” (makalah, Seminar Antarabangsa Pengajian Islam di Asia Tenggara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darulsalam, 1995), 4.

Syeikh Daud al-Fatani, ulama dan pujangga Nusantara yang terkenal itu juga telah menghasilkan beberapa kitab yang dikategorikan sebagai karya hadith, walaupun bukan dengan maksudnya yang sebenar. Kecenderungan semasa dalam kalangan penerbit pada masa itu ialah mengkategorikan sesuatu karya sebagai karya hadith berdasarkan jumlah hadith yang dimuatkan di dalamnya.¹⁸ Antaranya, *Kasf al-Ghummah fī Ahwāl al-Mawtā fī al-Barzakh wa al-Qiyāmah*. Karya ini siap ditulis pada 20 Rabiulawal 1238H.¹⁹ Karya ini ialah terjemahan kitab *Sharḥ al-Ṣudūr bi Sharḥ Hāl al-Mawtā wa al-Qubūr* karangan „Allamah Jalāl al-Dīn al-Suyūfī (m. 911H) dan *Mukhtaṣar Tazkirah al-Qurṭūbī* oleh Syeikh „Abd al-Wahhāb al-Sya„rānī. Karya ini dihasilkan pada 1236H / 1822M. Oleh sebab banyak hadith dimuatkan dalam karya ini, lalu ia dikategorikan sebagai sebuah karya hadith.²⁰

Karya beliau yang kedua ialah *Farā'id al-Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdī* dan masih dalam bentuk manuskrip. Ia ialah terjemahan daripada karya Syeikh Mar,ī bin Yūsuf dan karya pertama yang membincangkan tentang Imam Mahdi serta karya pertama membincangkan topik tersebut yang ditulis dengan tulisan tangan dalam bahasa Melayu dan belum pernah diterbitkan. Kitab ini baharu ditemui pada bulan April 1989.²¹ Manakala Hikayat Iman, karyanya yang masih belum ditemui ini dipercayai membicarakan mengenai ilmu *Rijāl al-Ḥadīth*.²²

¹⁸ Fauzi Deraman, *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 22.

¹⁹ Ismail Che Daud, “Syeikh Daud al-Fatani (1769-1847)” dalam Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit UKM, 2002), 34.

²⁰ Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990), 91.

²¹ Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, 92.

²² Fauzi Deraman, “Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi,” *Jurnal Usuluddin* 9 (Syabaan 1418/Disember 1997), 170. Lihat juga Fauzi Deraman, “Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani” (tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1997), 45-6; Muhammad Uthman El-Muhammady, “Syeikh Daud Fatani Sebagai Seorang Ulama (1),” *Pengasuh* 485, (Januari-Mac 1987/1407), 10-4; “Syeikh Daud Fatani Sebagai Seorang Ulama (2),” *Pengasuh* 486 (April-Mei 1987), 7-14.

Pada tahun 1272H/1856M, terdapat sebuah lagi karya terjemahan berserta syarah *Ḥadīth Arba‘īn Imām Nawāwī* yang bertajuk *Fath al-Mubīn* karya Syeikh Muhammad Salih bin Muhammad Murid Rawa. Walau bagaimanapun, ia disyarah menurut ilmu fiqh, berbeza dengan al-Fansuri yang disyarah bercorak sufisme. Selain itu, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani juga menyusun *Ḥadīth Arba‘īn* serta terjemahan dan dimuatkan dalam karyanya, *Hidāyat al-Muta‘allim*. Ia pernah disalin secara berasingan oleh murid beliau, iaitu Muhammad Nuruddin bin Haji Abdul Ghafur al-Fatani. Manuskrip tulisan tangannya menyebut ia selesai ditulis pada hari Isnin 8 Rejab 1266H.²³ Karya seterusnya ialah *Ḥadīth Arba‘īn* susunan Syeikh Khaṭīb al-Mundhirī dan pernah diterjemahkan oleh Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fatani. Terjemahan ini diberi judul *Hidāyatul Mukhtār*.²⁴

Syeikh Ahmad al-Fatani telah menghasilkan *Bisyārat al-‘Amilīn wa Nazārat al-Ghāfilīn* yang diterbitkan pada tahun 1304H / 1887M di Mekah dan pernah diterbitkan oleh Persama Press, Pulau Pinang. Karya beliau yang lain ialah *Hadith Memulakan Makan dengan Garam dan disudahi Dengannya*, *Hadith-hadith Pilihan*, *Daftar Rijāl al-Ḥadīth* dan lain-lain lagi. Syeikh Muhammad bin Tahir al-Fatani menghasilkan kitab *Tazkirah al-Mawḍū‘āt*. Syeikh Abd al-Samad bin Muhammad Salleh yang terkenal dengan Tuan Tabal pula menghasilkan *Minhāt al-Qarīb* yang membincangkan tentang *Faḍā’il al-A‘māl* pada 1882M. Manakala Syeikh Abdullah bin Abd al-Mubin al-Fatani telah menghasilkan *Tanbīh al-Ghāfilīn* pada 1184H/1770M dan merupakan terjemahan karya Abū Layth al-Samarqandī.²⁵

²³ Wan Mohd Shaghir, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama’ dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, 133.

²⁴ Wan Mohd. Shaghir, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, 1:82-83.

²⁵ Fauzi, “Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi,” 169-70.

Syeikh Wan Ali bin Abd al-Rahman Kutan al-Kalantani (m. 913) telah menghasilkan kitab *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* pada 1888. Karya ini ialah terjemahan dan ulasan kepada *Lubāb al-Ḥadīth* karya al-,Allamah Jalāl al-Dīn al-Suyūfī. Karya ini juga dicetak di bahagian tepi kitab *Siyār al-Sālikīn* oleh Syeikh Abd al-Samad al-Falimbani. Seterusnya diikuti pula antaranya oleh *al-Yawāqit wa al-Jawāhir* oleh Syeikh Muhammad ,Ali bin ,Abd Rasid al-Sumbawi, *Naṣā'ih al-'Ibād Sharḥ al-Munabbihāt 'alā al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ād*, dan *Tanqīh al-Qawl al-Ḥathith fī Sharḥ Lubāb al-Ḥadīth* oleh Syeikh Muhammad bin ,Umar Nawawi al-Bantani, *Naṣīḥah Ahl al-Wafā 'alā Waṣīyyah al-Muṣṭafā* oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga. Karya ini ialah terjemahan wasiat Rasulullah SAW kepada Sayyidina Ali. Menurut Wan Mohd. Shaghir, ia ialah terjemahan pertama dalam bahasa Melayu.²⁶

Manuskrip terus dihasilkan pada sekitar penghujung abad ke-19M dan awal abad ke-20M. Antara penulis kitab Jawi yang paling produktif pada waktu ini termasuklah ulama seperti Daud bin Abdullah al-Fatani, Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Muhammad bin Ismail bin Daud al-Fatani dan Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani. Antara mereka yang paling terkemuka dengan karya yang terbanyak ialah Daud bin Abdullah al-Fatani. Beliau menghasilkan lebih 50 tajuk yang meliputi pelbagai bidang termasuk perundangan, teologi, sufi dan subjek lain dalam ilmu Islam. Banyak hasil penulisan mereka tersebar dengan luas, dicetak dan dibaca untuk jangka masa yang lama. Sumbangan mereka bukan sahaja dalam penyebaran ilmu serta perkembangan bahasa dan sastera, bahkan dalam bidang perusahaan buku pada zaman

²⁶ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Syeikh Ahmad Lingga "Qus Bahasa Melayu," *Dewan Budaya*, (Oktober 1993), 47.

kemudian. Banyak judul yang dihasilkan oleh mereka ialah buku yang penting dalam pasaran.²⁷

Selepas tahun 1900M, lebih banyak karya-karya dalam bidang hadith ini ditemui, antaranya, *Irshād al-'Ibād Penjaga dan Bekal Hari Akhirat* oleh Syeikh „Uthman bin Shihab al-Din al-Funtiani. Ia merupakan terjemahan kepada karya Ibn Hajar al-„Asqalānī, iaitu *Munabbihāt 'alā al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ād* dan *Terjemahan Riyād al-Ṣāliḥīn* oleh Syeikh Syarif bin Daud al-Bangkalis.²⁸

Objektif penghasilan karya-karya yang disebutkan di atas lebih ditumpukan kepada pembinaan praktik keagamaan, terutama fiqh dan tasawwuf daripada penyelidikan terhadap hadith itu yang meliputi status dan nilai hadith yang digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa pada masa itu kajian ilmu *Muṣṭalah Ḥadīth* belum mendapat perhatian yang besar oleh para ulama Indonesia.²⁹ Hadith-hadith yang dibicarakan ketika itu merupakan perbincangan sebahagian daripada tasawwuf dan fiqh, bukan sebagai satu bidang yang berdiri sendiri.

Kehadiran karya agung, *Manhaj Dhawi al-Nazar fī Sharḥ Manzumah 'Ilm Āthār* oleh Syeikh Muḥammad Mahfuz al-Tarmasi adalah suatu kebanggaan kerana orientasi penulisannya benar-benar bersendikan pengajian hadith, iaitu ilmu *Muṣṭalah Ḥadīth*.³⁰ Tokoh ini lahir pada abad ke-20 dan ketokohan ini terserlah dalam karya-karyanya yang khusus dalam disiplin ilmu hadith, iaitu *Thulāthiyyāt al-Bukhārī, al-Minḥah al-Khayriyyah fī Arba'īn Ḥadīthā min Aḥādīth Khayr al-Bariyyah, al-Khil'āh al-Fikriyyah bi Sharḥ al-Minḥāt al-Khayriyyah, Manhaj Dhawi al-Nazar fī Sharḥ Alfīyah*

²⁷ Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan & Percetakan Buku Melayu 1807 – 1960* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 7.

²⁸ Fauzi, “Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi,” 170- 171.

²⁹ Mohd. Muhiden, *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri*, 53.

³⁰ Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadith di Nusantara* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011), 5.

'Ilm al-Āthār, dan *Kifāyāt al-Mustafid ma 'Alā min Asānīd*. Kesemua karya ini ditulis dalam bahasa Arab. Dalam penulisan hadith ini al-Tarmasi menulis *silsilah sanad* periwayatan hadithnya yang memiliki kesinambungan sehingga Rasulullah s.a.w. Kepakaran beliau dalam bidang hadith tidak dapat disangkal lagi sehingga digelar *muhaddīth*.³¹

Syeikh Husein Nasir bin Muhammad Tayyib al-Banjari yang dikenali dengan Tuan Husein Kedah telah menghasilkan terjemahan kepada *Jawāhir al-Bukhārī* karangan Ibn Hajar al-Asqalānī dengan diberi nama *Tadhkīr Qabā'il al-Qādhi fī Tarjamāt al-Bukhārī* dan pernah diterbitkan oleh al-Maktabah al-Zainiyyah, Taiping pada 1350H. Manakala Syeikh Abd Allah bin Abd al-Rahim al-Fatani telah menghasilkan *Muhimmah fī 'Ilm al-Ḥadīth* pada 1384H dan diterbitkan Persama Press, Pulau Pinang dengan memuatkan perbincangan mengenai wanita mengikut hadith.³²

Ibn al-Rawa bersama Ustaz Mustafa Abd Rahman telah menyiapkan *Terjemah Mukhtasar Ibn Abi Jamrah* dan diterbitkan pada 1968 oleh Maktabah Abdullah bin Nuruddin al-Rawi, Pulau Pinang dengan diberikan kata pengantar oleh Ustaz Abdullah Pahim. Ia memuatkan sebanyak 294 hadith pilihan daripada kitab *Ṣaḥīḥ Imām Bukhārī*.³³

Ustaz Mustafa Abdul Rahman Mahmud juga telah menghasilkan *Pedoman Junjungan Rasulullah (s.a.w.)* dan diterbitkan oleh al-Zainiyyah pada tahun 1953. Karya beliau yang lain ialah *Sabda Utusan Ilahi* dan diterbitkan oleh H.M.Shah, Penang pada 1951. Selain itu, terdapat dua orang penulis yang dikenali sebagai Ismail dan

³¹ Mazlan, Haziyah dan Latifah ed., *Warisan Hadis Ulama Nusantara*, 13-4.

³² Fauzi, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," 171.

³³ Fauzi Deraman, *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani*, 27.

Sulaiman telah menghasilkan *Bulūgh al-Marām* dalam bahasa Melayu. Seterusnya ialah *Sarīr al-Bāb* yang diterbitkan oleh Matba,ah Persama karangan Muhammad Zain Haji Ibrahim. Ia berupa ulasan hadith-hadith *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* yang diambil daripada beberapa kitab hadith *ṣaḥīḥ*. Karya 49 halaman ini tidak menyebut tahun terbitannya.³⁴

Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi (M. 1394H) yang terkenal dengan *Qamus al-Marbawi* telah menghasilkan kitab *Baḥr al-Mādhī li Syarḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmīdhī* yang diterbitkan oleh Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, Kaherah semenjak dari 1352H/1933. Karya 22 jilid ini ialah karya hadith terbesar yang dihasilkan oleh ulama Nusantara. Ia merupakan terjemahan dan ulasan kepada *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmīdhī* dan disiapkan secara berperingkat-peringkat dan diselesaikan pada 1957.³⁵

Selain itu, Syeikh al-Marbawi juga telah menterjemahkan kitab *Bulūgh al-Marām* karangan Ibn Ḥajar al-Asqalānī dan telah diterbitkan oleh Syarikat Muhammad al-Nahdi, Bangkok tanpa disebut tarikh penerbitannya. Ia merupakan terjemahan pertama karya tersebut dalam bahasa Melayu. *Riyāḍ al-Ṣālihīn* antara karya Imām al-Nawāwī dan banyak diulas oleh ulama-ulama selepasnya. Terjemahan awal dalam bahasa Melayu telah dihasilkan oleh Syariff bin Daud Bangkalis.³⁶

Ustaz Abdul Hadi al-Hadi telah menghasilkan beberapa karangan mengenai hadith, iaitu *Tajzīb Aṭrāf al-Ḥadīth bi Syarḥ mā fī Kitāb Mukhtār al-Ḥadīth* yang diterbitkan oleh Persama Press pada tahun 1949. Manakala Ahmad Ali Abu Bakr telah menghasilkan *Kepalsuan Yang Masyhur* dan diterbitkan oleh Al-Hajj Muhammad Ali al-Rawa di Persama Press.³⁷ Syeikh Uthman Jalal al-Din al-Kalantani telah menghasilkan *Matāli‘ al-Anwār wa Majma‘ al-Azhār*. Selepas itu ditemui pula *Sinaran*

³⁴ Fauzi, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," 171.

³⁵ Fauzi, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," 171

³⁶ Fauzi, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," 172.

³⁷ Fauzi, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," 172

Hadith susunan Ibrahim Azmi Hasan dan diterbitkan oleh Mahmudiyah Press, Muar pada tahun 1965.³⁸

Penerbitan buku-buku hadith ini diteruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (sekarang JAKIM), iaitu *Muqaddimah Mastika Hadith* pada tahun 1973, kemudian diterbitkan pula *Mustika Hadith* pada tahun 1984 yang ditulis oleh Datuk Haji Muhammad Noor bin Ibrahim, Datuk Haji Ismail Yusoff dan Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. Bahagian ini juga menerbitkan *Terjemahan Sahih Bukhari* dan *Riyadh al-Salihin*. Kedua-dua karya ini telah diterbitkan ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa orang ilmuwan dari institusi pendidikan tinggi tanah air.³⁹

Dewan Bahasa dan Pustaka pula telah menerbitkan *Pengenalan Kitab-kitab al-Sunan al-Sittah* yang ditulis oleh Dr. Budah @ Uдах Muhsin 1985 dan buku *Ulum al-Hadith* pada tahun 1995. Al-Haj Zakariyya al-Haj Ahmad Wan Besar telah menghasilkan Terjemahan *Tanbīh al-Ghāfilīn bi Ahādīth Sayyid al-Anbiyā' wa al-Mursalīn* karangan Syeikh Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī. Selain itu, beliau juga menulis kitab *Mutiara Hadith-hadith Pilihan* dari *Jāmi' al-Ṣaghīr* karangan al-Suyūṭī. Kedua-dua karya ini diterbitkan oleh Penerbitan Dar al-Salam, Alor Star, Kedah. Abu Ali al-Banjari al-Nadwi telah menghasilkan *Empat Puluh Hadith Penawar Hati* dan diterbitkan oleh Khazanah al-Banjariyyah, Pokok Sena pada tahun 1992.⁴⁰ Kesemua kitab yang dikemukakan di atas adalah dalam tulisan Jawi.

³⁸ Fauzi, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," 173.

³⁹ Fauzi, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," 173

⁴⁰ Fauzi, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," 174.

1.2 SEJARAH PENERBITAN KARYA HADITH DI MALAYSIA (TULISAN JAWI DAN RUMI)

Penulisan karya-karya Islam pada kurun ke-19M dan ke-20M di Malaysia khususnya dan di Nusantara umumnya telah didominasi oleh penulisan dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawwuf. Fenomena ini tidak menghalang hadith-hadith Nabi s.a.w. untuk berkembang dan tersebar, walaupun agak ketinggalan dalam penghasilan karya dan penulisan.⁴¹ Kurun ke-19M dan awal 20-an menyaksikan perkembangan yang agak perlahan dalam bidang hadith di hampir seluruh dunia Islam. Dengan itu, rantau ini termasuk Tanah Melayu tidak terkecuali. Fenomena kelesuan ini telah dijelaskan oleh Syeikh Aḥmad Muḥammad Syākīr.⁴²

Namun begitu, hal ini tidak bermakna hadith tidak dipelajari pada waktu itu. Hakikatnya, pengajaran dan pengajian hadith tetap wujud di institusi Islam di Semenanjung walaupun skop dan penekanannya berbeza-beza. Kitab-kitab hadith yang dipelajari di institusi pengajian Islam tradisional, iaitu pondok dan sekolah agama adalah seperti *Matn al-Arba'īn* oleh Imam al-Nawāwī, *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Riyāḍ al-Ṣālihīn* oleh Imām al-Nawāwī, *Mukhtār al-Aḥādīth* oleh Aḥmad Hasyīmī. Turut dipelajari terutamanya pada kurun ke-20M antaranya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Namun begitu, banyak karya utama dalam pengajian hadith tidak dipelajari. Manakala dalam bidang ilmu hadith *dirāyah* pula, *Matn al-Bayquniyyah* menjadi kitab utama yang dipelajari.⁴³

⁴¹ Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadith di Malaysia Tokoh-Karya-Institusi* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 1-2.

⁴² Aḥmad Muḥammad Shākīr, *al-Bā'ith al-Ḥadīth Sharḥ Ikhtisār 'Ulūm al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994), 152.

⁴³ Fauzi Deraman, *Pengajian Hadith di Malaysia, Tokoh dan Karya* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, 2010), 2.

Dalam bidang penulisan, Syeikh Wan Ali Abdul Rahman al-Kalantani ialah ulama pertama yang menghasilkan karya yang dikategorikan sebagai karya hadith, iaitu *al-Jawhār al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb*⁴⁴. Ia merupakan terjemahan berserta syarahan kepada kitab *Lubāb al-Ḥadīth* karangan Syeikh Jalāl al-Dīn „Abd al-Rahmān al-Suyūṭī⁴⁵. Ia selesai ditulis pada 2 Jamadilawal 1306H/1888M di Makkah. Cetakan awal kitab ini *ditaṣṣihkan* oleh Syeikh Ahmad al-Fatani. Selain dicetak secara bersendirian, ia juga dicetak pada semua cetakan *Siyār al-Sālikīn* dan diletakkan di bahagian tepinya.⁴⁶

Ia mengandungi hadith-hadith terjemahan daripada kitabnya yang asal dan hadith tambahan atau sokongan berkenaan dengan *faḍā'il a'māl*. Antara karya-karyanya yang lain ialah *Zahrat al-Murīd fī 'Aqā'id al-Tawḥīd* yang ditulis pada tahun 1310H/1892M, *Lum'atul Aurād* yang ditulis pada 1311H/1894M, *Majma' al-Qasīd wa al-'Awā'id* yang ditulis pada 1320H/1902M dan beberapa karya lain yang masih dalam bentuk manuskrip.⁴⁷

Seorang lagi ulama bernama Haji Muhammad Husayn bin Abdul Latif atau lebih dikenali dengan Tok Kelaba telah menghasilkan kitab *Mulāyanah al-Qulūb ilā al-Tazakkur li 'Allāmah al-Ghuyūb*. Kitab ini dalam bahasa Arab setebal 43 halaman dan mengandungi hadith-hadith tentang menangis kerana takut kepada Allah SWT⁴⁸

⁴⁴ Fauzi Deraman, “Pengajian Hadith di Malaysia: Satu Tinjauan” (makalah, Seminar Warisan Al-Qur’an & Al-Hadith Nusantara, Jilid II, Pengajian al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 27–28 Ogos 2008), X. Lihat juga Wan Mohd. Shaghir, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, 81.

⁴⁵ Fauzi Deraman, “Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi,” 47; Lihat juga Abdul Hayei Abdul Sukor, “Sumbangan Syeikh Waliullah al-Dahlawi Kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan,” (tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988), 50.

⁴⁶ Wan Mohd. Shaghir, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, 1:89.

⁴⁷ Fauzi, *Pengajian Hadith di Malaysia*, 31.

⁴⁸ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaya, 2002), 103.

bersertakan tafsiran dan huraian yang luas. Kitab ini diselesaikan pada hari Jumaat 8 Muharam 1341H. Ia masih lagi dalam bentuk manuskrip.⁴⁹

Manakala Tok Khurasan⁵⁰ pula dianggap sebagai pelopor dan penyumbang kepada pengajian hadith di Tanah Melayu, khususnya di Kelantan. Selain itu, Tok Khurasan juga dianggap sebagai pembuka lembaran baharu dalam pendekatan belajar hadith dan sunnah mengikut kaedah ilmiah yang belum pernah diterokai oleh mana-mana ulama tempatan sebelum kedatangannya. Kedatangan beliau ke Kelantan sekitar tahun 1920 dan menetap di Bawah Lembah Kampung Sireh. Beliau mengajar di atas sebuah bangsal berlantaikan buluh yang didirikan berhampiran dengan surau Dār al-Ḥadīth al-Khurasaniyyah.

Antara kitab yang diajar ialah kitab hadith *Sunan Sittah* yang terdiri daripada *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmīdhī*, *Sunan Ibn Mājah* dan *Sunan al-Nasā'ī*. Bagi mereka yang baru belajar, diperkenalkan terlebih dahulu kitab *Mishkāt al-Maṣābiḥ*, karya al-Khaṭīb al-Tabrīsī. Kemahiran beliau bukan setakat menerangkan pengertian *matan* hadith, malah dapat menerangkan kajian *sanad* bagi mengetahui *ṣaḥīḥ* atau tidak sesuatu hadith yang dikupasnya itu.⁵¹

Walaupun pengajaran Tok Khurasan ini kurang sekali mendapat sambutan daripada masyarakat negeri Kelantan,⁵² tetapi kemunculannya telah memperkayakan lagi khazanah ilmu di negeri ini. Kemunculan beliau di negeri ini menyebabkan adanya

⁴⁹ Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulama Besar Dari Patani*, 103.

⁵⁰ Fauzi, "Pengajian Hadith di Malaysia: Satu Tinjauan," X; lihat juga Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, *Islam di Kelantan* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983), 35; Muhammad Yunan Mahmud, ed., *Riwayat Hidup Tokoh Ulama Kelantan* (Nilam Puri: Yayasan Islam Kelantan, 1989), 48-49.

⁵¹ Ismail Che Daud, "Maulana Tok Khurasan," *Pengasuh* 489 (Oktober-November 1987), 21-26.

⁵² Hal ini mungkin kerana bahasa perantaraan yang digunakan dalam pengajarannya adalah menggunakan bahasa Arab. Oleh itu, hanya golongan yang boleh menguasai bahasa Arab sahaja yang menghadiri kelas-kelas pengajiannya. Salah seorang muridnya, iaitu Dato' Nik Aziz Nik Mat (mantan Menteri Besar Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 13 Mac 2011. Beliau mempelajari kitab *Mishkāt al-Maṣābiḥ* dan *Tafsīr al-Jalālayn* oleh al-Suyūṭī dengan tokoh ini selepas Perang Jepun.

ilmu hadith, falsafah, mantiq dan fiqh Hanafiyyah. Sebelum ini, ilmu-ilmu ini tidak diajar di Kelantan. Dalam ilmu fiqh Hanafiyyah beliau mengajar kitab *al-Hidāyatul Hikmat*, manakala dalam ilmu mantiq pula, kitab *Qota Aqul*, *Ishruji*, *Malawi* dan *Qhuti* digunakan dalam pengajarannya.⁵³

Antara karya beliau yang paling masyhur ialah *al-Inṣāf*, *Mīzān al-Adyān* (masih dalam bentuk manuskrip),⁵⁴ kitab mengenai ilmu *nahu* dan *ṣoraf* dan ilmu mantiq,⁵⁵ dan *Sharḥ Tarjamah al-Bāb*. *Sharḥ Tarjamah al-Bāb* ini ditulis dalam bahasa Arab, iaitu ulasan terhadap penamaan *bab* yang ditulis oleh Imām al-Bukhārī dalam kitab *Ṣaḥīḥ* nya. Karya ini merupakan karya terbesar Tok Khurasan berkaitan hadith.⁵⁶

Pengajaran ilmu tafsir al-Qurʿān dan ilmu hadith walaupun ada di Jajahan Kota Bharu mulai tahun 1917, hanya terdapat dalam jemaah pengajaran ulama Tok Khurasan. Pengajaran ilmu-ilmu itu hanya sekadar membolehkan penuntut memahami makna-makna dalam kitab-kitab karangan ulama dalam ilmu-ilmu tadi. Pada mereka, segala yang diperkatakan dalam kitab-kitab tadi semuanya betul di sisi agama. Oleh itu, penuntut yang telah tamat pengajian yang berbentuk demikian tidak boleh berjihad dengan sendiri tentang soal-soal agama. Cuma mereka sekadar patuh kepada pandangan-pandangan yang terdapat dalam kitab-kitab agama karangan ulama seperti yang mereka pelajari tadi.⁵⁷

⁵³ Nik Abdul Aziz, *Islam di Kelantan*, 35.

⁵⁴ Muhammad Yunan, ed., *Riwayat Hidup Tokoh Ulama Kelantan*, 48.

⁵⁵ *Ibid.*, 28.

⁵⁶ Fauzi Deraman dan Mohd Asmawi bin Muhammad, "Maulana Tok Khurasan dan Sumbangan dalam Pengajian Hadith (makalah, Seminar Serantau Ilmuan Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25 Oktober 2010), 56.

⁵⁷ Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, "Pendekatan Pengajian Agama dalam Jemaah Pengajaran Ulama-ulama Tempatan Tariq Shah Wali Allah al-Dihlawi" dalam *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*, ed., Abdul Salam Muhammad Shukri (Petaling Jaya: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007), 122.

Selain Tok Khurasan, seorang tokoh ulama Tanah Melayu yang memberi sumbangan yang besar dalam pengajian hadith di Tanah Melayu terutamanya di Kelantan ialah Maulana Abdullah Nuh Hj. Abdullah Awang Nuh. Beliau dilahirkan di Kampung Wakaf Bunut, Pasir Putih pada tahun 1905M. Beliau pernah menuntut ilmu di Kashmir Gate dan Bahil berhampiran Gujerat India, Deoband dalam tempoh yang agak lama.⁵⁸

Kehadiran Tariq Shah Wali Allah al-Dihlawi di Malaysia, iaitu di Kelantan mulai penghujung tahun 1934 dan percikannya di Terengganu mulai penghujung tahun 1940-an ada kepentingan dan relevannya pada masa kini. Walaupun ia kurang memberi impak kepada sejarah negara dari segi pemikiran, tetapi penulisan dan penterjemahan kitab-kitab oleh ulama-ulama tempatan aliran ini banyak dapat diambil panduan oleh generasi Malaysia kini. Metodologi dan pendekatannya ke arah kembali kepada al-Qur'an dan hadith serta amalan ijtihad dengan persepsi dan perspektif yang terbuka menjadikan Tariq Shah Wali Allah al-Dihlawi sebagai satu aliran yang tahqiq dan sahih dalam menganalisis persoalan agama dan masyarakat.⁵⁹

Karya-karya hadith yang dihasilkan di Malaysia pada tahun-tahun seterusnya telah dibincangkan di bawah tajuk Sejarah Perkembangan Penulisan Karya Hadith dalam Tulisan Jawi di Nusantara, iaitu pada halaman 46– 48.

Golongan ulama rata-ratanya menulis karya-karya mereka dengan menggunakan tulisan jawi. Secara umumnya karya hadith boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu:

- 1) Karya yang mengandungi himpunan hadith pilihan daripada pelbagai hadith.

⁵⁸ Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu (1)* (Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2001), 444.

⁵⁹ Nik Abdul Aziz, "Pendekatan Pengajian Agama," 116.

- 2) Karya yang mengandungi himpunan hadith pilihan berserta syarahan.
- 3) Karya terjemahan daripada kitab-kitab hadith berserta syarahan.
- 4) Karya terjemahan tanpa syarahan daripada penulis kitab.
- 5) Karya yang membicarakan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth*.⁶⁰

1.2.1 Karya yang Mengandungi Himpunan Hadith Pilihan daripada Pelbagai Kitab Hadith

Antara contoh kitab di bawah kategori ini ialah:

- i) *Lubāb al-Ḥadīth* oleh Abu Bakar bin Haji Hanafiah al-Qadi. Kitab ini disiapkan pada tahun 1384H/1974M dengan halaman 136. Kitab ini ialah himpunan hadith dalam masalah fiqh dan tasawwuf.
- ii) *Empat Puluh Penawar Hati* oleh Abu Ali al-Banjari al-Nadwi. Kitab ini diterbitkan oleh Khazanah al-Banjariyyah Pokok Sena pada tahun 1992.
- iii) *Mutiara Hadith-hadith Pilihan* daripada *Jāmi‘ al-Ṣāghīr* al-Suyūfī oleh Haji Zakaria Haji Ahmad Wan Besar. Karya ini diterbitkan oleh Penerbitan Dar al-Salam, Alor Star, Kedah.
- iv) *Sarīr al-Bāb* oleh Muhammad Zain Haji Ibrahim. Kitab ini ialah himpunan kepada hadith *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* yang diambil daripada pelbagai kitab hadith. Kitab ini telah *ditaṣḥīḥkan* oleh Ustaz Haji Abdullah Fahim yang mengandungi lima puluh buah hadith berserta perawinya dengan 49 halaman.

⁶⁰ Fauzi, Ishak dan Faisal, *Pengajian Hadith di Malaysia*, 3-4.

1.2.2 Karya-Karya yang Mengandungi Himpunan Hadith Pilihan Berserta Syarahan

Antara kitab Jawi dalam bidang hadith di bawah kategori ini adalah seperti yang berikut:

- i) *Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim* oleh Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi. Kitab ini mengandungi syarahan kepada hadith pilihan daripada kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*.⁶¹
- ii) *Muqaddimah Mastika Hadith Rasulullah*. Ia terdiri daripada empat puluh buah hadith. *Mastika Hadith* Jilid Pertama diterbitkan pada tahun 1973, Jilid Kedua diterbitkan pada tahun 1984 dan Jilid Ketiga diterbitkan pada tahun 1995. Ia diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Karya ini telah diusahakan bersama oleh Datuk Haji Muhammad Nor bin Ibrahim, Datuk Haji Ismail Yusoff dan Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh (m. 1996).
- iii) *Miṣbāḥ al-Zalām wa Bahjah al-Anām*. Kitab ini ditulis oleh Haji Abu Bakar bin Haji Hanafiah al-Qadi (m. 1998). Ia terdiri daripada 262 halaman dan disiapkan pada 1406H/1985M. Kitab ini mengandungi hadith-hadith Qudsi dan Nabawi yang kebanyakannya dikutip daripada beberapa buah kitab, antaranya *Fath al-Kabīr* oleh ,Abd Rauf al-Manāwī, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḡhīr* dan *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*.

⁶¹ *Ibid.*, 4-5.

1.2.3 Karya-karya Terjemahan daripada Kitab-kitab Hadith Berserta Syarahan

Kitab-kitab di bawah kategori ialah kitab terjemahan daripada kitab hadith karya ulama hadith yang ditambah dengan syarahan hadith oleh penulis kitab. Antara kitab-kitab itu ialah:

- i) *Al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* oleh Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kalantani. Kitab ini diselesaikan penulisannya di Mekah pada malam Selasa, 2 Jumada al-Ula 1306H/1888M. Kitab ini merupakan syarahan kepada *Lubāb al-Ḥadīth* karya Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī.
- ii) *Kanz al-Amīn fī Syarḥ al-Arba ‘īn* susunan Hj Mukhtar bin Ahmad Mohd Zain Kelantani. Kitab ini diterbitkan oleh al-Mu,arif, Kota Bharu pada tahun 1938.⁶²
- iii) *Tajdhīb Aṭrāf al-Ḥadīth bi Sharḥ mā fī al-Kitāb Mukhtār al-Ḥadīth*. Ia ditulis oleh Ustaz Abdul Halim al-Hadi. Ia ialah kitab yang mengandungi syarahan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Mukhtār al-Ḥadīth* oleh Sayyid Ahmad al-Hāsīmī. Ia mengandungi 1,586 buah hadith dan telah diterbitkan oleh Persama Press pada tahun 1990.
- iv) *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Ustaz Abdul Halim Hadi dan diterbitkan pada tahun 1949.
- v) *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang ditulis oleh Ustaz Abdul Halim Hadi. Kitab ini mengandungi syarahan hadith yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ia diterbitkan oleh Persama Press Pulau Pinang pada tahun 1949.

⁶² *Ibid.*, 5-7.

- vi) *Baḥr al-Mādhī Sharḥ Mukhtār Ṣaḥīḥ al-Tirmīdhī* oleh Mohamed Idris bin Abdul Raof al-Marbawi yang terdiri daripada 22 juzuk. Ia ialah karya terbesar yang dihasilkan oleh ulama Nusantara. Kitab ini ialah syarahan kepada kitab *al-Jāmi'* oleh Imām al-Tirmīdhī. Kitab ini mula diterbitkan oleh Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī, Kaherah semenjak tahun 1352H/1933 dan disiapkan pada tahun 1960.
- vii) *Hadith 40* oleh Asbiran Yaakob. Kitab ini dihasilkan pada tahun 1958 dan merupakan kitab *syarah ḥadīth al-Arbaʿīn al-Nawāwīyyah* oleh Imām al-Nawāwī yang mengandungi 42 buah hadith.
- viii) *Bulūgh al-Marām* oleh Ismail dan Sulaiman. Kitab ini mengandungi syarahan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Bulugh al-Maram* oleh Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī. Namun, kedua-dua penulis tersebut tidak memasukkan semua hadith yang terdapat dalam *Bulūgh al-Marām* ke dalam kitab terjemahan mereka. Jumlah hadith yang terdapat dalam kitab ini adalah sebanyak 549 buah hadith berbanding jumlah hadith dalam *Bulūgh al-Marām* sebanyak 1,480 buah hadith atau 1,370 buah hadith. Kitab ini telah diterbitkan oleh Percetakan Dār al-Maʿārif pada tahun 1962M.⁶³
- ix) *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahnya* oleh Mustafa Abdul Rahman. Ia mengandungi terjemahan dan ulasan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *al-Arbaʿīn al-Nawāwīyyah* oleh Imām al-Nawāwī dan diterbitkan pada tahun 1966M. Ia terbahagi kepada dua bahagian yang besar, iaitu Pendahuluan Ilmu Hadith dan Ringkasan Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* pada bahagian pertama, manakala *matan* dan ulasan hadith empat puluh pada bahagian kedua.

⁶³ *Ibid.*, 8-9.

- x) *Terjemahan Mukhtasar Ibn Abi Jamrah* oleh Mustafa Abdul Rahman dan Yusof Rawa. Ia memuatkan 294 buah hadith pilihan daripada kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan diterbitkan pada tahun 1968 oleh Maktabah Abdullah bin Nuruddin al-Rawi, Pulau Pinang.
- xi) *Bulūgh al-Marām* oleh Mohamed Idris bin Abdul al-Marbawi. Ia merupakan kitab terjemahan hadith-hadith yang terdapat dalam *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Ḥajar al-ʿAssqalānī. Beliau bukan sahaja menterjemah tetapi memberikan ulasan dan penjelasan terhadap hadith-hadith yang dikemukakan yang diletakkan di bahagian nota kaki. Kitab ini terdiri daripada 1,370 buah hadith dan diterbitkan oleh Matbaʿah al-Anwār al-Muhammadiyah, Kaherah tanpa dinyatakan tarikh diterbitkan.
- xii) *Arbaʿīn li al-Nabhāniyyah* oleh Haji Abu Bakar bin Haji Hanafiah al-Qadi. Kitab ini masih dalam tulisan tangan dan merupakan terjemahan dan huraian kepada 40 buah hadith oleh al-Nabhānī. Ia ditulis di Pulau Langkawi dan mengandungi 19 halaman.⁶⁴

1.2.4 Karya-karya Terjemahan tanpa Syarahan daripada Penulis Kitab

- i) *Hidāyah al-Mukhtār fī Faḍli Ṭalab al-ʿIlmī wa Faḍli Ṣāhibih min Kalām Sayyid al-Akhyār* oleh Syeikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fatani. Ia mengandungi 40 buah hadith Nabi s.a.w. Kitab ini ialah terjemahan kitab *al-Arbaʿīn* susunan al-Hāfiẓ Zaki al-Dīn ʿAbd al-ʿAzīm bin ʿAbd al-Qāwī al-Mundhirī yang merupakan seorang ulama hadith dan penyusun kitab *al-Targhīb wa al-Tarhīb*.

⁶⁴ *Ibid.*, 10.

- iv) *Tadhkīr Qabā'il al-Qadi fī Tarjamah al-Bukhārī* oleh Hj Husain Mohd Nasir al-Mas'udi yang dikenali dengan Tuan Husain Kedah. Ia merupakan terjemahan kitab *Jawāhir al-Bukhārī wa Syarḥ al-Qaṣṭalānī* oleh Syeikh al-Allāmah Muṣṭafā Muḥammad Ḥimārah al-Miṣriyyah. Ia diterbitkan oleh al-Maktabah al-Zainiyyah, Taiping pada tahun 1930M.
- v) *Sabda Utusan Ilahi* oleh Mustafa Abdul Rahman. Kitab terjemahan ini terdiri daripada 51 buah hadith. Ia diterbitkan oleh H.M. Shah di Pulau Pinang pada 14 Mei 1953.
- vi) *Pelajaran Hadith Junjungan Rasulullah* oleh Mustafa Abdul Rahman. Ia diterbitkan pada tahun 1953.
- vii) *Pelajaran Hadith Nabawi* oleh Mustafa Abdul Rahman. Ia diterbitkan pada tahun 1959.
- viii) *Terjemahan Tanbīh al-Ghāfilīn bi Aḥādith Sayyid al-Anbiyā' wa al-Mursalīn* oleh Zakariyya Haji Ahmad Wan Besar. Kitab ini ialah kitab terjemahan daripada kitab asli Syeikh Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī. Ia diterbitkan oleh Penerbitan Dar al-Salam, Alor Star, Kedah.
- ix) *Sinaran Hadith* oleh Ibrahim Azmi Hasan. Ia telah ditashihkan oleh Sayyid Idrus bin Abdullah al-Habsyi dan diterbitkan oleh Mahmudiyyah Press Parit Jawa, Muar pada tahun 1966M.
- x) *Al-Adāb al-Nawāwī 'Izat Balīghah wa Hikam 'Aliyyah wa Adāb Sāmiyah*, terjemahan Ustaz Yusuf Ahmad Lubis. Kitab ini ialah terjemahan kitab al-Syeikh Muḥammad Abd Ḥaziz al-Khawli.⁶⁵ Ia terdiri daripada 100 buah hadith dan diterbitkan pada tahun 1973M oleh Maktabah Haji Abdullah

⁶⁵ *Ibid.*, 11-13.

bin Muḥammad Nur al-Din al-Rawi dan dicetak di Z United Press, Pulau Pinang.

- xi) *Al-Aḥādith al-Nabawiyyah dengan Bahasa Melayu* oleh Abu Bakar Hamzah. Kitab ini mempunyai 17 buah hadith yang membincangkan prinsip-prinsip asas ajaran agama Islam.
- xii) *Terjemahan Ṣaḥīḥ Bukhārī dan Riyāḍal-Ṣāliḥīn* oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Kedua-dua karya ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Unit Quran Sunnah dan Tafsir Pusat Penyelidikan Islam.

1.2.5 Karya yang Membicarakan Ilmu-ilmu yang Berkaitan dengan *Ilmu Muṣṭalah*

Antara kitab-kitab Jawi yang termasuk dalam kategori ini ialah:

- i) *Kepalsuan yang Masyhur* oleh Ahmad Ali Abu Bakar. Kitab ini mengandungi 352 buah hadith *mawdu'* yang tersebar dalam kalangan masyarakat. Kitab yang mengandungi 92 halaman ini telah diterbitkan oleh Haji Muhammad Ali al-Rawa di Persama Press Pulau Pinang pada tahun 1953M.
- ii) *Al-Qutub al-Dāniyyah Syarh Matn al-Bayquniyyah* oleh Dato⁶⁶ Hj Ismail Yusof (m.1988M). Kitab ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan dan pernah dijadikan teks di Sekolah Maahad Muhammadi.
- iii) *Risalah Kecil Mengenai Mustalah Hadith* oleh Hj Yaakub bin Hj Ahmad.⁶⁶

⁶⁶ *Ibid.*, 13-14.

- iv) *Pengenalan Kitab-Kitab al-Sittah* oleh Dr Budah @ Uдах bin Muhsin. Kitab ini mengandungi pengenalan kepada kitab-kitab *al-Sunan al-Sittah* iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwud*, *Sunan al-Tirmīdhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah*. Kitab ini diterbitkan pada tahun 1985M oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- v) *Ulum al-Hadith* oleh Dr Budah @ Uдах bin Muhsin. Kitab ini membahaskan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan *Ulum al-Hadith*. Ia diterbitkan pada tahun 1995M oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- vi) *Matali' al-Anwār wa Majma' al-Azhar* oleh Syeikh Uthman Jalaluddin al-Kalantani.

Apa yang dapat diperhatikan karya-karya penulisan hadith ulama Tanah Melayu dihasilkan dengan tujuan untuk memberi pengenalan awal dan pendedahan kepada masyarakat Islam mengenai hadith-hadith Nabi s.a.w. Hadith-hadith yang diperkenalkan juga merupakan hadith-hadith yang membicarakan prinsip-prinsip asas dalam Islam. Kemunculan kitab-kitab terjemahan dan syarahan kepada hadith 40 oleh Imam Nawawi (m.676H), *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Ḥajar (m.852H), *Riyād al-Ṣāliḥīn* oleh Imām Nawāwī (m.676H) dan seumpamanya membuktikan realiti tersebut.

Berikutnya disenaraikan buku-buku dalam bidang hadith yang dihasilkan selepas tahun 1980-an berdasarkan kategori:

1.3 BUKU-BUKU HADITH YANG MENGHIMPUNKAN HADITH DALAM ISU-ISU TERTENTU

- 1) *Empat Puluh Hadith Pilihan* oleh Abdullah Hj Abdul Wahab.
Cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.⁶⁷
- 2) *Seribu Seratus Hadith Terpilih Sinar Ajaran Muhammad* oleh Dr. Muhammad Faiz al-Math. Cetakan Penerbitan Kintan, Kg. Bharu, 1993. (Terjemahan)
- 3) *Al-Wafi Syarah 40 Hadith* oleh Dr. Mustafa al-Bugha, Muhyidin Misto. Cetakan Hidayah Publisher, 2003. (Terjemahan)
- 4) *Kumpulan Hadith Nabawi Riwayat Sepuluh Sahabat Jilid 1* oleh Syeikh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki. Cetakan Ma, had al-Zein al-Makky al-Aly Littafaqquh fiddin, Jawa Barat.
- 5) *40 hadith Sekitar Selawat Ke Atas Junjungan Rasulullah* oleh Abdullah al-Qari Hj Saleh. Cetakan Al-Hidayah Publisher, 1996. (Terjemahan)
- 6) *534 Sabda Junjungan*. Disusun oleh Drs. Ahmad Rafeai b. Ayudin, Saiman b. Marjuki, Cetakan Penerbitan al-Kawthar, 1994. (Terjemahan)
- 7) *Empat Puluh Hadith Tentang Peristiwa Akhir Zaman* oleh Abu Ali al-Banjari al-Nadwi, 1999.
- 8) *Hadith-hadith Pilihan Untuk Kanak-kanak* susunan Abdillah Ghazi, Tasneema Khatoon Ghazi. Terjemahan Siti Sujinah Sarnap. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 1996. (Terjemahan)
- 9) *Nasihat dan Bimbingan Hadith-hadith Qudsi Imam al-Ghazali*. Terjemahan Wildan Frahani. Cetakan Al-Hidayah 2003. (Terjemahan)
- 10) *Empat Puluh Hadith Membudayakan Sunnah* oleh Hj Abdullah bin Abdul Wahab. Cetakan Jabatan Agama Islam Johor.

⁶⁷ *Ibid.*, 14-21.

- 11) *40 Hadith Pilihan* oleh Mohd Yusof Abas. Cetakan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1997.
- 12) *Himpunan Sabda* oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, 1984.
- 13) *Hadith-hadith Hukum Mengenai Bersuci Dan Solat* oleh Abu Soleh Nasaruddin. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 1997.⁶⁸
- 14) *Himpunan Hadith Pilihan Amalan Tanpa Keikhlasan Ditolak Allah s.w.t.* oleh Harun Arrasyid Hj Tuskan, 2005.
- 15) *Bulūgh al-Marām Min Adillah al-Aḥkām*. Unit Quran Sunnah dan Tafsir Hal Ehwal Islam.
- 16) *Kisah-kisah dari Hadith*. Terjemahan Muhammad Ismail Muhammad. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 2003.
- 17) *74 Hadith Keistimewaan Surah al-Ikhlās* oleh Abdullah al-Qari b. Hj Salleh. Cetakan al-Hidayah Publisher, 2000.
- 18) *Benarkah Hadith-hadith Tawasil Nabi Adam Palsu* oleh Muhammad Fuad bin Kamaludin al-Ranbawi. Cetakan Abnek Production, 2002.
- 19) *Hadith Ahkam* oleh Hj Zakaria Hj Omar Bhg II. Cetakan Pustaka Hj Abdul Majid, 2002.
- 20) *Tazkirah Kepada Ummah Tentang Peristiwa Akhir Zaman dalam Hadith-Hadith Rasulullah* oleh B.J Faris Bahishah. Suntingan Hasnita Hamid/ Ustaz Junaid Talip. Cetakan Pustaka Ilmi, 2001.
- 21) *357 Hadith Bukhari – Muslim Menuju Kesempurnaan Solat* oleh Hambali Abdul Wajid. Cetakan Jasmin Enterprise, 2002.
- 22) *Taman Syurga Idaman Himpunan Hadith-hadith Qudsi* oleh Rusli Hj Ibrahim, 1998.
- 23) *Al-Hadith* (Imam al-Suyuti) terjemahan Muhammad Ridhuan Ali.(Terjemahan)

⁶⁸ *Ibid.*, 21-22.

- 24) *80 Hadith Padanya Kezaliman Manusia* saduran Abdullah al-Qari, 2002.
(Terjemahan)
- 25) *Hadith-Hadith Politik Negara Islam Berasaskan Hadith* oleh Shafie Ibrahim.
Cetakan Dewan Muslihat Sdn. Bhd., 1994.
- 26) *Hadith-Hadith Pilihan (Qabasāt Min al-Rasūl)*. Terjemahan Ustaz Mohd Asri Hashim. Cetakan Pustaka Salam.(Terjemahan)⁶⁹
- 27) *Kumpulan Hadith tentang Keutamaan membaca al-Quran* oleh Saodah.
Cetakan Pustaka Mizan,1990.

1.4 KARYA MENGENAI KEDUDUKAN SUNNAH, SEJARAH PENULISAN DAN PEMBUKUAN HADITH

- 1) *Sejarah Penulisan Hadith* oleh Hashim Hj Yahya. Cetakan Pustaka Aman Press Kota Bharu,1975.
- 2) *Al-Sunnah Sumber Hukum Islam* (Muṣṭafā al-Sibā' i) Suntingan Abu Muhammad Izzudin. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 1997. (Terjemahan)
- 3) *Pengkajian Hadith Kaedah dan Persuratan* (Muḥammad Muṣṭafā A,ḏāmī). Terjemahan Zainal Azam Abdul Rahman. Cetakan Pustaka Salam, 1988.
- 4) *Sunnah Nabi Kedudukannya dalam Perundangan Islam* (Dr Abbas Mutawalli Hammadah) terjemahan Fadhilah Sarnap. Perniagaan Jahabersa, 2001.
(Terjemahan)
- 5) *Kedudukan al-Sunnah dalam Islam* oleh Pusat Penyelidikan Islam Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur, 1987.
- 6) *Ikhtisar Sejarah Perundangan dan Kaedah Penyusunan Hadith* oleh Mohd Napiah Abdullah. Cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.

⁶⁹ *Ibid.*, 22-23.

- 7) *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith* (Muḥammad Muṣṭafā A,ḏāmī) terjemahan Engku Ibrahim Engku Ismail. Cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- 8) *Kedudukan Hadith dalam Islam* (Prosiding *The Place of Hadith in Islam*) terjemahan Zakaria Stapa. Cetakan Berita Publishing Sdn.Bhd., 1994.
- 9) *Silsilah Ulama Hadith-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah* (Ali Yusuf Ali) terjemahan Datin Sohair Abdel Moneim Sery. Cetakan Pustaka Antara Sdn.Bhd. Cetakan Kedua, 1999.⁷⁰
- 10) *Biografi Ulamak-ulamak Hadith* oleh Prof. Madya Dr. Ariffin bin Omar dan H.M. Yusuf Sinaga Lc. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 2005.

1.5 KARYA YANG MEMBINCANGKAN MENGENAI ‘ULŪM AL-ḤADĪTH

- 1) *Ilmu Hadith Penggal Pertama* oleh Abdul al-Qadir bin Hasan. Cetakan Pustaka Aman Press Kelantan, 1975.
- 2) *Himpunan Hadith-hadith Sahih* oleh Drs. Abdul Ghani Azmi Hj Idris. Cetakan al-Hidayah Publisher, 1998.
- 3) *Himpunan Hadith-hadith Sahih* oleh Drs. Abdul Ghani Azmi Hj Idris. Cetakan al-Hidayah Publisher, 1998.
- 4) *Ilmu Hadith Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam* oleh Asmawi Hj Ehsan. Cetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003.
- 5) *Hadith Daif, Ciri-ciri dan Hukum* oleh Ariffin Omar dan Zaini Nasohah. Cetakan Utusan Publication & Distributors, 2005.
- 6) *Himpunan Hadith-hadith Lemah dan Palsu* (Imam al-Bukhari). Terjemahan Prof. Madya Dr. Farid Ahmad. Disusun oleh Mohd Isa Jail. Cetakan Syarikat Nurulhas Wangsa Maju, 1990.

⁷⁰ *Ibid.*, 53-54.

- 7) *Hadith: Panduan Takhrij dan Analisa*. Penyelenggara Lokman Abdul Rahman dan Musa Ahmad. Cetakan Unit Penerbitan Jabatan Agama Islam Melaka, 1997.
- 8) *Himpunan Hadith Dhaif dan Mawdu' I* oleh Drs Abdul Ghani Azmi Hj Idris. Cetakan Al-Hidayah Publisher, 1996.
- 9) *Himpunan Hadith Dhaif dan Mawdu' II* oleh Drs Abdul Ghani Azmi Hj Idris. Cetakan Al-Hidayah Publisher, 1999.⁷¹
- 10) *Keutamaan Ilmu-ilmu Hadith* (oleh Dr Muḥammad ‚Ajāj al-Khaṭīb). Terjemahan Drs H.M Qadiran Nur. Cetakan Badan Cemerlang Sdn.Bhd., 1999.
- 11) *Ilmu Hadith Satu Pengenalan dan Kajian* (oleh Ṣubḥī Ṣāliḥ). Terjemahan Dr. Ariffin Omar dan Mohd Nor Ngah. Cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- 12) *50 Masalah Penting dalam Agama dari Tinjauan Hadith Sahih dan Dhaif* (Ibn Qayyim al-Jawziyyah). Terjemahan Abu Tabariya al-Hafiz. Cetakan Pustaka Jiwa Kuala Lumpur, 2003.
- 13) *Cara Mudah Memahami Ilmu-ilmu Hadith* (oleh Mannā,, Khalīl al-Qaṭṭān). Terjemahan Abu Ezzat al-Mubarak dan Azhariah Muhammad. Cetakan Pustaka Jiwa, 2006.
- 14) *Mari Mengenal Ilmu Hadith* oleh Ahmad Fauzan Abu Muadz al-Fauzani bin Yahya. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 2007.
- 15) *Ulum Hadith* oleh Budah @ Udah Mohsin, Cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

⁷¹ *Ibid.*, 24-25.

1.6 KARYA YANG MEMBINCANGKAN MENGENAI KAEDAH MEMAHAMI SUNNAH

- 1) *Meniti Cahaya Sunnah* (Dr Abdul Mun'im al-Namr). Terjemahan H.Nurullah, Fauzi Fauzan, Ustaz Abdul Ghani Asykur. Cetakan Darul Fikr, 1988.
- 2) *Kaedah Memahami Hadith-Hadith yang Saling Bercanggah* oleh Hafiz Firdaus Abdullah. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 2002.
- 3) *Kaedah Memahami Hadith-hadith Musykil*. Susunan Hafiz Firdaus Abdullah. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 2003.⁷²
- 4) *Bagaimana Berinteraksi Dengan Sunnah* (Dr.Yusuf al-Qaradhawi). Terjemahan Budah Muhsin dan Jawiah Dakir. Cetakan Budaya Ilmu, 1994.
- 5) *Sunnah Nabi antara Ahli Fiqah dan Ahli Hadith* (Syeikh Muhammad Ghazali). Terjemahan Ismail Ibrahim. Cetakan Nurin Enterprise, 1990.
- 6) *Selangkah Ke arah Memahami al-Sunnah* oleh Dr Mohd Asri Zainul Abidin. Cetakan Karya Bestarim, 2005.
- 7) *Kesalahan dalam Memahami Matan Hadith* oleh Dr Mohd Asri Zainul Abidin. Cetakan Titian Sejati Enterprise. 1998.
- 8) *Hadith Palsu Kesan Terhadap Imej Islam* oleh Dr. Mohd Asri Zainal Abidin. Cetakan Karya Bestari, 2007.

⁷² *Ibid.*, 25-26.

- 9) *Faktor Berbilang Riwayat Pada Matan al-Hadith* (Prof. Dr. Sharaf al-Qudhah & Prof. Dr. Amin al-Qudhah). Terjemahan Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Siti Nurul Hanim Mohd Nayai. Cetakan al-Bayan Corporation, 2007.

1.7 KARYA YANG MEMBINCANGKAN PENYELEWENGAN GOLONGAN ANTIHADITH

- 1) *Autoriti Hadith Menangani Gerakan Anti Hadith* oleh Ishak Hj. Sulaiman, Fauzi Deraman, Mohd Muhiden Abd.Rahman dan Abdul Karim Ali. Cetakan Penerbit Universiti Malaya. Cetakan Kedua, 2008.
- 2) *20 Hujah Golongan Anti Hadith dan Jawapan* oleh Hafiz Firdaus Abdullah. Cetakan Perniagaan Jahabersa, 2002.
- 3) *Anti Hadith Jarum Yahudi* oleh Hj Isa Ismail/Yusuf Wanjar, 1996.
- 4) *Anti Hadith Lemas dalam Sejengkal Air* oleh Mohd Nakhaie Hj Ahmad, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1996.⁷³
- 5) *Jawapan kepada Buku Hadith Satu Penilaian Semula* oleh Fakulti Pengajian Islam, 1988.
- 6) *Salah Faham Terhadap Hadith, Satu Penjelasan (Jawi)* oleh Panel Penyelidik Hadith Majlis Agama Islam Kelantan, 1986.
- 7) *Penjelasan Mengenai Hadith dan Kod 19 (Reaksi terhadap Buku Hadith: Satu Penilaian Semula)*. Mahayudin Haji Yahaya. Cetakan Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1986.

⁷³ *Ibid.*, 26-27.

1.8 KOLEKSI KERTAS KERJA SEMINAR

- 1) Kelangsungan Pengajian Hadith Cabaran dan Masa Depan, suntingan Haziyah Hussin. Terbitan Jabatan al-Quran dan Sunnah Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam KUIS, 2006.
- 2) Al-Quran dan al-Sunnah di Era Globalisasi. Terbitan Jabatan al-Quran dan Sunnah UKM, 2003.
- 3) Prosiding Seminar Warisan Nabawi, Fakulti al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, 2007.
- 4) Prosiding Seminar al-Sunnah dan Isu-Isu Semasa Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2007.
- 5) Seminar Warisan Nabawi Kali Kedua, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Malaysia, 2010.⁷⁴
- 7) Seminar Pengajian Hadith dalam Konteks Pembangunan Ummah Peringkat Kebangsaan, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia Kuala Lumpur, 19-20 Ogos 1988.
- 8) Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyyah: Realiti dan Cabaran Semasa, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 12-13 Julai 2011.
- 9) Seminar Antarabangsa Warisan al-Hadith Anjuran Bahagian Pengajian Islam Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Sekretariat Falsafah Sains dan Sains Islam, USM dan Jabatan Mufti Negeri

⁷⁴ *Ibid.*, 27.

Pulau Pinang pada 8-9 Julai 2004 di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia.

- 10) Seminar Antarabangsa Sunah Nabawiyyah: Realiti dan Cabaran Semasa, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 3-4 Julai 2013.

Senarai buku-buku yang dihasilkan selepas tahun 80-an menunjukkan dominasi buku-buku yang mengupas hadith-hadith Nabi berdasarkan isu-isu tertentu. Antaranya merupakan terjemahan buku-buku karangan ulama terkenal dan juga hasil usaha pengarang itu sendiri. Kemungkinan keperluan masyarakat Islam di Malaysia dijadikan ukuran sebelum mengarang sesebuah kitab.

Kajian juga menunjukkan terjemahan terhadap buku-buku yang mengupas mengenai sejarah penulisan dan perkembangan hadith karangan ulama terkenal terus meningkat, antaranya karangan Syeikh Muḥammad Muṣṭafā al-Aẓẓāmī dan Muṣṭafā al-Sibāḥī. Kesungguhan penulis tempatan mengarang buku-buku yang menolak golongan antihadith dan mendedahkan penyelewengan mereka harus dipuji. Penulisan mengenai kaedah memahami hadith juga diharapkan dapat memberikan kefahaman yang lebih mantap kepada masyarakat Islam mengenai hadith-hadith Nabi s.a.w. Berbeza dengan tulisan-tulisan mengenai Ilmu *Muṣṭalah al-Ḥadīth* yang masih lagi kurang dan tidak banyak dihasilkan antaranya Ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, *Dirāsāt al-Asānīd*, ilmu *ʿIlal* dan ilmu *al-Takhrīj*. Usaha Drs Abdul Ghani Azmi Hj Idris yang mengumpulkan hadith-hadith *ḍa'īf* dan palsu perlu diteruskan dan digiatkan lagi.

Ia boleh dijadikan panduan kepada masyarakat Islam sebelum berhujah dengan sesebuah hadith.⁷⁵

1.9 KARYA-KARYA HADITH TERBITAN DBP

Dalam bahagian ini, penulis hanya menyenaraikan karya-karya hadith terbitan DBP sahaja. Manakala karya-karya hadith terbitan JAKIM, Al-Hidayah Publishers Sdn. Bhd., Perniagaan Jahabersa Sdn. Bhd. dan Syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd. disenaraikan dalam Lampiran B.

Berikut ialah senarai karya-karya hadith terbitan DBP:

- 1) *Ilmu Hadith Hadith sebagai Sumber Hukum* karangan Asmawi Haji Ehsan, 2003.
- 2) *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith* oleh Mohd. Muhiden Abd Rahman, 2006.
- 3) *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith* oleh Mohd. Muhiden Abd Rahman, 2008.
- 4) *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan* oleh Abdul Hayei Abdul Sukor, 2008.
- 5) *Kumpulan Hadith Masyhur Edisi Kedua* oleh Budah @ Uдах Muhsin dan Jawiah Dakir, 2008.
- 6) *Al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah* oleh Mohd. Mohedin Abd Rahman, 2009.
- 7) *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani* oleh Fauzi Deraman, 2010.
- 8) *'Ulum al-Hadith* oleh Mohd. Muhiden Abd Rahman, 2010.

⁷⁵ *Ibid.*, 28.

- 9) *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu* oleh Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali, 2010.
- 10) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Bukhari* oleh Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2010.
- 11) *Siri Tokoh Hadis Imam Muslim* oleh Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2010.
- 12) *Siri Tokoh Hadis Imam Ibn Majah* oleh Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2010.
- 13) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Nasa'i* oleh Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2010.
- 14) *Siri Tokoh Hadis Imam Abu Daud* oleh Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2010.
- 15) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Tirmizi* oleh Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2010.
- 16) *Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi* oleh Faisal bin Ahmad Shah, 2013.
- 17) *Kumpulan Hadis Masyhur* oleh Budah @ Uдах Mohsin, 1997.
- 18) *Ilmu Hadis Satu Pengenalan dan Kajian* oleh Şubhī Şālih. Terjemahan Ariffin Omar dan Mohd. Nor Ngah, 1996.
- 19) *Ulasan dan Terjemahan Hadis 40 Jilid 1* oleh Abdul Hayei Abdul Sukor 1995.
- 20) *Empat Puluh Hadis Pilihan* oleh Abdullah Hj. Abd. Wahab, 1993.
- 21) *Al-Sunnah dan Kedudukannya dalam Islam* oleh Mahmud Saedon, 1992.
- 22) *Ulum Hadith*, Budah @ Uдах Mohsin, 1995.
- 23) *Pengenalan Kitab-Kitab al-Sittah*, Budah @ Uдах Mohsin, 1985.

- 24) *Iktisar Sejarah Perundangan dan Kaedah Penyusunan Hadith* oleh Mohd Napiah Abdullah, 1989.
- 25) *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith* oleh Muḥammad Muṣṭafā A.,zāmī. Terjemahan Engku Ibrahim Engku Ismail, 1989.

1.10 PENUTUP

Karya-karya hadith di negara kita pada hari ini tentang ilmu hadith, „*Ulūm al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalah al-Ḥadīth* amat berkurangan berbanding buku agama dalam bidang lain. Walau bagaimanapun, tahun kebelakangan ini bilangan penerbitan karya hadith ini semakin meningkat apabila penerbit swasta lebih aktif menerbitkan karya-karya hadith. Walau bagaimanapun, karya-karya yang diterbitkan oleh penerbit swasta ini kebanyakannya ialah hadith tematik, karya terjemahan dan adaptasi kitab agung klasik.

Penerbit kerajaan khususnya DBP dan JAKIM perlu mengambil inisiatif dan mengatur strategi bagi mempertingkatkan penerbitan karya hadith ini. Diharapkan hasil kajian ini nanti dapat memberi input baharu dan cadangan-cadangan yang membina kepada DBP khususnya, baik JAKIM mahupun penerbit swasta agar penerbitan karya-karya hadith ini mampu menyaingi buku-buku lain.

Pengkaji hanya menyenaraikan sahaja karya-karya hadith yang diterbitkan oleh penerbit kerajaan dan swasta dan memberikan komentar secara umum sahaja, perincian karya-karya tersebut diharapkan akan dilakukan oleh pengkaji lain selepas ini.

BAB 2

SEJARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

2.0 PENDAHULUAN

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ialah salah sebuah penerbit kerajaan. Ia ditubuhkan pada 22 Jun 1956, iaitu setahun sebelum tahun kemerdekaan Malaysia. Ia merupakan badan berkanun yang diamanahkan untuk memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara, pentadbiran, undang-undang, pendidikan media am mahupun ekonomi. Dalam usia DBP selama 57 tahun, DBP telah mengalami era pasang surut dan perkembangan serta perubahan dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia.

Program penerbitan DBP dilaksanakan bagi mencapai matlamat untuk membina persuratan Melayu dalam rangka memperkasakan bahasa kebangsaan dan membina tamadun bangsa. Program ini adalah selaras dengan Dasar Penerbitan DBP yang menyatakan bahawa penerbitan DBP haruslah meliputi penerbitan konvensional dan elektronik, selain mempunyai reka bentuk dan isi yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pembaca Malaysia.

Justeru, Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah wujud selama 57 tahun ini tidak pernah ketinggalan dalam arus penerbitan buku di Malaysia. Fungsi utama DBP adalah memartabatkan bahasa, sastera dan penerbitan. Selaras dengan salah satu fungsinya sebagai penerbit buku, DBP telah memainkan peranan utama menerbitkan pelbagai buku dalam pelbagai bidang, sama ada dalam bentuk media cetak, elektronik dan

multimedia. Bidang-bidang tersebut ialah agama, sejarah, bahasa, sastera, sains teknologi, sains sosial dan kemanusiaan, kaunseling, pendidikan dan lain-lain lagi. Selain itu, DBP juga menerbitkan kamus, ensiklopedia dan majalah.

2.1 SEJARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Penubuhan DBP ini adalah atas desakan daripada kesaktian lidah rakyat, yang menuntut kedudukan istimewa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sejak zaman penjajah, kesedaran untuk memartabatkan bahasa Melayu ini telah tersemat di hati penduduk Melayu di Tanah Melayu. Hal ini disebabkan dasar pelajaran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kemajuan pelajaran.

Usaha mendaulatkan bahasa Melayu bermula pada tahun 1949 yang dilaksanakan melalui Dasar Pelajaran Negeri-Negeri Persekutuan Tanah Melayu. Dengan pelaksanaan dasar ini, anak Melayu mula mendapat pendidikan di sekolah Melayu, sehingga dapat melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Golongan cendekiawan Melayu inilah yang memangkinkan semangat penubuhan sebuah agensi yang menjaga hal ehwal bahasa dan sastera Melayu.

Perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu melalui pendidikan semakin menyerlah dengan penganjuran Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu II, yang diadakan pada 1 hingga 2 Januari 1954, di Sekolah King George V, Seremban. Hasil daripada kongres ini juga, kerajaan didesak menubuhkan sebuah pejabat atau agensi

bagi menangani penerbitan buku untuk sekolah Melayu serta kerja penterjemahan buku bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu untuk bacaan umum di sekolah.¹

Seterusnya pada 13 November 1955, satu rombongan yang terdiri daripada wakil pelbagai persatuan bahasa dan persuratan Melayu dihantar ke Jakarta oleh Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, yang menjadi Menteri Pelajaran pada waktu itu. Rombongan itu dihantar ke Jakarta untuk meninjau struktur dan pengurusan Balai Pustaka kerana model Balai Pustaka menjadi impian penubuhan sebuah institut bahasa dan persuratan Melayu di Tanah Melayu.²

Hakikatnya, untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan tentang bahasa, terutama mengenai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan mencapai kemerdekaan penuh dalam tahun 1957, maka kerajaan Perikatan yang berkuasa pada masa menjelang tercapainya kemerdekaan telah membuat rancangan-rancangan tertentu. Dalam tahun 1956 sudah ada ketetapan kerajaan hendak menubuhkan sebuah Jabatan khas untuk menjalankan usaha dan ikhtiar mengenai hal tersebut.³

Maka dengan itu, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan penubuhan Balai Pustaka pada 22 Jun 1956 di Johor Bharu, Johor sebagai sebuah jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran. Pengisytiharan ini disampaikan sendiri oleh Tun Abdul Razak bin Hussein yang disambut meriah oleh badan-badan bahasa dan persuratan Melayu kerana perjuangan mereka akhirnya memperoleh kejayaan.

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Meneliti Jejak Membaharui Babak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 3-5.

² *Ibid.*

³ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Chenderamata Pembukaan Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1962), 17.

Tanggungjawab yang dipikul oleh Balai Pustaka yang baharu mula beroperasi semakin besar, apabila pada tahun 1956 itu juga diperkenalkan Penyata Razak bagi menggantikan Penyata Barnes. Hal ini disebabkan Penyata Razak memperjuangkan nasib orang Melayu melalui pendidikan dan ekonomi, dan bahasa Melayu menjadi asas perjuangan.⁴ Penyata Razak mendapat sokongan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan, Kesatuan Guru-guru Melayu Semenanjung, parti politik seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan Parti Negara yang ketika itu turut memperjuangkan nasib orang Melayu melalui pendidikan dan ekonomi.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang berlangsung di Singapura dan Johor Baru pada 16 – 21 September 1956 mencadangkan Balai Pustaka diberi nama baharu. Perkara ini bersesuaian dengan peranan Balai Pustaka di Tanah Melayu yang semakin penting dan perlu mempunyai identitinya sendiri. Dalam majlis penutupan kongres ini yang diadakan di Istana Besar, Johor Bahru, di hadapan wakil-wakil daripada 51 badan bahasa,⁵ Tun Haji Abdul Razak bin Hussein mengumumkan persetujuan kerajaan menukarkan nama Balai Pustaka kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Malah, DBP dinaikkan taraf sebagai badan yang mempunyai anggota lembaganya sendiri.

Penubuhan DBP adalah untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang akan merdeka ketika itu. Pada peringkat awal

⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Meneliti Jejak Membaharui Babak*, 8.

⁵ *Ibid.*, 8.

penubuhannya itu, DBP mengorak usaha murninya bertempat di Bukit Timbalan, Johor Bahru.⁶

Pada Julai 1957, DBP telah berpindah ke Kuala Lumpur dan ditempatkan di bekas wad sebuah hospital di Jalan Young, yang kini dikenali dengan Jalan Cenderasari. Nama “Dewan Bahasa dan Pustaka” diguna secara rasmi di Kuala Lumpur pada 21 September 1957.⁷ Perpindahan ini bagi memudahkan segala pelaksanaan tugasnya yang selaras dengan pengisytiharan bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi tunggal negara. Biarpun berumur setahun jagung dan beroperasi di sebuah pejabat yang usang lagi daif, DBP tetap bersemangat waja untuk mendepani segala cabaran.⁸

Pada tahun 1957 juga, Sistem Pendidikan Kebangsaan telah diwujudkan di bawah Dasar Pelajaran Negeri-Negeri Persekutuan. Dalam Seksyen 3 Undang-undang Pelajaran 1957, yang sejajar dengan dengan semangat Fasal 152, dinyatakan bahawa bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan Tanah Melayu. Dasar ini dapat diterima oleh orang ramai dan dapat memajukan bangsa dalam lapangan kebudayaan, ekonomi dan politik. Pada waktu yang sama, sistem ini dapat mengekalkan serta memelihara perkembangan bahasa dan kebudayaan orang bukan Melayu yang tinggal di negara ini. Pelaksanaan dasar ini menjadikan peranan DBP semakin besar dalam merealisasikan matlamat kerajaan pada waktu itu.

⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Citra Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 16.

⁷ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Meneliti Jejak Membaharui Babak*, 15.

⁸ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Citra Dewan Bahasa dan Pustaka*, 16.

Pada tahun 1959, berlaku lembaran sejarah yang amat penting dalam usia DBP yang masih muda. Pada 1 Ogos 1959, DBP yang pada mulanya sebuah jabatan berubah menjadi sebuah perbadanan dalam Kementerian Pelajaran. Rang Undang-undang Perbadanan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 ini dikemukakan dalam Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu pada 23 April 1959 oleh Tan Sri Mohd. Khir bin Johari, Menteri Pelajaran pada masa itu. Antara ucapannya, "...DBP akan berfungsi lebih memuaskan dan lebih berkesan di bawah Lembaga Pengelola yang mempunyai kuasa sebuah Perbadanan untuk mentadbirkan urusannya." Usul Menteri Pelajaran itu disokong oleh Tun Abdul Ghafar bin Baba. Antara ucapannya, "...Saya yakin bahawa kuasa tambahan yang diberikan kepada DBP membolehkan DBP mendapat kesempatan yang penuh untuk memajukan bahasa Melayu dengan secepat-cepatnya."⁹

Inilah julung kalinya sejak Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, rang undang-undang dibentangkan dalam bahasa Melayu dan untuk kali pertama juga ahli-ahli majlis bukan Melayu berucap dalam bahasa Melayu tatkala menyokong rang undang-undang tersebut.

Oleh itu, DBP sekali lagi menempa kejayaan apabila dinaikkan taraf menjadi sebuah badan berkanun melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Dengan penaikan taraf ini, DBP diberi kuasa autonomi, iaitu:

- i) Menggubal dasarnya yang khusus;
 - ii) Menyusun program pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera;
- dan

⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Meneliti Jejak Membaharui Babak*, 16 – 17.

- iii) Menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif menurut prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan.¹⁰

Kuasa autonomi yang diberikan kepada DBP ini selaras dengan empat matlamat utama DBP untuk membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan, sesuai dengan dasar negara dan hasrat rakyat seperti yang berikut:

- 1) Memperkembangkan dan memperkayakan bahasa kebangsaan.
- 2) Memperkembangkan bakat sastera khususnya dalam bahasa kebangsaan.
- 3) Mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku, majalah, risalah dan bentuk kesusasteraan lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa lain.
- 4) Menstandardkan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah-istilah teknik yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.

Pada 31 Januari 1962, DBP telah berpindah ke bangunan sendiri di Jalan Lapangan Terbang Lama (sekarang Jalan Dewan Bahasa). Pada tahun 1977, Dewan Bahasa dan Pustaka mengembangkan sayapnya ke Malaysia Timur dengan membuka dua pejabat di Kota Kinabalu, Sabah dan di Kuching, Sarawak. Ini diikuti pula dengan pembukaan tiga pejabat DBP Wilayah Utara di Bukit Mertajam, Pulau Pinang (1999), Pejabat DBP Wilayah Timur di Kota Bharu, Kelantan (1999) dan Pejabat DBP Wilayah Selatan di Johor Bharu, Johor (2000). Pembukaan ini adalah untuk membantu menyebarkan bahasa dan budaya Melayu hingga ke Thailand, negara-negara Indo-China, Sumatera dan Singapura.¹¹ Kini DBP mempunyai satu bangunan ibu pejabat

¹⁰ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Citra Dewan Bahasa dan Pustaka*, 16 – 18.

¹¹ *Ibid.*

yang baharu. Projek pembangunan Menara DBP yang telah dimulakan pada tahun 1997 dan siap pada tahun 2003.

Pada tahun 2011, DBP Wilayah Tengah telah ditubuhkan dan menjalankan operasinya di DBP Ibu Pejabat. Dengan tujuan untuk memperluas Akta tersebut ke negeri Sabah dan Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan, pada 20 Oktober 1995, Parlimen telah meluluskan Akta A930 Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995.¹²

2.1.1 Falsafah DBP

Pembinaan Negara Bangsa Melalui Bahasa Melayu

Konsep “pembinaan negara” timbul dalam kalangan negara yang baharu bebas daripada belunggu penjajahan yang bertujuan membentuk jati diri dan citra sendiri yang berlainan daripada ciri-ciri yang ditinggalkan oleh penjajah. Oleh itu, pembinaan negara Malaysia diasaskan pada beberapa dasar negara dalam bidang pentadbiran, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, dasar luar dan bidang yang lain, tidak terkecuali bidang bahasa.

Pembinaan negara melalui bahasa Melayu berasaskan Dasar Bahasa Kebangsaan, iaitu salah satu dasar negara yang penting, di samping dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan dasar-dasar lain. Bahasa Melayu menjadi wasilah pembinaan negara yang penting melalui kedudukan dan peranannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu.

¹² Dewan Bahasa dan Pustaka, *Plan Tindakan Strategik DBP 2012 – 2015* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 8.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, menjadi asas jati diri negara dan rakyat yang terdiri daripada pelbagai keturunan. Melalui penggunaan bahasa kebangsaan yang merentas keturunan, persefahaman dan persefahaman dan perpaduan akan dapat dipupuk Perpaduan kebangsaan ini merupakan salah satu asas pembinaan negara yang amat penting. Sebagai bahasa rasmi pula, bahasa Melayu menjadi wahana komunikasi yang penting dalam menggerakkan jentera pentadbiran negara pada semua peringkat, baik pada peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri mahupun pihak berkuasa tempatan. Bahasa Melayu pula menjadi bahasa ilmu yang menyumbang ke arah penyebaran dan pengembangan ilmu dalam kalangan rakyat.¹³

2.1.2 Wawasan DBP

Bahasa Melayu Sebagai Salah Satu Bahasa Utama Dunia

Bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang benar-benar berwibawa, kedudukan dan peranannya tidak seharusnya terbatas pada peringkat negara semata-mata. Bahasa Melayu perlu diangkat menjadi bahasa serantau dan antarabangsa yang diiktiraf sebagai salah satu bahasa penting di dunia. Sejarah lampau bahasa Melayu, terutama pada zaman bahasa Melayu klasik pada sekitar abad ke-13M hingga abad ke-19M, yang merentas semua bidang tamadun, bidang ilmu, agama, undang-undang, perdagangan, ketatanegaraan, susastera, mahupun hubungan diplomatik membuktikan bahawa bahasa Melayu pernah menjadi bahasa dunia yang dihormati oleh warga dunia. Sebagaimana yang diungkapkan oleh sarjana Belanda, Francois Valentijn, bahasa Melayu pada

¹³ *Ibid.*, 8 – 9.

abad ke-16M telah menyamai taraf dan peranan bahasa Latin dan bahasa Perancis di benua Eropah dan menjadi bahasa perhubungan antarabangsa.

DBP berusaha mencapai wawasan untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia, berasaskan potensi seperti kedudukannya sebagai bahasa kelima terbesar di dunia, kewujudan lebih 100 buah institusi sedunia yang mempunyai program bahasa dan persuratan Melayu atau pengajian Melayu/Indonesia, di samping potensi Malaysia sebagai pusat pendidikan antarabangsa, pusat pelancongan dan pusat kerjaya yang menarik minat warga asing.¹⁴

Prasarana yang telah sedia ada dan berfungsi dengan baik, seperti Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) sejak tahun 1972 dan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) sejak tahun 1997, dapat dijadikan landasan yang utuh untuk program pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Selain itu, kerajaan Malaysia sendiri telah menubuhkan beberapa kerusi Pengajian Melayu di beberapa bahagian dunia seperti Leiden, Belanda (untuk kawasan Eropah), di Wellington, New Zealand, di Beijing, Republik Rakyat China, dan di Seoul, Korea Selatan. Semua kerusi itu dapat menjadi asas pengantarabangsaan bahasa dan persuratan Melayu jua.¹⁵

¹⁴ *Ibid.*, 9.

¹⁵ *Ibid.*, 10.

2.1.3 Fungsi DBP

Fungsi utama Dewan Bahasa dan Pustaka adalah untuk membina dan mengembangkan bahasa, sastera dan penerbitan. Melalui penerbitan inilah DBP membina dan mengembangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu serta bidang ilmu yang telah dikenal pasti untuk memenuhi keperluan masyarakat Malaysia. Matlamat penerbitan DBP bukan sahaja untuk tujuan komersial, tetapi juga sebagai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Selain penerbitan buku, Dewan Bahasa dan Pustaka juga menerbitkan pelbagai jenis terbitan seperti majalah¹⁶ dan jurnal¹⁷, ensiklopedia¹⁸, kamus¹⁹, istilah, glosari²⁰ dan sebagainya.²¹

¹⁶ Terdapat 11 buah majalah terbitan DBP, iaitu *Dewan Masyarakat* (1963), *Pelita Bahasa* (1989), *Dewan Budaya* (1979), *Dewan Sastera* (1971), *Dewan Bahasa* (1957), *Dewan Pelajar* (1967), *Dewan Kosmik* (1993), *Dewan Ekonomi* (1994), *Dewan Siswa* (1979) dan *Tunas Cipta* (2001), *Majalah Agama, Falsafah dan Tamadun Islam* (2013).

¹⁷ Terdapat 3 buah jurnal yang diterbitkan oleh DBP, iaitu *Kanun* (1989), *Jurnal Bahasa* (2001) dan *Malay Literature* (1998).

¹⁸ Terdapat 10 buah ensiklopedia terbitan DBP, iaitu *Ensiklopedia Perintis* (1968), *Ensiklopedia Sains* (1965), *Ensiklopedia Pelajar* (1990), *Ensiklopedia Bahasa-bahasa Utama Dunia* (1998), *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1999), *Ensiklopedia Sastera Dunia* (2000), *Ensiklopedia Islam Safir* (2000), *Ensiklopedia Islam* (2004), *Ensiklopedia Dunia* (2005), *Ensiklopedia Sains dan Teknologi* (2006), dan *Ensiklopedia Bahasa Melayu* (2008).

¹⁹ DBP telah menerbitkan kamus ekabahasa, antaranya ialah *Kamus Dewan*, ed. ke-1 (1970), *Kamus Dewan*, ed. ke-2 (1989), *Kamus Dewan*, ed. ke-2 (1994), *Kamus Dewan* ed. ke-4 (2005). Selain itu, DBP juga menerbitkan kamus dwibahasa seperti *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu* (1979), *Kamus Inggeris - Melayu Dewan* (1991), *Kamus Inggeris - Melayu Edisi Ringkas* (1995), *Kamus Dwi bahasa Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu Edisi Kedua* (2001), *Kamus Perancis - Melayu* (1996), *Kamus Thai - Melayu* (2008), *Kamus Melayu - Inggeris Dewan* (2012). Antara kamus dan glosori istilah yang diterbitkan sehingga 2012 ialah *Kamus Biologi KBSM* (1990), *Kamus Perubatan* (1991), *Kamus Perbankan* (1991), *Kamus Ekonomi* (1993), *Kamus Linguistik* (1997), *Kamus Pelaburan* (1997), *Kamus Forensik* (2007), *Kamus Pergigian Pediatrik* (2008), *Kamus Fizik - Alam Nuklear* dan *Kamus Arkeologi* (2011).

²⁰ Sehingga tahun 2012, sebanyak 278 daftar dan glosori istilah telah diterbitkan.

²¹ Jamaluddin Mohd. Sulong, "Karyanet: Penjana Karya Melalui Web dalam Era Globalisasi" dalam *Penerbitan Buku dalam Bahasa Melayu*, ed., Mohd. Anwar Ridhwan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 17.

2.1.4 Peranan DBP

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka yang tercatat dalam Akta 930 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (semakan tahun 1978, Pindaan dan Perluasan) 1995 adalah seperti yang berikut:

- 1) untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi;
- 2) untuk memperkembangkan bakat sastra, khususnya dalam bahasa kebangsaan;
- 3) untuk mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku-buku, majalah-majalah, risalah-risalah dan lain-lain bentuk kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa-bahasa lain;
- 4) untuk membakukan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan;
- 5) untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul; dan
- 6) untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia akan digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.²²

2.1.5 Sumber Kuasa Penubuhan DBP

- 1) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152).
- 2) Akta 213 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 (Disemak-1978)

²² Dewan Bahasa dan Pustaka, *Plan Strategik DBP 2012 – 2015*, 15.

- 3) Akta A930 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan) 1995.
- 4) Akta lain yang berkaitan: Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan dan Perluasan) 1983.
- 5) Akta Pendidikan 1996 (Pindaan 2002).²³

2.2 DASAR PENERBITAN DBP

Penerbitan dalam bahasa Melayu merupakan wahana penting bagi perkembangan ilmu dan tamadun yang dituntut oleh negara bangsa Malaysia. Melalui penerbitan dalam bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka akan membina dan mengembangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu serta bidang ilmu yang telah dikenal pasti untuk memenuhi keperluan masyarakat Malaysia dan masyarakat pembaca di seluruh dunia. Penerbitan dalam bahasa-bahasa lain juga akan diberi perhatian mengikut keperluan semasa.²⁴ Menjelang alaf baru, penerbitan dalam bentuk konvensional akan bersaing dengan penerbitan elektronik. Maka Dasar Penerbitan DBP akan merangkumi

²³ *Ibid.*, 14.

²⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1999, Pindaan 11 April 2001, dikemas kini pada 21 Mac 2001), 1.

penerbitan konvensional²⁵ dan elektronik²⁶ dengan reka bentuk dan isi yang bermutu tinggi untuk memenuhi keperluan pembaca Malaysia daripada pelbagai kaum etnik.²⁷

Dengan ini jelaslah bahawa tugas utama DBP adalah untuk membina dan memajukan bahasa kebangsaan dan sastera kebangsaan. Selain itu, penerbitan merupakan fungsi penting DBP kerana buku ialah alat yang paling berkesan untuk memaju bahasa dan kesusasteraan.

Sehubungan itu, DBP mengusahakan pelbagai bentuk penerbitan dalam pelbagai ilmu untuk semua peringkat pembaca. Aktiviti penerbitan yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan memenuhi tanggungjawab sosial tetapi juga untuk mendapatkan pulangan yang menguntungkan.²⁸

Dalam melaksanakan fungsi penerbitan ini, DBP memberikan keutamaan kepada penerbitan bahan ilmu dalam bahasa Melayu. Namun begitu, penerbitan dalam bahasa-bahasa ASEAN, bahasa-bahasa besar dunia dan maklumat terutamanya dalam bidang bahasa dan sastera juga diusahakan.

²⁵ Penerbitan cetak yang boleh dikatakan sebagai satu proses penerbitan bahan yang menggunakan struktur kerja penerbitan dan percetakan yang sedia ada, sama ada menggunakan teknologi penulisan, perekaan bentuk bahan, prapercetakan dan percetakan bahan secara berasingan. Lihat Nor Hissam Sulaiman, *Asas Penerbitan*, 83; Penerbitan bercetak dalam format terbitan kertas (*printed form*) lihat Primalani M. Kukanesan, "Peranan Perpustakaan dalam Gerakan Literasi dan Pembacaan," dalam *Buku Mengisi Era Masyarakat Berilmu*, ed., Abdul Kadir Mohd. Yunus (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 185.

²⁶ Penerbitan elektronik merupakan suatu mekanisme penerbitan yang berasaskan komputer yang menggunakan teknologi digital bagi menghasilkan sesuatu produk sama ada dalam bentuk cetak ataupun digital. Ia menekankan kepada penggunaan teknologi tertentu, penghasilan produk bermutu tinggi dan proses penerbitan akan memakan masa yang agak pendek berbanding dengan teknologi penerbitan konvensional. Lihat Nor Hissam Sulaiman, Mot Madon dan Syed Agil Al-Sagof, *Asas Penerbitan Elektronik* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2010), 3.

²⁷ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (1999), 1.

²⁸ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 1.

Segala usaha penerbitan DBP mestilah sejajar dengan Akta DBP dan menyokong Dasar Pendidikan Negara, serta mematuhi garis panduan, tatacara dan sasaran kerja utama yang ditetapkan.²⁹

Dasar ini juga akan memastikan bahawa judul-judul yang diterbitkan akan memanfaatkan pembacanya di samping memenuhi tanggungjawab sosial DBP. Judul-judul yang diterbitkan akan menjadi judul yang laris di pasaran, judul yang membina tamadun bangsa dan judul yang merangsang minda pembacanya.

Oleh itu, dasar ini akan memberi tumpuan pada penerbitan buku dan bahan rujukan dalam bentuk karya asli, terjemahan atau adaptasi seperti yang berikut:

- (1) Buku kreatif dan ilmiah dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu.
- (2) Ensiklopedia dan kamus.
- (3) Penerbitan berkala – majalah dan jurnal.
- (4) Buku teks sekolah – rendah dan menengah.
- (5) Buku ilmu dalam pelbagai bidang pilihan untuk bacaan umum bagi peringkat dewasa, remaja dan kanak-kanak.³⁰

Bidang penerbitan buku DBP ialah buku bahasa, sastera dan pelbagai bidang ilmu. Pelbagai bidang ilmu ini termasuklah agama, sains sosial, sains tulen, kesenian, geografi, sejarah, falsafah, teknologi dan sains gunaan.³¹

²⁹ *Ibid.*, 1.

³⁰ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (1999), 3.

³¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Laporan Tahunan 2008* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 51.

2.2 STRUKTUR ORGANISASI DAN PENTADBIRAN DBP

Dalam struktur organisasi dan pentadbiran DBP, terdapat beberapa jabatan dan bahagian tertentu yang menggerakkan DBP sebagai badan yang memartabatkan bahasa, sastera dan penerbitan.

Bermula 1 Ogos 2010 DBP telah melalui penyusunan semula organisasi yang menjadikan DBP terdiri daripada empat jabatan fungsi utama. Pertama, Jabatan Dasar dan Penyelidikan yang terdiri daripada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Bahagian dasar dan Penyelidikan Bahasa, Bahagian Dasar dan Penyelidikan Sastera, dan Pusat Dokumentasi Melayu. Kedua, Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera yang terdiri daripada Bahagian Perkamusan, Bahagian Peristilahan dan Leksikologi, dan Bahagian Ensiklopedia. Ketiga, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera yang terdiri daripada Bahagian Pengembangan Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja, Bahagian Promosi dan Pengiktirafan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pembinaan Bakat dan Kepakaran, Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum. Keempat, Jabatan Penerbitan yang terdiri daripada Bahagian Majalah, Bahagian Buku Sekolah, Bahagian Buku Bahasa, Bahagian Buku Kanak-kanak dan Remaja, Bahagian Penyelarasan dan Kawal Selia Penerbitan, Bahagian Buku Umum, Bahagian Multimedia, Bahagian Harta Intelek dan Bahagian Buku Sastera³² (lihat Lampiran C).

Penggabungan fungsi ini bertujuan membolehkan pengurusan fungsi bahasa, persuratan Melayu, dan penerbitan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kesemua pelaksanaan fungsi teras ini disokong oleh Jabatan Khidmat Sokongan Pengurusan yang

³² "Struktur Organisasi DBP," laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 5 September 2013, <http://dbp.gov.my/>.

terdiri daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran Am, Bahagian Keselamatan, Bahagian Kewangan dan Bekalan, dan Bahagian Sistem Maklumat.³³

2.4 SEJARAH PENUBUHAN BAHAGIAN AGAMA, FALSAFAH DAN TAMADUN ISLAM (BAFTI)

Bahagian ini ditubuhkan pada 2 Januari 1993 dengan nama Projek Agama dan Tamadun Islam di bawah Jabatan penerbitan. Penstrukturan semula DBP pada 1 Oktober 1995, bahagian ini dinamakan Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam. Perubahan ini sesuai dengan fungsi penerbitannya untuk menerbitkan buku-buku agama, falsafah dan tamadun Islam untuk pelbagai peringkat pembaca. Di samping itu, bahagian ini juga menggalakkan para ulama dan cendekiawan muslim untuk bergiat dalam program-program berbentuk wacana ilmu yang akan membincangkan permasalahan umat dan pemikiran Islam semasa melalui program ceramah, seminar, forum dan seumpamanya dari semasa ke semasa. Sebelum penubuhan BAFTI, penerbitan buku agama telah dilaksanakan oleh Bahagian Buku Pelajaran di bawah Unit Agama yang diketuai oleh Tuan Hj. Abd Rahman Rukaini.

BAFTI ini telah menumpukan penerbitan khusus kepada tiga penerbitan utama, iaitu Penerbitan Umum kanak-kanak, Penerbitan Umum Remaja dan Penerbitan Dewasa³⁴. Semenjak penubuhannya, BAFTI telah diterajui oleh tiga orang Ketua Bahagian, iaitu Tuan Haji Abd Rahman bin Rukaini (2 Januari 1993 hingga 1 November 1995), Tuan Haji Wan Abdul Hamid bin Wan Teh (2 November 1995

³³ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Meneliti Jejak Membaharui Babak*, 65.

³⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Citra Dewan Bahasa dan Pustaka*, 142.

hingga Julai 2006), Tuan Haji Salahuddin bin Dato' Muhammad memegang jawatan ini mulai Julai 2006 hingga Jun 2007. Pada Jun 2007 hingga Julai 2010 Encik Azmi bin Ibrahim menyandang jawatan sebagai Ketua BAFTI. Mulai 1 Ogos 2010 BAFTI telah diserap ke dalam Bahagian Buku Umum.

2.4.1 Penerbitan Buku

BAFTI sebagai sebuah bahagian yang terdapat dalam organisasi DBP telah dipertanggungjawabkan untuk menerbitkan buku-buku agama dalam pelbagai bidang tertentu. Aktiviti ini sememangnya telah dirancang dengan sebegitu rapi oleh BAFTI bagi memenuhi kehendak penerbitan dan bidang keagamaan. Peranan ini telah dimainkan dan dilaksanakan oleh BAFTI dalam memenuhi kehendak pelanggan. Aktiviti penerbitan BAFTI telah menghasilkan banyak penerbitan buku-buku agama dalam pelbagai bidang.

Pada awal penubuhan BAFTI, jumlah kakitangannya tidak begitu ramai tetapi dari setahun ke setahun jumlah kakitangan telah ditambah mengikut keperluan. Pada tahun 2010 (sebelum penstrukturan semula) BAFTI telah mempunyai lapan orang editor. Jika dilihat daripada jumlah ini kita akan dapati kemampuan untuk menerbitkan buku bacaan agama adalah sangat terbatas. Hasil usaha dan kerja keras tenaga yang ada di sini maka pelbagai bentuk penerbitan buku mengikut bidang berjaya diterbitkan.

BAFTI ini diketuai oleh seorang Ketua Bahagian yang dikenali juga sebagai Ketua Editor. Sebagai ketua, beliau bertindak mengawal atau memantau kerja penyuntingan manuskrip yang dilakukan oleh kakitangan bawahannya agar manuskrip

yang bakal diterbitkan sebagai buku itu menjadi bahan yang sesuai untuk golongan sasaran. Setiap editor pula menangani projek masing-masing yang terdiri daripada buku-buku agama untuk pelbagai sasaran sama ada dewasa, institut pengajian tinggi, remaja dan kanak-kanak. Jenis buku yang ditangani ini sama ada buku karya asli, terjemahan, dan adaptasi.³⁵

Selain itu, BAFTI juga menganjurkan seminar, bengkel dan wacana ilmu. Aktiviti ini secara tidak langsung boleh mengembangkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan Islam kepada masyarakat umum. Antara seminar dan wacana yang telah dianjurkan oleh BAFTI ialah Seminar Terjemahan Buku Bahasa Arab – Melayu pada Ogos 1993, Seminar Penulisan Keilmuan Islam pada Oktober 1993, Seminar Nadwah Kesusasteraan Islam pada Disember 1993, Ceramah Kesusasteraan Islam dan Syair Syekh Ahmad Fatani pada 1994, Kursus Tafsir al-Quran pada 8 – 10 Mac 1999, Kursus Penulisan Teks Khutbah dan Doa pada 1 – 4 November 1999, Forum Iqra': Ilmu dan Kehidupan Bertamadun "Cabaran Alaf Baru" pada 17 Ogos 2000, Seminar Pemikiran Hamka pada 26 -28 April 2001, Ceramah Perdana Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas pada 6 Disember 2001.

BAFTI juga telah mengadakan Persidangan Isu dan Minda Umat Melayu Islam pada 29 Januari 2002, Wacana Ibn Khaldun di seluruh Malaysia pada bulan Februari – April 2002³⁶, Syarahan Perdana: Palestin dan Kemanusiaan pada 8 Mei 2002, Seminar Pemikiran Sheikh Abdul Samad al-Falembani pada 16 Februari 2002, Seminar Tasawuf Peringkat Kebangsaan pada 9 – 10 Ogos 2003, Seminar Imam al-Syafie pada 13 Disember 2003.

³⁵ Pengkaji ialah editor yang menangani penerbitan buku agama di BAFTI mulai tahun 1996 hingga kini.

³⁶ Pengkaji ialah pengurus projek Wacana Ibn Khaldun ini.

Manakala pada tahun 2004 pula BAFTI mengadakan Wacana Peradaban Malaysia pada 1 Mac. DBP juga menganjurkan Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran Islam antara China dan Malaysia pada 6 – 12 Jun 2005, Konvensyen Budaya Islam pada 27 – 28 Julai 2005, Seminar Adab-adab Berbeza Pendapat dalam Islam pada 17 September 2005 dan Wacana Ilmu: Tafsir al-Maraghiy pada 9 September 2005.³⁷ Walau bagaimanapun tahun-tahun berikutnya BAFTI tidak lagi aktif menganjurkan wacana-wacana ilmu dan hanya memfokuskan kepada penerbitan buku sahaja.

2.4.2 Sumbangan BAFTI dalam Penerbitan Karya Hadith

Sejak penubuhan BAFTI dari tahun 1993 hingga 2010, bahagian ini telah menerbitkan sebanyak 20 buah buku hadith. Walaupun jumlah penerbitan karya hadith ini boleh dianggap kecil, tetapi ia telah melaksanakan tanggungjawabnya kepada masyarakat. Dari tahun 1993-2010 BAFTI telah menerbitkan 707 buah buku agama dalam pelbagai bidang (judul baharu dan cetak ulang).³⁸ Di samping karya-karya hadith ini, BAFTI juga menerbitkan buku-buku agama dalam pelbagai bidang. Dalam hal ini, penulis merasakan perlu juga diambil kira bilangan pegawai yang sedikit dan terpaksa menerbitkan buku yang mencakupi kategori kanak-kanak, remaja, dewasa dan institut pengajian tinggi (IPT) dalam pelbagai bidang agama seperti pemikiran, undang-undang, pendidikan Islam, tamadun, sejarah, tafsir dan lain-lain lagi.

Kepentingan karya hadith ini tidak dapat dipertikaikan lagi. Hal ini kerana hadith Rasulullah s.a.w. ialah sumber kedua dalam Islam. Kelahirannya adalah untuk

³⁷ Mohd. Fesal Muhammad, "Sejarah Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam Dewan Bahasa dan Pustaka dan Sumbangannya dalam Penerbitan Buku" (disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 66 – 9.

³⁸ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Laporan Tahunan 1993 - 2010* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993 - 2010).

memenuhi tuntutan sumber hukum Islam yang pertama, iaitu al-Qur'an. Khazanah ilmu yang perlu diterokai melalui hadith sangat besar kerana ia juga bersumberkan wahyu daripada Allah. Lazimnya ia menjadi sumber kepada ilmu yang benar sama ada ilmu yang berkaitan dengan urusan dunia mahupun yang berkaitan urusan akhirat. Kebenaran atau kesahihan nisbahnya kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah sangat penting. Apabila ternyata kesahihan *sanad* sesuatu hadith, maka dikira sudah memadai untuk diyakini kebenaran isi kandungannya, sekalipun masih terdapat bahagian-bahagian tertentu daripadanya belum dapat difahami dengan jelas oleh akal manusia.³⁹

2.5 PENSTRUKTURAN SEMULA DBP 2010

Pada bulan 1 Ogos 2010 DBP telah distrukturkan semula organisasinya dan BAFTI telah diserapkan ke dalam Bahagian Buku Umum. Oleh itu, BAFTI telah bertukar menjadi Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam yang berada di bawah Bahagian Buku Umum. Fungsi Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam telah dikecilkan, iaitu menerbitkan buku-buku agama dalam kategori umum dan ilmiah sahaja.

2.6 BAHAGIAN BUKU UMUM, DBP

Bahagian Buku Umum (BBU) adalah salah sebuah bahagian di bawah Jabatan Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka. Bahagian ini berperanan untuk membina, memperkaya dan menyediakan bahan bacaan informatif serta rujukan bermutu dalam

³⁹ Mohd Radzi Othman, "Peranan Ilmu Hadis dalam Menangani Isu Semasa" dalam *Warisan al-Hadis Antara Teras dengan Dinamika Pemikiran*, ed., Mohd Radzi Othman et al. (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), 3.

bidang agama, sains dan teknologi, sains sosial, dan kemanusiaan, terutamanya dalam bahasa Melayu bagi memenuhi keperluan masyarakat umum.

Ia ditubuhkan pada bulan 1 Ogos 2010 ekoran penstrukturan semula organisasi DBP. Bahagian Buku Umum terdiri daripada gabungan tiga bahagian, iaitu Bahagian Sains dan Teknologi (S&T), Bahagian Sains Sosial dan Kemanusiaan (SSK), dan Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam (BAFTI). BBU ditempatkan di dua tingkat, iaitu di tingkat 13 (Unit SSK dan AFTI) dan di tingkat 18 (Unit S&T).

Selepas beberapa ketika beroperasi, timbul persoalan tentang penerbitan buku ilmiah. Berdasarkan fungsi bahagian-bahagian di Jabatan Penerbitan, tidak ada bahagian yang menangani penerbitan buku ilmiah SSK, S&T, dan AFTI. Hal ini telah dimaklumkan kepada Ketua Pengarah waktu itu, tetapi oleh sebab DBP baru sahaja selesai melaksanakan penstrukturan semula, perkara ini tidak diambil tindakan.

BBU mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku ilmiah. Dengan demikian, BBU mempunyai dua fungsi, iaitu penerbitan buku umum dan penerbitan buku ilmiah dalam pelbagai bidang (selain bidang bahasa dan sastera).⁴⁰

2.6.1 Fungsi Bahagian Buku Umum

Fungsi Bahagian Buku Umum adalah seperti yang berikut, iaitu:

- 1) Menerbitkan buku umum yang berkaitan dengan hal ehwal agama dalam pelbagai aspek kehidupan.

⁴⁰ En. Jamaluddin Mohd Sulong, "Bahagian Buku Umum" (Pelan Bahagian Buku Umum 2012). Beliau ialah mantan Ketua Editor Bahagian Buku Umum.

- 2) Menerbitkan buku ilmiah dalam bidang agama yang berkaitan dengan ketamadunan Islam.
- 3) Menerbitkan buku umum yang berkaitan dengan isu dalam bidang sains dan teknologi.
- 4) Menerbitkan buku ilmiah yang berasaskan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi.
- 5) Menerbitkan buku umum yang berkaitan dengan isu dalam bidang sains sosial.
- 6) Menerbitkan buku ilmiah yang berasaskan penyelidikan dalam bidang sains sosial.
- 7) Menerbitkan buku umum yang berkaitan dengan isu dalam bidang sains kemanusiaan, khususnya sejarah, undang-undang, dan juga buku biografi, autobiografi dan memoir.
- 8) Menerbitkan buku ilmiah yang berasaskan penyelidikan dalam bidang kemanusiaan yang berkaitan (lihat Lampiran D).⁴¹

Sebagai seorang editor di BBU ini, tugas-tugas yang perlu ditangani ialah tugas-tugas editorial di peringkat pembinaan judul, perolehan manuskrip, penulisan, penyuntingan, penyediaan manuskrip bersih, penyemakan pruf dan NSK serta membantu menyediakan bahan promosi penerbitan.

Selain itu, editor di bahagian ini juga melaksanakan program bengkel penulisan, penilaian, penyuntingan dan penyediaan bentuk dan ilustrasi dan penyediaan indeks. Malah, editor juga menguruskan kegiatan yang berkaitan dengan penerbitan seperti

⁴¹ Padilah Haji Ali "Buku Perancangan Bahagian Buku Umum 2013". (Pelan Perancangan Bahagian Buku Umum 2013), 6.

wacana intelektual, seminar, kolokium dan bengkel peringkat kebangsaan dan antarabangsa.⁴²

2.6.2 Struktur Organisasi Bahagian Buku Umum

BBU terbahagi kepada empat unit, iaitu Unit Sains dan Teknologi, Unit Sains Sosial, Unit Kemanusiaan, dan Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam. Selepas hampir tiga tahun beroperasi, BBU terdiri daripada seorang Ketua Editor, 9 orang Editor Kanan dan 14 orang editor (lihat Lampiran E). Daripada jumlah 24 orang editor itu, hanya 4 orang editor sahaja yang berlatarbelakangkan pendidikan agama.

2.7 BIDANG PENERBITAN DBP

Tugas utama DBP adalah untuk membina dan memajukan bahasa kebangsaan dan sastera kebangsaan. Selain itu, penerbitan merupakan fungsi penting DBP kerana buku ialah alat yang paling berkesan untuk memaju bahasa dan kesusasteraan.

Selaras dengan penerbitan adalah salah satu fungsi utama DBP, program penerbitan DBP terbahagi kepada penerbitan buku, penerbitan berkala dan penerbitan elektronik. Penerbitan buku merangkumi buku bahasa, sastera, buku pelbagai bidang, buku teks dan ensiklopedia. Penerbitan berkala pula adalah mencakupi majalah, jurnal dan buletin, manakala penerbitan elektronik pula melalui bahan-bahan yang diterbitkan melalui media web, CD-ROM, VCD dan televisyen. Program penerbitan ini turut dilaksanakan di DBP Cawangan dan DBP Wilayah.

⁴² Jamaluddin Mohd Sulong, "Bahagian Buku Umum", 3.

Bidang penerbitan buku DBP ialah buku bahasa, sastera dan pelbagai bidang ilmu. Pelbagai bidang ilmu ini termasuklah agama, sains sosial, sains tulen, kesenian, geografi, sejarah, falsafah, teknologi dan sains gunaan.⁴³

2.8 BENTUK PENERBITAN DBP

Bentuk penerbitan DBP adalah seperti yang berikut:

- (1) Buku kreatif dan ilmiah dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu,
- (2) Ensiklopedia dan kamus,
- (3) Penerbitan berkala – majalah dan jurnal,
- (4) Buku teks sekolah – rendah dan menengah,
- (5) Buku ilmu dalam pelbagai bidang pilihan untuk bacaan umum bagi peringkat dewasa, remaja dan kanak-kanak.

2.9 JENIS PENERBITAN DBP

Jenis penerbitan DBP adalah seperti yang berikut:

- (a) Karya asli.
- (b) Karya terjemahan.
- (c) Karya adaptasi.

⁴³ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Laporan Tahunan DBP 2008*, 50-1.

2.10 KATEGORI PENERBITAN DBP

(a) Pendidikan formal:

- (i) Pendidikan Prasekolah.
- (ii) Pendidikan Rendah.
- (iii) Pendidikan Menengah/Menengah Atas.⁴⁴
- (iv) Pendidikan Tinggi (hanya bagi bidang bahasa, sastera, budaya, undang-undang, komunikasi dan Tamadun Islam).

(b) Pendidikan tak formal (Bacaan Umum):

- (i) Peringkat kanak-kanak.
- (ii) Peringkat Remaja.
- (iii) Peringkat Dewasa.⁴⁵

2.11 SKOP PENERBITAN

A. PENERBITAN BUKU

Buku terbitan DBP meliputi buku kreatif dan informatif dalam pelbagai bidang ilmu untuk bacaan masyarakat umum dari peringkat kanak-kanak hingga dewasa.

1. Buku Bahasa

- i) Penerbitan buku bahasa ilmiah/pengajian tinggi

⁴⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (1997), 2.

⁴⁵ *Ibid.*, 2.

Projek ini meliputi penerbitan buku tentang linguistik am, linguistik bandingan, sociolinguistik, psikolinguistik, neurolinguistik, linguistik teks, linguistik terapan, linguistik antropologi, semiotik, falsafah bahasa dan sebagainya.

ii) Penerbitan buku bahasa umum dewasa.

Projek ini meliputi buku panduan atau pedoman bahasa, bahasa untuk komunikasi, laras bahasa, pengajaran dan pembelajaran bahasa, tatabahasa bahasa Melayu, karya agung dan sebagainya.

iii) Penerbitan glosari istilah/kamus istilah dan monograf

Projek ini meliputi penerbitan glosari pelbagai bidang, kamus istilah pelbagai bidang, kamus dialek, tesaurus dan monograf kajian bahasa.

2. **Buku Sastera**

i) Karya Sastera Asli

- a) Karya sastera kebangsaan dan sastera pelbagai kaum yang kreatif dan bukan kreatif dan asli, dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh warga Malaysia.
- b) Karya sastera berbahasa Melayu, kreatif dan bukan kreatif dan asli yang dihasilkan oleh bukan warga Malaysia.
- c) Karya sastera Melayu bukan kreatif, yang asli dalam bahasa Inggeris oleh warga Malaysia dan bukan warga Malaysia untuk peringkat dewasa.⁴⁶

⁴⁶ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (1999), 2-3.

- ii) Karya Sastera Terjemahan
 - a) Karya sastera kreatif dan bukan kreatif dari bahasa-bahasa lain di Malaysia ke dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh warga Malaysia pelbagai kaum.
 - b) Karya sastera kreatif dan bukan kreatif dari bahasa Melayu ke dalam bahasa-bahasa utama dunia yang dihasilkan oleh warga Malaysia.
 - c) Karya sastera kreatif dan bukan kreatif dari bahasa-bahasa utama dunia ke dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh bukan warga Malaysia.
- iii) Karya Sastera Adaptasi

Karya sastera kreatif dan bukan kreatif dalam bentuk adaptasi daripada bahasa-bahasa utama dunia ke dalam bahasa Melayu.

3. **Buku Umum**

- (i) Judul-judul tentang Malaysia (Malaysiana), baik dalam bentuk karya asli mahupun terjemahan terutamanya dalam bidang sejarah, politik, ekonomi, agama Islam, undang-undang, dan
- (ii) Judul-judul tentang warisan bangsa Melayu – sistem nilai dan budaya masyarakat Melayu.
- (iii) Judul-judul terjemahan/adaptasi daripada bahasa-bahasa dunia ke dalam bahasa Melayu yang secara umum membicarakan teori, falsafah, agama Islam, politik, ekonomi, sains dan teknologi.
- (iv) Judul-judul karya asli yang berbentuk infokreatif.⁴⁷

⁴⁷ *Ibid.*, 3-4.

4. **Buku Ilmiah**

Buku ilmiah ialah judul-judul yang diterbitkan khusus untuk sasaran pembaca di institusi pengajian tinggi dan golongan profesional dalam bidang ilmu selain daripada bahasa dan sastera.

5. **Buku Teks Sekolah dan Buku Sokongan**

Buku-buku pendidikan bagi memenuhi sebahagian keperluan pendidikan negara dari peringkat sekolah rendah hingga peringkat sekolah menengah. Buku-buku dalam kategori ini adalah buku pengetahuan am, buku teks, buku kerja, buku panduan guru dan buku bacaan tambahan yang menyokong pembelajaran satu-satu bidang ilmu berdasarkan kurikulum yang telah ditentukan.

(i) **Buku Teks Sekolah**

Penerbitan buku teks sekolah untuk Kementerian Pendidikan Malaysia dilaksanakan atas prinsip kerjasama antara DBP dengan agensi di bawah Kementerian berkenaan.

(ii) **Buku Sokongan**

Buku sokongan dirancang bagi menyokong buku teks yang telah diterbitkan. Selain membina dan mengembangkan bahasa dan sastera, buku-buku ini disediakan untuk membina ilmu dan menambah pengetahuan murid.⁴⁸

⁴⁸ *Ibid.*, 4-5.

B. PENERBITAN ENSIKLOPEDIA

Ensiklopedia ialah karya rujukan yang mengandungi maklumat dalam pelbagai bidang atau dalam bidang khusus. Keutamaan akan diberi kepada penerbitan ensiklopedia dalam bahasa Melayu yang akan menjadi bahan rujukan utama. Penekanan akan diberi pada ensiklopedia bahasa, sastera dan budaya Melayu/Malaysia. Penerbitan ensiklopedia dalam bentuk elektronik akan diusahakan mengikut keperluan semasa.

C. PENERBITAN BERKALA

Penerbitan berkala ialah penerbitan yang diterbitkan secara berkala sama ada bulanan, suku tahunan, setengah tahunan, seperti majalah, jurnal, buletin/tabloid dalam pelbagai bidang ilmu yang mencakupi sasaran pembaca daripada pelbagai peringkat umur.

D. PENERBITAN ELEKTRONIK

Penerbitan elektronik/multimedia ialah penerbitan dalam bentuk digital yang dihasilkan dalam media seperti CD, web atau seumpamanya. Ia mengandungi elemen-elemen seperti teks, suara/bunyi, muzik, grafik, animasi, video – sama ada linear atau interaktif.⁴⁹

⁴⁹ *Ibid.*, 5-6.

Keutamaan bahan yang akan diterbitkan ialah bahan rujukan seperti kamus, ensiklopedia, istilah, biografi, buku panduan, cerita kanak-kanak dan bahan pembelajaran bahasa untuk semua peringkat pembaca.

E. EDISI BAHARU DAN CETAK ULANG

Buku edisi baharu dan cetak ulang kecuali Buku Teks Skim Pinjaman (BTSP) kamus dan ensiklopedia akan ditentukan oleh DBP mengikut kriteria berikut:

- (i) Judul-judul yang mempunyai permintaan pasaran.
- (ii) Judul-judul yang menunjukkan prestasi jualan laris, mencapai baki stok yang minimum dalam masa 3 tahun.
- (iii) Judul-judul yang penting dalam bidang bahasa, sastera, agama Islam, tamadun, budaya dan falsafah yang stoknya perlu ada sepanjang masa.⁵⁰

2.12 PROGRAM PENERBITAN BUKU BERPAKEJ

Penerbitan berpakej ini bermula pada tahun 2012. Matlamat penerbitan berpakej ini dilaksanakan adalah untuk memperbanyakkan bahan terbitan berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu untuk pelbagai kumpulan pembaca melalui pembinaan manuskrip secara berpakej.

Bidang yang ditawarkan ialah Sains Sosial dan Kemanusiaan, Sains dan Teknologi, Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Undang-undang, Linguistik dan

⁵⁰ *Ibid.*, 6.

Bahasa Melayu, Pendidikan, Kebudayaan dan Kesusasteraan. Keperluan mengadakan penerbitan berpakej ini disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut:

- 1) Kepustakaan ilmu dapat diseimbangkan antara bidang dengan bidang serta subbidang dengan subbidang ilmu.
- 2) Falsafah ilmu dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan pemetaan bidang dan perancangan judul yang teliti.
- 3) Pakar bidang yang mahir dalam aspek penulisan dapat dilahirkan melalui bimbingan yang berstruktur dan terancang.
- 4) Proses penerbitan dapat disingkatkan kerana penulis dipantau dan dibimbing secara berterusan dan hasil penulisan dinilai terus dalam bengkel panel pakar.

Selaras dengan pelaksanaan penerbitan berpakej ini sebanyak 72 panel pakar bidang telah ditubuhkan, iaitu panel pakar bidang sains dan teknologi (12 bidang), agama, sains sosial (11 bidang), bahasa (20 bidang), sastera (26 bidang) dan kanak dan remaja (3 bidang).⁵¹ Manakala 5 lagi subbidang agama akan ditubuhkan pada tahun 2013, iaitu bidang Pengajian al-Qur'an, Pengajian al-Hadith, Fiqh, Falsafah dan Pemikiran Islam dan Sejarah Islam. Manakala bidang Sains dan Sains Teknologi dan bidang Sains Sosial dan Kemasyarakatan masing-masing sebanyak 5 bidang⁵² (Lihat Lampiran F).

⁵¹ Tuan Haji Khalik Sulaiman, Pengarah Penerbitan, "Memperbanyak Bahan Terbitan Berbahasa Melayu Dalam Pelbagai Bidang Ilmu Melalui Pembinaan Manuskrip Secara Berpakej" (makalah, Taklimat Penerbitan Buku Berpakej Bidang Agama, 29 Ogos 2013), 2.

⁵² Bahagian Buku Umum, "Laporan Program Penerbitan Berpakej Bahagian Buku Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka", 1.

Kaedah pembinaan manuskrip secara berpakej ini merupakan antara usaha DBP untuk meningkatkan jumlah bahan persuratan dalam pelbagai bidang ilmu. Penggubalan istilah dalam pelbagai bidang ilmu tidak akan lengkap sekiranya usaha ini tidak diteruskan dengan penerbitan buku dalam pelbagai bidang ilmu. Membanyakkan buku berbahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu merupakan perkara utama yang perlu dilaksanakan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa tamadun tinggi.

2.12.1 Kaedah Pembinaan Manuskrip Secara Berpakej

Dalam tempoh 2012 hingga tahun seterusnya, DBP merancang meluaskan kaedah perolehan judul secara berpakej. Melalui kaedah ini, pakar bidang dikenal pasti dan dilantik menganggotai panel pakar bidang DBP bagi merancang judul baharu. Bagi fasa pertama pembinaan manuskrip secara berpakej, manuskrip bersih dijangka diterima pada bulan Jun 2013, dengan perincian kerja seperti yang berikut:

Rajah 2.1 Aktiviti Program Penerbitan Berpakej

Bil.	Aktiviti	Tempoh
1.	Pelantikan panel pakar bidang	September 2012- Disember 2012
2.	Pemetaan bidang dan kandungan manuskrip oleh panel pakar bidang	
3.	Pelantikan penulis berdasarkan bidang kepakaran	
4.	Bimbingan penulisan oleh editor DBP	Januari 2013-Mei 2013
5.	Penulisan bab contoh	
6.	Bimbingan penulisan (beberapa kali) oleh editor DBP	
7.	Penerimaan manuskrip bersih daripada penulis	Jun 2013
8.	Proses pracetak dan cetak	Julai 2013-Ogos 2013

Sumber: Kertas Pembentangan Pengarah Penerbitan dalam Taklimat Penerbitan Buku Berpakej Bidang Agama pada 29 Ogos 2013 di DBP.

2.13 PENUTUP

DBP telah memberikan sumbangan yang besar dalam memartabatkan bahasa Melayu, sastera dan penerbitan. Tugas memartabatkan bahasa Melayu merupakan tugas murni yang digalas oleh DBP sejak tahun 1956 yang lalu. Bahasa Melayu perlu dimartabatkan agar bahasa ini dapat memainkan peranannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu, bahasa perpaduan rakyat dan memberikan sumbangan penting dalam pembinaan negara bangsa.

Sumbangan DBP dalam bidang penerbitan ini dapat dipertingkatkan melalui Program Penerbitan Berpakej. Melalui program ini diharapkan DBP dapat memperbanyakkan lagi jumlah penerbitan buku dalam pelbagai bidang ilmu umumnya, dan bidang hadith khususnya. Dengan terbentuknya Pakar Bidang Pengajian al-Hadith, aktiviti perolehan judul dalam bidang ini dapat dipergiatkan lagi. Begitu itu, proses penilaian manuskrip yang dilakukan oleh pakar bidang ini melalui kaedah berbengkel dapat mempercepatkan proses penilaian karya hadith. Akhirnya, usaha-usaha ini diharapkan dapat merancakkan lagi penerbitan karya hadith.

Hakikatnya, tanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu, bukan hanya digalas oleh DBP sahaja, malah menjadi kewajipan kepada seluruh rakyat Malaysia memperjuangkannya demi memperkasakan tamadun negara pada masa kini dan masa hadapan daripada berkubur di negara sendiri.

BAB 3

KARYA HADITH TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

3.0 PENDAHULUAN

Program penerbitan merupakan tonggak pembinaan persuratan DBP bagi mengisi kepastakaan ilmu negara, khususnya kepastakaan dalam bahasa Melayu. Penerbitan ialah salah satu fungsi utama DBP dan telah dilaksanakan sejak penubuhan DBP pada tahun 1956 lagi. Penerbitan bukan sahaja saluran perkembangan ilmu, malah kemajuan sesuatu bangsa dapat dilihat melalui jumlah penerbitan dan permintaan yang tinggi terhadap hasil penerbitannya.

Tumpuan penerbitan DBP ialah buku dan bahan rujukan, merangkumi buku fiksiyen dan ilmiah dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu, ensiklopedia, kamus, penerbitan berkala, iaitu majalah dan jurnal, buku teks sekolah rendah dan menengah, buku ilmu dalam pelbagai bidang untuk bacaan umum bagi peringkat dewasa, remaja, dan kanak-kanak.

Karya hadith adalah antara buku-buku terbitan DBP. Karya hadith ini diterbitkan atas dasar khidmat sosial DBP kepada masyarakat umum. Sehingga tahun 2013, DBP telah menerbitkan sebanyak 25 buah karya hadith untuk kategori umum, ilmiah dan remaja. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada 16 buah karya hadith yang diterbitkan oleh DBP dari tahun 2003 – 2013 sahaja. Walaupun jumlahnya amat sedikit berbanding jumlah penerbitan DBP (sejak penubuhan hingga 2012)

sebanyak 12000 judul¹, tetapi sumbangan yang diberikan oleh DBP ini agak besar dalam penerbitan karya hadith ini.

3.1 SENARAI KARYA HADITH TERBITAN DBP

Terdapat 16 buah karya hadith terbitan DBP dari tahun 2003-2013, iaitu:

1) *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani.*

Penulis buku ini ialah Prof. Madya Dr. Fauzi Deraman, diterbitkan pada tahun 2010.²

2) *'Ulum al-Hadith.*

Penulis buku ini ialah Mohd Muhiden Abd Rahman, diterbitkan pada tahun 2010.³

3) *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu.*

Penulis buku ini ialah Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali, diterbitkan pada tahun 2010.⁴

4) *Al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah.*

Penulis buku ini ialah Mohd Muhiden Abd Rahman, diterbitkan pada tahun 2009.⁵

5) *Kumpulan Hadith Masyhur.*

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Meneliti Jejak Membaharui Babak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 152.

² Fauzi Deraman, *Hadis dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

³ Mohd Muhiden Abd Rahman, *'Ulum al-Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

⁴ Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali, *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

⁵ Mohd Muhiden Abd Rahman. *Al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009).

Penulis buku ini ialah Budah @ Uдах Mohsin, diterbitkan pada tahun 2008.⁶

6) *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan.*

Penulis buku ini Abd Hayei Abd Sukor, diterbitkan pada tahun 2008.⁷

7) *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith.*

Penulis buku ini ialah Mohd Muhiden Abd Rahman, diterbitkan pada tahun 2006.⁸

8) *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith.*

Penulis buku ini ialah Mohd Muhiden Abd Rahman, diterbitkan pada tahun 2008.⁹

9) *Ilmu Hadith Hadith Sebagai Sumber Hukum.*

Penulis buku ini ialah Asmawi Haji Ehsan, diterbitkan pada tahun 2003.¹⁰

10) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Bukhari.*

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin, diterbitkan pada tahun 2010.¹¹

11) *Siri Tokoh Hadis Imam Muslim.*

⁶ Budah @ Uдах Mohsin, *Kumpulan Hadith Masyhur*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008).

⁷ Abd Hayei Abd Sukor, *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

⁸ Mohd Muhiden Abd Rahman, *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008).

⁹ Mohd Muhiden Abd Rahman, *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008).

¹⁰ Asmawi Haji Ehsan, *Ilmu Hadith Hadith Sebagai Sumber Hukum* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

¹¹ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Bukhari* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin, diterbitkan pada tahun 2010.¹²

12) *Siri Tokoh Hadis Imam Ibn Majah.*

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin, diterbitkan pada tahun 2010.¹³

13) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Nasa'i.*

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin, diterbitkan pada tahun 2010.¹⁴

14) *Siri Tokoh Hadis Imam Abu Daud.*

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin, diterbitkan pada tahun 2010.¹⁵

15) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Tirmizi.*

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin, diterbitkan pada tahun 2010.¹⁶

16) *Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi,*
diterbitkan pada tahun 2013.¹⁷

¹² Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Muslim* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

¹³ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Ibn Majah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

¹⁴ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam al-Nasa'i* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

¹⁵ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Abu Daud* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

¹⁶ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Tirmizi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

¹⁷ Faisal bin Ahmad Shah, *Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013).

3.2 JENIS KARYA HADITH TERBITAN DBP

Terdapat 3 jenis karya hadith terbitan DBP, iaitu:

- 1) Karya asli.
- 2) Karya terjemahan.
- 3) Karya Adaptasi.

3.2.1 Karya Asli

Karya asli merujuk kepada karya yang tidak diciplak atau penulisan yang mengiktiraf sumbangan orang lain yang telah menghasilkan penerbitan yang sama sebelum ini. Keaslian sesebuah karya juga dinilai berdasarkan kaedah yang digunakan dalam menyampaikan buah fikiran termasuklah cara penulis membawa pengaliran ilmu menggunakan pendekatan yang kreatif. Salah satu cara adalah dengan mewujudkan bab yang tersusun dengan peranan setiap bab yang jelas. Ia akan menjadikan penulisan ialah hasil daripada antologi penulis yang mencerminkan perwatakan asli yang terdapat pada seseorang penulis.¹⁸

Isu ciplak atau plagiat ini bermaksud penggunaan pemikiran atau perkataan seseorang yang lain, walaupun dokumen yang tidak benar. Kegagalan untuk menyatakan sumber atau bergantung sepenuhnya kepada sumber luar untuk penulisan dianggap sebagai plagiat. Ini termasuk juga penggunaan bahan yang tidak diterbitkan secara rasmi, walaupun ia perlu dibuktikan bahawa idea tersebut adalah kepunyaan seseorang.¹⁹

¹⁸ *Ibid.*, 16.

¹⁹ Hj. Ibrahim Che Omar, "Isu Kepengarangan dalam Penerbitan Ilmiah" (makalah, Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah, di Johor Bahru Jilid 1, 9 – 11 Januari 2007), 16.

Terdapat 16 buah karya hadith yang diterbitkan oleh DBP dalam bentuk karya asli, iaitu:

- 1) *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani.*
- 2) *'Ulum al-Hadith.*
- 3) *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu.*
- 4) *Kumpulan Hadith Masyhur.*
- 5) *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan.*
- 6) *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith.*
- 7) *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith.*
- 8) *Ilmu Hadith Hadith sebagai Sumber Hukum.*
- 9) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Bukhari.*
- 10) *Siri Tokoh Hadis Imam Muslim.*
- 11) *Siri Tokoh Hadis Imam Ibn Majah.*
- 12) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Nasa'i.*
- 13) *Siri Tokoh Hadis Imam Abu Daud.*
- 14) *Siri Tokoh Hadis Imam Tirmizi.*
- 15) *Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi.*
- 16) *Al-Fawa'id al-Bahiyah Fi Ahadith al-Nabawiyah*

3.2.2 Karya Terjemahan

Selain karya asli, DBP juga menerbitkan karya terjemahan. Karya terjemahan ialah penerbitan karya dalam bahasa selain bahasa asal.²⁰ Buku-buku yang akan diterjemahkan ini perlu mendapat kelulusan hak cipta daripada penerbit asal sebelum diterjemahkan.²¹

Menurut Peter New Mark, penterjemahan merupakan kesenian yang terangkum di dalamnya usaha menggantikan utusan dan/atau pernyataan bertulis dalam satu bahasa dan/atau pernyataan yang sama dalam bahasa lain. Setiap usaha itu mengakibatkan sedikit sebanyak penghilangan makna, disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Kehilangan yang asas itu berlegar pada satu kontinum antara penterjemahan berlebihan (terlalu terperinci) dengan penterjemahan berkurangan (terlalu umum).²²

Manakala menurut J. C. Catford pula penterjemahan ialah penggantian bahan teks dalam satu bahasa sumber dengan bahan teks yang sepadan dalam bahasa lain.²³ Penterjemahan merupakan operasi yang dilakukan pada bahasa: satu proses menggantikan teks dalam satu bahasa kepada satu teks dalam bahasa lain. Oleh itu, jelaslah bahawa setiap teori penterjemahan mestilah berdasarkan teori bahasa.²⁴ Pandangan lain menyatakan terjemahan ialah salah satu aktiviti yang

²⁰ Hamed Mohd Adnan, "Alam Penerbitan" (makalah, Bengkel Penyuntingan di Port Dickson, Negeri Sembilan, 9 – 12 April 2003), 2.

²¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 3.

²² Peter Newmark, *Pendekatan Penterjemahan*, terj. Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992)10.

²³ J. C. Catford, *Teori Linguistik bagi Penterjemah*, terj. Uma A/P Iyavoo dan Koh Chung Gaik (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 24.

²⁴ *Ibid.*, 1.

dibuat oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu bahasa dengan bahasa lain dan antara satu budaya dengan budaya lain.²⁵

Terdapat tiga peringkat asas dalam penterjemahan: penterjemahan untuk penerangan, penterjemahan untuk penerbitan dan penterjemahan dengan penerbitan. Penterjemahan untuk penerangan ialah persis apa yang diungkapkannya itu, iaitu penterjemahan khusus untuk penerangan. Manakala penterjemahan untuk penerbitan ialah penterjemahan sesuatu dokumen yang kemudiannya akan disebarkan kepada khalayak yang lebih luas. Penerbitan di sini meliputi bukan sahaja buku-buku yang lazim, bahkan buku-buku panduan, lembaran data dan bahan pengiklanan, malah apa sahaja dokumen yang diterjemahkan untuk dibaca oleh khalayak ramai (sama ada umum ataupun khusus) di samping pelanggan yang menugaskan penterjemahan itu. Apa yang dikehendaki daripada penterjemah mungkin berbeza-beza tetapi tarafnya yang minimum ialah satu salinan yang jelas, untuk disunting oleh penerbit.²⁶

Penterjemahan dan penerbitan adalah situasi yang berkehendakkan penterjemah bertanggungjawab bagi penerbitan dalam bahasa sasaran dan melaksanakan keseluruhan proses hingga terhasilnya dokumen padanan dalam bahasa sasaran. Pada peringkat ini, kesemua kegiatan luar yang penterjemah perlu uruskan di peringkat “penterjemahan untuk penerbitan” kini diletakkan di bawah

²⁵ Aion Mohd. dan Abdullah Hassan, *Teori dan Teknik Terjemahan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 17.

²⁶ Andrew Fenner, “Teknik Penyampaian dan Spesifikasinya” dalam *Panduan Penterjemah*, Catriona Picken, ed., terj. Bashir M.M. Basalamah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 52.

satu bumbung. Penterjemahan dengan penerbitan biasanya merupakan bidang usaha sesebuah agensi (atau organisasi), bukan penterjemah individu.²⁷

Dalam konteks ini, DBP sebagai penerbit akan mencari penterjemah untuk menterjemahkan sesebuah karya, hak cipta dipegang oleh DBP manakala penterjemah hanya mendapat habuan hasil terjemahannya. Walau bagaimanapun, DBP tidak banyak menerbitkan terjemahan karya hadith ini. Karya terjemahan hadith terbitan DBP ini diterbitkan pada tahun 1989 dan 1996. Terdapat 2 buah karya hadith sahaja yang diterbitkan dalam bentuk karya terjemahan, iaitu:

- 1) *Ilmu Hadith Satu Pengenalan dan Kajian*.²⁸
- 2) *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith*.²⁹

3.2.3 Karya Adaptasi

Karya adaptasi ialah karya yang diterbitkan dalam bahasa lain dan diubahsuai ke dalam bahasa Melayu tanpa mengubah makna dan faktanya. Menurut *Kamus Dewan*, adaptasi ialah penyesuaian dengan keadaan dan sebagainya yang baharu atau berbeza.³⁰

Menurut Mohd. Mansor Hj. Salleh keperluan untuk memperkayakan bahasa Melayu amat mendesak. Cara yang paling berkesan dan pantas untuk memenuhi keperluan ini adalah dengan menterjemah dan mengadaptasi buku-

²⁷ Andrew Fenner, "Teknik penyampaian dan Spesifikasinya" dalam *Panduan Penterjemah*, 52.

²⁸ Subhī Ṣālih, *Ilmu Hadith Satu Pengenalan dan Kajian*, terj. Ariffin Omar dan Mohd. Nor Ngah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

²⁹ Muḥammad Muṣṭafā al-A, zāmī, *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith*, terj. Engku Ibrahim Engku Ismail (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989).

³⁰ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, (cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 7-8, entri "adaptasi."

buku yang ditulis dalam pelbagai bahasa. Hal ini kerana usaha menerbitkan sesebuah buku terjemahan memakan masa yang panjang.

Proses bermula dengan mendapat hak penerbitan, mencari penterjemah, dan penyunting. Lebih-lebih lagi sekiranya penterjemah kurang mahir dan menterjemah secara literal. Satu kaedah yang boleh mempercepatkan usaha ini adalah secara adaptasi. Melalui pengadaptasian ini tidak tertakluk kepada tulisan asal tetapi dipadankan dan disesuaikan dengan budaya dan kebiasaan bahasa sasaran. Ini mempercepatkan usaha menterjemah dan memudahkan kefahaman pembaca.³¹

Satu lagi cara yang dikenal pasti sebagai adaptasi adalah dengan mengubahsuai buku terjemahan daripada bahasa Indonesia kepada bahasa Melayu. Buku terjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Indonesia lebih banyak dan cepat dihasilkan. Untuk mempercepatkan hasil penerbitan buku-buku bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, kita boleh menggunakan buku-buku yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia itu dan mengadaptasikannya ke dalam bahasa Melayu.³²

Buku-buku yang akan diadaptasi ini perlu mendapat kelulusan hak cipta daripada penerbit asal sebelum mengadaptasi sesuatu karya.³³ Karya adaptasi yang diuruskan penerbitannya oleh DBP ialah:

³¹ Mohd. Mansor Hj. Salleh, "Memperkaya Penerbitan Bahasa Melayu Melalui Terjemahan dan Adaptasi," *Dewan Bahasa*, 5 (Mei 2002), j. 2, 12-13.

³² *Ibid.*, 14.

³³ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan DBP* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 3.

- 1) *Riyadush Shalihin* (Jilid 1)³⁴
- 2) *Riyadush Shalihin* (Jilid 2)³⁵
- 3) *Hadith-hadith Da'if dalam Riyadush Shalihin*³⁶

Walau bagaimanapun, buku-buku ini tidak dapat diterbitkan oleh DBP kerana gagal mendapat kelulusan hak cipta daripada penerbit asalnya. Penerbit buku ini ialah Pustaka Azzam, Jakarta.³⁷

3.3 KATEGORI KARYA HADITH TERBITAN DBP

Terdapat tiga jenis kategori karya hadith terbitan DBP, iaitu:

- 1) Remaja.
- 2) Umum dewasa.
- 3) Ilmiah.

3.3.1 Kategori Remaja

Menurut *Kamus Dewan* remaja ialah mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin.³⁸ Dalam kehidupan setiap orang, zaman remaja berada antara pengakhiran zaman kanak-kanak dan permulaan zaman dewasa. Zaman remaja mungkin panjang atau mungkin pendek.

³⁴ Imam Nawāwī, *Shahih Rayadhush-Shalihin*, terj. Team KMCP, ed., M. Nashiruddin Al-Albani (Jakarta Selatan: Pustaka Azzam, 1992), jil. 1.

³⁵ Imam Nawawi, *Shahih Rayadhush-Shalihin*, terj. Team KMCP, ed., M. Nashiruddin Al-Albani (Jakarta Selatan: Pustaka Azzam, 1992), jil. 2.

³⁶ Imām Nawāwī, *Hadits-hadits Dha'if dalam Rayadhush Shalihinm*, ed., Abu Zuhdy Munir A. Badjeber. *Pentakhrīj* ialah M. Nashiruddin Al-Albani (Jakarta Selatan: Pustaka Azzam, 1992).

³⁷ Penulis ialah editor projek buku adaptasi tersebut pada tahun 2003.

³⁸ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1308, entri “remaja.”

Lamanya zaman ini berbeza antara satu keluarga dengan keluarga yang lain, mengikut tingkat sosioekonomi dan kebudayaan yang berlainan.³⁹

Zaman remaja merupakan suatu tempoh waktu antara usia 13 tahun hingga 20 tahun. Sebenarnya terdapat persetujuan secara konsensus dalam kalangan beberapa orang psikologi tentang pembatasan wilayah usia 13 – 20 tahun ini.⁴⁰ Menurut Luella Cole, tahap-tahap keremajaan ini adalah seperti yang berikut:

- 1) Praremaja atau akhir kanak-kanak perempuan: 11-13 tahun.
- 2) Praremaja atau akhir kanak-kanak lelaki: 13-15 tahun.
- 3) Remaja awal perempuan: 13-15 tahun.
- 4) Remaja awal lelaki: 15-17 tahun.
- 5) Remaja menengah perempuan: 15-18 tahun.
- 6) Remaja menengah lelaki: 17-19 tahun.
- 7) Remaja akhir perempuan: 18-21 tahun.
- 8) Remaja akhir lelaki: 19-21 tahun⁴¹

³⁹ Glenn Myers Blair, R. Stewart Jones dan Ray H. Simpson, *Psikologi Pendidikan*, terj. Noran Fauziah Yaakub (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 81.

⁴⁰ Abdul Ahmad "Konsep dan Falsafah Novel Remaja di Malaysia" (makalah, Seminar Perkembangan Novel Remaja di Malaysia pada 12-13 November 1997 di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 4-5. Beliau ialah mantan editor majalah *Dewan Siswa*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Budaya* dan *Dewan Sastera*. Beliau telah menghasilkan puluhan cerpen dan ratusan rencana serta esei dalam bidang kesusasteraan dan merupakan aktivis kesusasteraan remaja.

⁴¹ Luella Cole, *Psychology Adolescence*, ed. ke-4 (cet. ke-5, New York: Rinehart and Company, Inc., 1955), 4.

Dalam konteks di Malaysia manusia yang berada dalam lingkungan usia ini umumnya berada pada tahap persekolahan menengah atau tahun-tahun awal di institut pengajian tinggi (maktab atau unversiti).⁴²

Mahmood Nazar Mohamed menjelaskan bahawa remaja ialah satu masa peralihan sementara daripada zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa. Ia boleh didefinisikan sebagai satu masa yang bermula apabila baligh sehingga permulaan zaman dewasa. Waktu remaja ini ialah suatu masa yang amat kompleks. Pelbagai jenis masalah seperti perubahan diri, perubahan mental, percubaan-percubaan dalam hidup dan pelbagai bentuk lagi berlaku pada masa ini. Masa remaja ini sering dikatakan sebagai suatu zaman yang banyak sekali menimbulkan tekanan jiwa pada individu tetapi masa inilah yang dilihat sebagai zaman kegemilangan perkembangan itu. Hal ini kerana banyak remaja yang tidak menunjukkan masalah dihadapi dan sebaliknya sentiasa riang gembira.⁴³

Menurut Abdul Ahmad pula dalam proses penghasilan karya untuk golongan remaja ini, tidak wajar diletakkan satu garis panduan yang ketat bahawa aspek bahasa dan struktur pengolahannya mesti dipermudahkan. Kita tidak perlu bimbang kalau mereka tidak memahami atau tidak dapat menerimanya. Boleh jadi laras bahasanya agak tinggi atau struktur pengolahannya agak kompleks. Remaja sebagai manusia biasa juga, mempunyai ego yang sentiasa mahu diiktiraf sebagai dewasa. Jadi, sajjilah karya-karya untuk

⁴² Abdul Ahmad "Konsep dan Falsafah Novel Remaja di Malaysia", 5.

⁴³ Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi: Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku* (cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 213-14.

mereka yang dapat mencabar mereka dan cabaran itulah yang kemudiannya dapat membantu mendewasakan mereka.⁴⁴

Secara kesimpulannya, istilah remaja dirangkumkan sebagai proses peralihan dari alam kanak-kanak yang melibatkan pelbagai perubahan ketara termasuk biologi, fizikal, emosi dan sosial ke alam dewasa. Usia remaja yang bermula seawal 12 tahun apabila seseorang itu mula akil baligh dan berakhir pada usia 21 tahun ialah suatu tempoh yang amat menarik untuk didalami khususnya bagi melihat bagaimana seseorang itu membesar dan membentuk identiti dan konsep sendiri yang unik dan tersendiri dalam menyediakan diri menghadapi alam dewasa yang lebih mencabar dan kompleks.⁴⁵

Golongan remaja pada peringkat umur ini memerlukan pengisian yang mantap untuk mengisi jiwa mereka yang bergelora. Dalam hal ini, penerbit mesti menggunakan kebijaksanaan dan kreativiti untuk menerbitkan karya-karya yang boleh menimbulkan semangat cintakan Allah, negara dan bangsa. Dalam masa yang sama perlu ditanamkan semangat jati diri dan patriotik dalam diri mereka.⁴⁶

Justeru, DBP menyediakan bahan bacaan berbentuk siri tokoh hadith dalam usaha memantapkan jiwa remaja untuk menghadapi tempoh transisi ke alam dewasa ini. Terdapat 6 karya hadith terbitan DBP dalam kategori remaja, iaitu:

⁴⁴ Abdul Ahmad, "Remaja dan Sastera," 2.

⁴⁵ Azizi Yahaya dan Halimah Ma'alip, *Estim Kendiri Remaja*, ed. ke-1 (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia), 198.

⁴⁶ Marsilawati Mohd. Rani (Editor Kanan, Bahagian Penerbitan Buku, Kanak-kanak dan Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka), dalam temu bual dengan penulis, 15 Oktober 2012.

- 1) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Bukhari.*
- 2) *Siri Tokoh Hadis Imam Muslim.*
- 3) *Siri Tokoh-tokoh Hadith Imam Ibn Majah.*
- 4) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Nasa'i.*
- 5) *Siri Tokoh Hadis Imam Abu Daud.*
- 6) *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Tirmizi.*

3.3.2 Kategori Dewasa

DBP menerbitkan karya hadith dalam kategori umum dewasa ini dalam bentuk huraian hadith dan hadith tematik.

Menurut Dasar Penerbitan DBP, buku umum meliputi:

- (i) Judul-judul tentang Malaysia (Malaysiana), baik dalam bentuk karya asli mahupun terjemahan terutamanya dalam bidang sejarah, politik, ekonomi, agama Islam, undang-undang, dan
- (ii) Judul-judul tentang warisan bangsa Melayu – sistem nilai dan budaya masyarakat Melayu.
- (iii) Judul-judul terjemahan/adaptasi daripada bahasa-bahasa dunia ke dalam bahasa Melayu yang secara umum membicarakan teori, falsafah, agama Islam, politik, ekonomi, sains dan teknologi.
- (iv) Judul-judul karya asli yang berbentuk infokreatif.⁴⁷

⁴⁷ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999. Pindaan 11 April 2001, dikemaskini 21 Mac 2001), 4.

Menurut Dr. Hamed Mohd Adnan pula, buku umum bermaksud buku-buku *tradebooks*, iaitu istilah yang ditujukan kepada buku-buku umum yang dijual di kedai buku atau terus kepada perpustakaan. Ia diterbitkan sama ada dengan kulit keras atau kulit lembut dan sama ada ditujukan kepada pembaca dewasa atau kanak-kanak. Bentuk biasa buku jenis ini ialah buku fiksyen, biografi, buku kanak-kanak, komik, buku klasik, buku masakan dan hobi, seni, dan semua semua bentuk buku yang tidak dapat bertahan lama. Selain itu, buku-buku tentang sukan, panduan (*how to*), muzik, puisi, dan drama juga tergolong dalam *tradebooks*. Di negara ini, *tradebooks* merupakan jenis buku yang kedua paling banyak diterbitkan selepas buku teks sekolah rendah dan menengah.

Buku-buku agama semakin banyak diterbitkan di negara ini dengan beberapa penerbit khusus menjadi penerbit buku-buku berkenaan. Antaranya ialah Pustaka Salam, Hizbi, Darul Nu,man, dan Pustaka Fajar. Penerbit-penerbit lain seperti DBP, BAHIES Jabatan Perdana Menteri, Pustaka Aman, GG Edar juga turut menerokai pasaran dalam buku-buku agama. Buku-buku tentang tafsir dan hadith turut mendapat tempat dalam kalangan pembaca.⁴⁸

DBP telah menerbitkan 7 karya hadith dalam kategori dewasa, iaitu:

- 1) *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani.*
- 2) *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu.*
- 3) *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan.*
- 4) *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith.*

⁴⁸ Hamed Mohd Adnan, *Asas dalam Penerbitan* (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2001), 5 – 6.

- 5) *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith.*
- 6) *Ilmu Hadith hadith Sebagai Sumber Hukum.*
- 7) *Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi.*

3.3.3 Kategori Ilmiah

Buku ilmiah ialah judul-judul yang diterbitkan khusus untuk sasaran pembaca di institusi pengajian tinggi dan golongan profesional dalam bidang ilmu selain daripada bahasa dan sastera.⁴⁹

Karya ilmiah adalah suatu hasil penulisan yang memuatkan kajian suatu masalah tertentu dengan menggunakan kaedah-kaedah keilmuan. Maksudnya, karya ilmiah terhasil daripada penggunaan metodologi ilmiah dalam membahaskan sesuatu masalah, menyajikan tulisan itu dengan menggunakan bahasa baku dan tatatulis ilmiah, serta menggunakan prinsip-prinsip keilmuan yang lain seperti bersifat objektif, logis, empiris (berdasarkan fakta) sistematis, jelas, dan konsisten.⁵⁰

Penulisan ilmiah juga menekankan nilai keserjanaan seorang penulis dengan sasaran pembaca yang terhad. Oleh yang demikian, penulis harus berwibawa, manakala penerbit pula harus bertolak ansur antara nilai ilmiah dengan pemasaran. Ia mengambil kira kelayakan yang dimiliki dan mempunyai kaedah yang tertentu sesuai dengan matlamatnya untuk penyampaian dan penyebaran ilmu. Secara umum penulisan ilmiah

⁴⁹ *Ibid.*, 7.

⁵⁰ Hamed Mohd Adnan, "Penulisan Buku Ilmiah: Teknik Penghasilannya" (makalah, Bengkel Penulisan di Regency Hotel & Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 12 – 15 Mac 2003), 2.

perlu memberi perhatian kepada prinsip bahawa penulisan ini bertujuan untuk penyebaran ilmu, penyampaian ilmu, perkongsian ilmu atau hasil penyelidikan dan mengemukakan hasil sesuatu penemuan daripada penyelidikan. Di samping itu, ia bertujuan untuk memaklumkan kepada masyarakat akan kepakaran yang dimiliki supaya mendapat pengiktirafan sebagai salah seorang ahli dalam suatu masyarakat atau komuniti berilmu.⁵¹

Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula telah mentakrifkan bahawa karya ilmiah mempunyai kriteria seperti yang berikut, iaitu:

- 1) Karya dan terbitan mempunyai nilai peribumi.
- 2) Menerbitkan karya asli.
- 3) Hak cipta yang terpelihara.
- 4) Kepengarangan yang jelas.
- 5) Ditulis dalam bahasa yang kemas.
- 6) Mengutamakan bahasa Melayu.
- 7) Memperluas sempadan kepengarangan dan penerbitan yang melepasi fakulti, batas kampus UKM dan batas negara patut menjadi satu cabaran.
- 8) Menetapkan piawai penerbitan yang mantap dan bermutu.⁵²

Secara keseluruhannya bentuk atau kategori penerbitan ilmiah merujuk kepada monograf, buku teks atau rujukan universiti, jurnal, siri laporan penyelidikan, prosiding,

⁵¹ Hj. Ibrahim Che Omar, "Isu Kepengarangan dalam Penerbitan Ilmiah", 1-5.

⁵² Muhammad Yahya et al., "Ketandusan Buku Ilmiah dalam Bahasa Melayu" (makalah, Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah, Jilid 2, Persada Johor, Pusat Konvensyen Antarabangsa, Johor Bahru, 9 – 11 Januari 2007), 2 .

bibliografi, penerbitan ilmiah, penterjemahan dan sebagainya yang terdapat ciri-ciri penerbitan ilmiah di dalamnya.⁵³

Karya hadith terbitan DBP dalam kategori ilmiah ialah:

- 1) *'Ulum al-Hadith*.
- 2) *Al-Fawa'id al-Bahiyyah Fi al-Ahadith Al-Nabawiyyah*.
- 3) *Kumpulan Hadith Masyhur*.

3.4 ISU-ISU DAN MASALAH PENERBITAN KARYA HADITH DBP

Dalam usaha menerbitkan karya-karya hadith yang berkualiti, sudah semestinya pelbagai masalah yang dihadapi. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada masalah dari segi editorial sahaja, iaitu masalah yang dihadapi ketika sesebuah manuskrip itu berada di peringkat pembinaan, penilaian dan penyuntingan. Hal ini kerana Petunjuk Prestasi Utama (KPI) seorang editor di DBP adalah sehingga manuskrip bersih sahaja. Manakala peringkat reka letak, percetakan dan pemasaran dilakukan oleh syarikat konsesi, iaitu Dawama Sdn. Bhd.⁵⁴

Masalah ini memberi kesan kepada jadual kerja dan tempoh masa penerbitan sesebuah karya hadith. Dengan lain perkataan, masalah ini ialah penyumbang utama kelewatan berlaku dalam penerbitan karya hadith di DBP ini. Hasil penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, antara isu-isu dan masalah-masalah penerbitan karya hadith di DBP adalah seperti yang berikut:

⁵³Azman Ab Rahman, "Penerbitan Ilmiah Dan Cabaran Serta Pasaran Era Globalisasi Dalam Penterjemahan Teks Agama" (makalah, Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah, Jilid 2, di Persada Johor, Pusat Konvensyen Antarabangsa, Johor Bahru, 9 – 11 Januari 2007), 5.

⁵⁴ Dawama Sdn. Bhd. ialah syarikat konsesi DBP yang mula beroperasi pada 1 September 2002 sehingga 1 September 2014.

- 1) Kekurangan penulis yang menghantar manuskrip hadith. Hal ini terbukti apabila hanya 16 karya hadith sahaja diterbitkan dalam tahun 2003-2013.
- 2) Pakar bidang hadith kurang menulis karya hadith berbanding bidang lain.
- 3) Terdapat pertindanan tugas antara penilai dan penulis, khususnya pakar bidang dalam menghasilkan sesebuah karya hadith. Hal ini kerana penilai dan penulis adalah terdiri daripada orang yang sama.⁵⁵
- 4) Manuskrip yang ditulis oleh bukan pakar bidang kurang mantap dan perlu dibuat penambahbaikan.
- 5) Proses penerbitan buku-buku terbitan DBP agak lama kerana terpaksa melalui karenah birokrasi seperti Mesyuarat Jawatankuasa Editorial (JKE) yang bersidang sebulan sekali dan Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan (JKP) yang bersidang tiga bulan sekali.
- 6) Setiap manuskrip hadith perlu dinilai oleh oleh pakar bidang yang bilangannya amat sedikit berbanding pakar bidang lain. Oleh itu, proses penilaian mengambil masa agak lama dan kerap kali melebihi tempoh masa yang diberikan.
- 7) Terdapat juga manuskrip yang dihantar oleh penulis mengandungi hadith-hadith yang tidak dinyatakan sumbernya. Oleh itu, editor terpaksa memulangkan semula kepada penulis untuk dilengkapi setelah dinilai oleh pakar bidang.

⁵⁵ Pengalaman pengkaji sebagai editor karya hadith di DBP.

- 8) Terdapat juga manuskrip yang perlu dinilai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengesahkan ketepatan fakta dan tidak bercanggah dengan akidah *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*.
- 9) DBP juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pengadaptasi yang mahir dalam bidang hadith. Hal ini kerana mereka perlu menguasai bidang hadith dan aspek tatabahasa. Selain itu, mereka juga mestilah menguasai bahasa sumber, iaitu bahasa asal buku tersebut dan juga menguasai bahasa Malayu, iaitu bahasa sasaran.⁵⁶
- 10) Penyunting yang mahir dalam bidang hadith ini juga amat berkurangan berbanding bidang-bidang lain. Hal ini kerana penyunting ini mestilah mempunyai pendidikan dan ilmu yang mantap dalam bidang hadith ini, barulah mampu menyunting dengan baik manuskrip hadith ini.
- 11) Setiap editor di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum mempunyai bebanan tugas yang banyak. Masing-masing menangani puluhan projek, iaitu antara 25 – 35 manuskrip yang perlu diterbitkan.⁵⁷
- 12) DBP juga menghadapi masalah untuk mendapatkan keizinan hak cipta karya-karya adaptasi, khususnya daripada penerbit Indonesia. Hal ini kerana kebanyakan penerbit tidak memberikan kebenaran untuk mengadaptasi buku-buku hadith terjemahan syarikat mereka.
- 13) Tidak ada *pentakhrīj* hadith yang berkhidmat sepenuh masa.
- 14) Penempatan editor tidak mengikut bidang dan kepakaran.

⁵⁶ Pengalaman pengkaji sebagai editor buku adaptasi dan buku agama.

⁵⁷ Puan Noriyani Yusoff, Sufi Noriyani dan Siti Maizatul Rozihani, (Editor di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, DBP) dalam temu bual pada 15 April 2013; pengalaman pengkaji sebagai editor buku agama di DBP.

- 15) Kekurangan bilangan editor pakar dalam bidang agama di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam.
- 16) Manuskrip yang diterima secara tidak dirancang pula lazimnya tidak berstruktur dan melibatkan penyuntingan yang berat, dan seterusnya menyebabkan proses penerbitan menjadi lambat.
- 17) Terjemahan hadith yang terdapat dalam beberapa manuskrip hadith yang dihantar oleh para penulis tidak standard, berbau kearaban dan keindonesiaan.⁵⁸
- 18) Tidak ada terjemahan hadith yang standard dan mantap dalam bahasa Melayu untuk dijadikan panduan kepada para penulis dalam bidang hadith.⁵⁹

Masalah dalam penerbitan karya hadith ini bukan sahaja dihadapi oleh DBP. Malah, ia juga dihadapi oleh JAKIM, Syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd., Al-Hidayah Publishers Sdn. Bhd. dan Perniagaan Jahabersa Sdn. Bhd. dalam menerbitkan karya hadith ini. Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh penerbit-penerbit ini dalam menerbitkan sesebuah karya hadith. Walaupun proses penerbitan karya hadith di syarikat-syarikat swasta ini singkat berbanding tempoh di DBP, tetapi masalah tetap wujud, khususnya karya hadith. Oleh itu, masalah ini perlu ditangani bagi memastikan karya yang dihasilkan itu berkualiti dan menepati standard yang ditetapkan.

Hal ini kerana, peranan hadith sebagai penghurai al-Qur'an itu perlu dijaga agar ia tetap kekal sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak dicemari dengan unsur-unsur yang boleh merosakkan nilai sesebuah hadith itu. Rata-rata masalah yang

⁵⁸ Pengalaman pengkaji sebagai editor karya hadith di DBP.

⁵⁹ Pengalaman pengkaji sebagai editor karya hadith di DBP.

dihadapi ini adalah dalam peringkat editorial, iaitu penilaian dan penyuntingan serta peringkat reka letak.

Sebagai kesimpulannya, masalah ini menyebabkan karya hadith ini lewat diterbitkan. Kelewatan penerbitan buku di DBP adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya kandungan manuskrip yang perlu ditambah baik, karenah birokrasi, tempoh yang lama di peringkat penilaian dan juga penyuntingan. Penyuntingan juga mengambil masa kerana terpaksa melalui dua peringkat penyuntingan, iaitu substantif dan kopi. Selepas menyediakan manuskrip bersih, manuskrip ini akan dihantar ke Dawama Sdn. Bhd. untuk dibuat reka letak, pruf, filem, cetak dan diterbitkan. Pengkaji akan menerangkan secara lebih terperinci proses penerbitan ini dalam subtajuk berikutnya.

3.5 PROSES PENERBITAN BUKU DBP

Proses kerja ialah rangkaian tindakan yang perlu diambil secara berturutan atau aturan kerja yang mengikut peraturan yang ditetapkan dalam melaksanakan sesuatu penerbitan. Proses kerja perlu disenaraikan dengan jelas bagi memudahkan para editor melaksanakan sesuatu aktiviti. Proses kerja utama DBP terbahagi kepada dua jenis, iaitu untuk penerbitan karya asli dan penerbitan karya terjemahan/adaptasi. Proses kerja yang ditetapkan berdasarkan bentuk karya yang berbeza, tetapi perlu melalui proses kerja yang hampir sama walaupun terdapat perbezaan yang jelas.

Secara ringkasnya, apabila sesebuah manuskrip itu diterima, perkara pertama yang perlu dilakukan oleh editor atau pengurus projek adalah memastikan sama ada manuskrip itu lengkap ataupun tidak. Sekiranya lengkap, ia akan dinilai oleh penilai

dalam atau penilai luar yang terdiri daripada pakar bidang. Sebaliknya, jika manuskrip itu tidak lengkap, ia akan dipulangkan semula kepada penulis. Manuskrip lengkap ialah manuskrip ini mengandungi bahan awalan, bahan teks dan bahan akhiran.

Manuskrip itu akan dinilai oleh penilai berdasarkan piawaian DBP, antaranya dari segi ketepatan fakta, tata bahasa, gaya persembahan yang sesuai dengan sasaran pembaca dan logik. Seterusnya, penilai akan memperakukan sama ada manuskrip itu sesuai diterbitkan, ditolak, atau sesuai diterbitkan setelah dibuat penambahbaikan.

Sekiranya ditolak, manuskrip itu akan dikembalikan kepada penulis. Manakala jika perlu dibuat penambahbaikan, manuskrip itu juga akan diserahkan kepada penulis untuk dibuat penambahbaikan berdasarkan laporan penilaian tersebut. Sekiranya diterima dan tidak perlu dibuat penambahbaikan, manuskrip itu akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Editorial (JKE)⁶⁰ untuk mendapatkan kelulusan penerbitannya. Pada peringkat ini terdapat manuskrip yang lulus, diluluskan secara bersyarat dan ditangguhkan.

Sekiranya diluluskan oleh Ahli JKE, ia akan dibawa pula ke Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan (JKP)⁶¹. Bagi manuskrip yang diluluskan secara bersyarat dan ditangguhkan, akan dikembalikan kepada penulis untuk dibuat pembetulan berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut sebelum dibawa ke Mesyuarat JKP. Setelah penulis

⁶⁰ Pengerusi JKE ialah Pengarah Penerbitan. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada Ketua Editor bahagian di bawah Jabatan Penerbitan, kecuali Ketua Editor Majalah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan manuskrip yang boleh dikemukakan kepada JKP untuk mendapat kelulusan penerbitan.

⁶¹ Pengerusi JKP ialah salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengelola DBP yang dilantik. Ahli Jawatankuasa pula terdiri daripada Ahli Lembaga Pengelola yang dipilih dan beberapa pakar bidang yang dilantik. Ahli lain ialah Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Pengarah Jabatan Penerbitan, Ketua Editor Buku Bahasa dan Ketua Editor Buku Sastera. Jawatankuasa ini bertanggungjawab meluluskan manuskrip yang dikemukakan untuk diterbitkan oleh DBP.

membuat pembetulan yang disarankan oleh penilai pakar, barulah manuskrip itu dibawa ke Mesyuarat JKP semula.


Fail projek akan dibuka bagi manuskrip yang mendapat kelulusan JKP ini. Selepas itu, manuskrip ini akan disunting sama ada oleh pengurus projek (sunting dalam) atau disunting oleh penyunting luar yang dilantik. Sekiranya manuskrip ini perlu disunting oleh penyunting luar, pengurus projek akan mengenal pasti penyunting yang mempunyai kemahiran dan membuat pelantikan penyunting tersebut. Pengurus projek perlu menentukan tempoh penyuntingan yang diberikan berdasarkan ketebalan manuskrip.

Setelah siap disunting oleh penyunting luar, manuskrip tersebut akan disemak oleh pengurus projek. Dalam masa yang sama pengurus projek akan membuat perbincangan dengan penulis mengenai hasil suntingan tersebut. Sekiranya persetujuan dicapai antara penulis dan pengurus projek, manuskrip bersih akan disediakan.

Manuskrip bersih ini perlu mendapat pengesahan daripada Ketua Editor sebelum dibawa ke Bahagian Penyelarasan dan Kawal Selia Penswastaan. Selepas itu, baharulah manuskrip ini dibuat reka letak, pruf, naskhah sedia kamera (NSK) dan cetak oleh pihak Dawama Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, setelah manuskrip ini siap dibuat reka letak, editor akan menyemak pruf 1, pruf akhir dan Naskhah Sedia Kamera (NSK). Seterusnya manuskrip ini akan dicetak dan diterbitkan oleh DBP.⁶²

⁶² Padilah Haji Ali, "Tatacara Operasi Standard Penerbitan Bahagian Buku Umum dalam Buku Perancangan Bahagian Buku Umum," dalam "Buku Perancangan Bahagian Buku Umum 2013," (Pelan Perancangan Bahagian Buku Umum 2013), 38-48.

Rajah 3.1. Carta Alir Proses Penerbitan Buku



Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP ISO 9001-2008 yang Disesuaikan dengan Jabatan Penerbitan.

Bagi manuskrip⁶³ hadith karya asli, terdapat dua jenis manuskrip yang diterima, iaitu manuskrip yang dirancang dan manuskrip yang tidak dirancang. Manuskrip dirancang bermaksud sesebuah manuskrip yang diterima oleh bahagian berdasarkan tajuk yang telah dirancang pada peringkat pembinaan manuskrip⁶⁴ oleh editor atau ketua editor. Sebelum sesebuah manuskrip ditulis oleh penulis, editor projek akan membuat bengkel pemerolehan judul/manuskrip.⁶⁵ Output bengkel ini ialah penulis akan menghantar kertas cadangan judul (KCJ). KCJ ini mempunyai cadangan tajuk, subtajuk, sasaran pembaca, kajian pasaran dan sebagainya. Manuskrip yang tidak dirancang pula ialah manuskrip yang diterima daripada penulis yang tidak ada dalam perancangan judul bahagian.⁶⁶

3.5.1 PROSES PENERBITAN MANUSKRIP KARYA ASLI YANG DIRANCANG

Terdapat lima aktiviti utama yang perlu dilakukan untuk menerbitkan karya asli hadith yang dirancang.

3.5.1.1 Pembinaan judul

Pada peringkat ini editor perlu membuat pemetaan bidang bagi mengenal pasti bidang atau subbidang yang masih kurang dan perlu diberi keutamaan. Selain itu, editor juga perlu mengenal pasti potensi pasaran sesuatu manuskrip yang akan dihasilkan itu, adakah judul-judul tersebut telah banyak di pasaran atau tidak. Justeru, editor perlu

⁶³ Hasil penulisan atau terjemahan yang terdiri daripada bahan awalan, bahan teks dan bahan akhiran serta ilustrasi. Lihat *Manual Prosedur Kerja MS ISO 9001:2008 DBP*, 4.

⁶⁴ Proses menghasilkan manuskrip daripada peringkat perancangan, yang merangkumi kajian pasaran, pemetaan bidang, pembinaan penulis, proses penulisan atau penterjemahan, dan lain-lain sehingga terhasilnya manuskrip. Lihat *Manual Prosedur Kerja MS ISO 9001:2008*, 4.

⁶⁵ Kaedah mendapatkan manuskrip secara terancang. Lihat *Ibid*.


⁶⁶ Pengalaman pengkaji sebagai editor buku agama di DBP dan berdasarkan *Manual Prosedur Kerja MS ISO 9001:2008*.

meninjau kedai buku utam, penerbit universiti, pesta buku dalam dan luar negara bagi mengetahui perkembangan terkini penerbitan semasa. Seterusnya, editor juga perlu mengenal pasti prioriti sesuatu judul yang perlu diterbitkan. Keutamaan akan diberikan kepada isu-isu semasa yang menjadi perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat pada masa itu.

Selain itu, editor perlu mengenal pasti penulis yang berautoriti dalam bidang berkaitan dan menghubungi penulis tersebut dan berbincang tentang judul-judul yang sesuai diterbitkan. Editor juga akan mengadakan bengkel perolehan judul di universiti, kolej, institusi kerajaan dan swasta tentang peluang penerbitan yang ada di DBP. Hasil bengkel ini penulis akan menghantar Kertas Cadangan Judul (KCJ) dan perlantikan penulis akan dibuat.

Dalam masa proses penulisan ini berjalan pengurus projek akan membuat pemantauan sehingga manuskrip lengkap dihasilkan. Seterusnya manuskrip ini akan dinilai di peringkat Bahagian, sekiranya sesuai diterbitkan ia akan dinilai oleh penilai luar. Manakala manuskrip yang tidak sesuai atau perlu membuat penambahbaikan, akan dikembalikan kepada penulis. Peringkat penulisan dan seterusnya telah dihuraikan dalam proses penerbitan buku di halaman 131-133.

Rajah 3.2. Carta Alir Proses Pembinaan Manuskrip yang Dirancang



Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP ISO 9001-2008 yang Disesuaikan dengan Jabatan Penerbitan.

3.5.1.2 Pemerolehan Judul


Strategi Pemerolehan Judul

DBP perlu merancang penerbitan secara lebih agresif dan tidak boleh lagi hanya menunggu manuskrip datang (*unsolicited*) ke DBP. Untuk meningkatkan penerbitan buku dalam bahasa Melayu secara terancang, antara kaedah yang dapat membantu mencapai matlamat tersebut adalah dengan mewujudkan Panel Pakar Bidang Penerbitan yang dilantik untuk memberikan pandangan, cadangan dan perakuan boleh terbit judul dalam bidang masing-masing. Melalui Program Penerbitan Berpakej DBP ini, terdapat 24 pakar bidang yang terangkum dalam lapangan Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Sains dan Teknologi, Sains Sosial dan Kemanusiaan telah ditubuhkan di Bahagian Buku Umum.

Pengerusi Panel Pakar Bidang ialah ahli yang dipilih oleh ahli-ahli dalam Panel Pakar Bidang. Panel Pakar Bidang ini berfungsi untuk membantu DBP dalam pembinaan dan perolehan judul; penilaian manuskrip; serta memperakukan dan mengesahkan kesesuaian manuskrip diterbitkan oleh DBP. Mereka juga akan mengenal pasti isu-isu semasa yang berlaku mengikut bidang yang boleh dijadikan bahan penulisan supaya karya yang akan dihasilkan adalah terkini dan mengikut perkembangan semasa. Dalam aktiviti pemerolehan judul ini, editor akan mengadakan bengkel dan taklimat di universiti, kolej-kolej, badan-badan kerajaan dan swasta bagi memberi peluang kepada para pensyarah, penyelidik dan ahli sains untuk menulis dalam bidang masing-masing. Hasil daripada bengkel ini penulis diberikan tempoh yang munasabah (2 hingga 4 minggu) untuk menghantar KCJ lengkap kepada DBP untuk urusan kelulusan KCJ.⁶⁷

⁶⁷ Jamaluddin Mohd. Sulong, "Bahagian Buku Umum DBP 2012". (Pelan Bahagian Buku Umum DBP). Beliau ialah mantan Ketua Editor Bahagian Buku Umum. Sekarang beliau ditukarkan ke DBP Sabah sebagai Pengarah DBP Sabah.

Rajah 3.3. Carta Alir Kerja Pemerolehan untuk Manuskrip yang Dirancang



Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP MS ISO 9001: 2008 yang Disesuaikan dengan keperluan Jabatan Penerbitan.

3.5.1.3 Penilaian Manuskrip⁶⁸

Setelah menerima manuskrip lengkap daripada penulis, manuskrip tersebut akan melalui proses penilaian, sama ada dinilai oleh petugas dalam⁶⁹ ataupun oleh petugas luar⁷⁰ yang dilantik berdasarkan kepakaran dalam bidang hadith. Pakar bidang hadith ini amat sedikit jumlahnya berbanding bidang-bidang lain. Justeru, masa yang diambil untuk menilai sesebuah manuskrip agak lama disebabkan kesibukan dan kekangan kerja.⁷¹

Berdasarkan laporan penilaian yang diterima, manuskrip itu akan diterima, ditolak ataupun dibuat pembedaan. Sekiranya diterima, editor akan menyediakan laporan untuk mendapatkan kelulusan penerbitannya oleh JKE.⁷² Sekiranya ditolak atau terdapat cadangan pembedaan daripada penilai, manuskrip itu akan dikembalikan kepada penulis.

⁶⁸ Kerja meneliti manuskrip untuk memastikan manuskrip tersebut sesuai diterbitkan. Aspek yang dinilai ialah keaslian karya, ketepatan fakta dan bahasa, penyampaian, keterbacaan, kesesuaian sasaran pembaca, kekuatan karya, nilai komersial, nilai sosial, etika dan lain-lain. Lihat *Manual Prosedur Kerja, DBP*, 4.

⁶⁹ Individu atau kumpulan individu dari bahagian yang berkenaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek atau sebahagian daripada projek dalam waktu pejabat, *ibid.*, 5.

⁷⁰ Terbahagi kepada tiga kategori. Pertama, individu atau kumpulan individu dari bahagian yang berkenaan yang dilantik untuk melaksanakan projek atau sebahagian daripada projek di luar waktu pejabat. Kedua, individu atau kumpulan individu dari luar bahagian berkenaan yang dilantik untuk melaksanakan projek atau sebahagian daripada projek di luar waktu pejabat. Ketiga, individu atau kumpulan individu dari luar DBP yang dilantik untuk melaksanakan projek atau sebahagian projek di luar waktu pejabat, *ibid.*, 5.

⁷¹ Pengalaman pengkaji sebagai editor buku agama di DBP.

⁷² Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memperakukan kertas cadangan, manuskrip atau buku terjemahan/adaptasi dan lain-lain untuk diterbitkan, meluluskan buku edisi baru atau cetakan semula, memaklumi JKP tentang manuskrip/buku yang telah diluluskan, mengemukakan tajuk manuskrip/buku yang tidak dapat diputuskan untuk diperakukan penerbitannya pada peringkat JKE kepada JKP untuk perakuan dan kelulusan, *ibid.*


Setelah manuskrip itu mendapat kelulusan JKE, ia akan dikemukakan pula kepada mesyuarat JKP.⁷³ Sekiranya lulus dalam mesyuarat ini, barulah ia dikira sebagai projek DBP. Sekiranya ditolak, manuskrip itu akan dikembalikan kepada penulis. Begitu juga sekiranya lulus bersyarat, ia akan dikembalikan kepada penulis untuk dibuat pembetulan.

Manuskrip yang telah mendapat kelulusan JKP itu, akan memasuki peringkat penyuntingan yang akan dilakukan oleh pengurus projek. Setelah mendapat minit kelulusan JKP, editor/pengurus projek⁷⁴ akan menguruskan lesen penerbitan dan seterusnya menyunting manuskrip tersebut. Carta aliran kerja penilaian manuskrip adalah seperti Rajah 3.4 di bawah.

⁷³ Jawatankuasa Lembaga yang bertanggungjawab untuk merangka dan mengesyorkan dasar penerbitan, meluluskan perancangan serta meluluskan manuskrip pelbagai judul dan bentuk karya yang diterbitkan oleh DBP, *ibid.*, 6.

⁷⁴ Pegawai yang bertanggungjawab untuk merancang dan menguruskan segala hal yang berkaitan dengan pelaksanaan projek, *ibid.*, 5.

Rajah 3.4. Carta Alir Proses Kerja Penilaian Manuskrip



Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP MS ISO 9001: 2008 yang Disesuaikan dengan Keperluan Jabatan Penerbitan.

3.5.1.4 Penyuntingan Manuskrip⁷⁵

Penyuntingan ialah aktiviti utama yang dilakukan oleh pengurus projek. Penyuntingan bertujuan untuk memastikan sesebuah manuskrip yang akan diterbitkan disunting dan diselaraskan mengikut gaya penerbitan DBP dan piawaian penerbitan yang telah ditetapkan. Selain itu, penyuntingan gaya bahasa yang piawai juga ditekankan. Penyuntingan manuskrip terbahagi kepada dua, iaitu penyuntingan substantif⁷⁶ yang dilakukan oleh editor substantif dan penyuntingan kopi yang dilakukan oleh editor naskhah.⁷⁷


Penyuntingan substantif dan kopi ini boleh dilakukan sama ada oleh editor projek atau editor luar yang dilantik. Dalam peringkat ini, editor projek perlu mengenal pasti dan melantik penyunting luar sekiranya dia tidak melakukan tugas ini. Setelah selesai kerja penyuntingan substantif dan kopi ini, editor projek menyemak manuskrip yang telah disunting itu dan mengadakan perbincangan dengan penulis untuk mendapat persetujuannya. Selepas itu, editor menyediakan manuskrip bersih yang perlu mendapat pengesahan Ketua Editor sebelum dihantar ke Bahagian Penerbitan dan Kawal Selia Penswastaaan untuk dibuat reka letak.

⁷⁵ Kerja meneliti dan membaiki kelemahan pada manuskrip supaya tepat, padat, jelas dari segi fakta dan bahasa, dan tekal serta menarik dari segi persembahan, *ibid.*, 4.

⁷⁶ Editor ini bekerjasama rapat dengan pengarang untuk menghasilkan manuskrip yang dirancang. Ia memberikan bimbingan dan hala tuju penulisan pengarang dan menyunting rapi draf tulisan pengarang. Ia juga menjadi orang perantaraan pengarang dalam hubungannya dengan penerbit dan bertindak sebagai penjaga kepentingan pengarang daripada dieksploitasi oleh penerbit. Dalam menjalankan tugasnya sebagai editor, ia mungkin membuang, menambah atau menyesuaikan kandungan manuskrip mengikut keperluan atau permintaan pasaran, pengulas, pegawai pemasaran, dan sebagainya. Lihat Hamed Mohd Adnan, *Memahami Penyuntingan Naskhah* (Bandar Baru Bangi: Medium Publications, 2007), 51.

⁷⁷ Editor naskhah bertugas menjadi penghubung antara pengarang dengan pembaca. Ia bertanggungjawab membaca ayat demi ayat, kata demi kata, dan huruf demi huruf bagi mencari kesalahan tatabahasa, ejaan, tanda bacaan, dan pemilihan kata yang tidak sesuai. Ia juga akan memastikan gaya penerbitan diikuti, keselarasan dalam penulisan dan gaya pengarang, mengawasi fakta yang dikemukakan, tiada elemen fitnah, hasutan atau plagiat dan memastikan bahan bukan teks ada hubungannya dengan teks. Selain itu, ia juga menanda manuskrip untuk pengatur huruf, mengesan kesalahan teks dan ketidakselarasan dalam manuskrip dan menjalin hubungan rapat dengan penulis bagi memperbaiki manuskripnya, *ibid.*, 52.

Rajah 3.5. Carta Alir Proses Kerja Penyuntingan Manuskrip




Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP MS ISO 9001: 2008 yang Disesuaikan dengan keperluan Jabatan Penerbitan.

3.5.1.5 Pengawalan Pengeluaran

Pada peringkat ini, editor projek perlu menyemak pruf 1, pruf akhir dan naskhah sedia kamera (NSK). Editor juga memastikan kod jalur dan harga jualan diperolehi. Seterusnya editor perlu mengesahkan NSK dibawa ke peringkat percetakan untuk diterbitkan⁷⁸ sebagaimana Rajah 3.6 di bawah.

Rajah 3.6. Carta Aliran Proses Kerja Pengawalan dan Pengeluaran Buku




Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP MS ISO 9001: 2008 yang Disesuaikan dengan Keperluan Jabatan Penerbitan.

⁷⁸ Pengalaman pengkaji sebagai editor buku agama di DBP.

3.5.2 PROSES PENERBITAN KARYA ASLI YANG TIDAK DIRANCANG


Proses penerbitan manuskrip karya asli tidak dirancang (*unsolicited*) adalah hampir sama dengan proses penerbitan manuskrip karya asli dirancang. Apa yang berbeza ialah manuskrip ini diserahkan kepada DBP oleh penulis atau wakilnya atau dengan cara pos dalam bentuk manuskrip lengkap. Dengan perkataan lain, ia tidak dihasilkan melalui bengkel perolehan judul atau taklimat penerbitan. Biasanya manuskrip ini diterima seadanya daripada penulis. Manuskrip ini akan melalui proses yang sama dengan manuskrip yang dirancang, iaitu proses penilaian, kelulusan JKE, JKP, penyuntingan, reka bentuk, reka letak, pruf, naskhah sedia kamera sehingga cetak.

Rajah 3.7. Carta Alir Proses Pembinaan Manuskrip yang Tidak Dirancang



Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP ISO 9001-2008 yang Disesuaikan dengan Jabatan Penerbitan.

Rajah 3.8. Carta Alir Kerja Pemerolehan Manuskrip yang Tidak Dirancang



Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP ISO 9001-2008 yang Disesuaikan dengan Jabatan Penerbitan.

3.5.3 PROSES PENERBITAN KARYA TERJEMAHAN DAN ADAPTASI

Proses penerbitan karya terjemahan dan adaptasi hampir sama dengan proses penerbitan karya asli. Apa yang berbeza adalah pada peringkat pembinaan judul. Pada peringkat ini editor perlu mengenal pasti judul buku utama dalam bidang berkaitan. Selepas itu, Bahagian Harta Intelek, DBP editor akan berurusan dengan penerbit atau pemegang hak cipta untuk mendapatkan buku contoh.


Selepas itu, editor perlu melantik penilai. Sekiranya sesuai diterbitkan editor perlu menyediakan kertas awalan untuk pertimbangan JKE dan JKP. Sekiranya tidak sesuai diterbitkan, manuskrip ini akan ditolak. Setelah mendapat kelulusan JKE dan JKP pula, Bahagian Harta Intelek, DBP akan berurusan dengan penerbit asal untuk mendapatkan kelulusan hak cipta bagi menterjemah karya itu. Sekiranya berjaya, penterjemah yang mahir akan dilantik dan editor memantau kerja-kerja terjemahan itu.

Setelah selesai kerja penterjemahan atau adaptasi, hasil terjemahan itu akan dinilai di peringkat jabatan. Sekiranya menepati piawaian yang ditetapkan, manuskrip ini akan disunting. Jika tidak, manuskrip ini perlu dibuat pembetulan oleh penterjemah. Selepas editor menyediakan manuskrip bersih, ia akan dihantar ke Bahagian Penyelarasan dan Kawal Selia Penswastaan DBP. Selepas itu dibuat reka letak, prof, naskhah sedia kamera, filem dan seterusnya dicetak. Kerja-kerja pada peringkat pengeluaran ini dilakukan oleh pihak Dawama Sdn. Bhd.⁷⁹ Tugas-tugas editor DBP hanyalah pada peringkat editorial sahaja. Walau bagaimanapun, editor akan menyemak manuskrip yang berada pada peringkat prof 1, prof akhir dan NSK.⁸⁰

⁷⁹ Puan Halimatun Saadiah Che Harun (Editor Produksi Buku Agama Dawama Sdn. Bhd.), dalam temu bual dengan penulis, 16 Februari 2013.

⁸⁰ Pengalaman pengkaji sebagai editor buku agama di DBP berdasarkan Tatacara Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* (SOP)), Penerbitan Buku Umum.

Rajah 3.9. Carta Alir Proses Pembinaan Manuskrip Projek Terjemahan dan Adaptasi



Sumber: Manual Prosedur Kerja DBP ISO 9001-2008 yang Disesuaikan dengan Jabatan Penerbitan.

Proses kerja di peringkat penyuntingan adalah sama antara karya asli dengan terjemahan dan adaptasi.

3.6 PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, walaupun fungsi utama DBP adalah memartabatkan bahasa Melayu melalui penerbitan buku bahasa, sastera dan pelbagai bidang ilmu, tetapi DBP telah melaksanakan khidmat baktinya kepada masyarakat dengan menerbitkan karya hadith. Karya-karya yang dihasilkan ini meliputi sasaran setiap lapisan masyarakat, iaitu remaja, dewasa, dan ilmiah. Tanggungjawab ini dilakukan dalam usaha untuk memastikan hadith sebagai sumber kedua perundangan Islam tetap dihayati dan diamalkan oleh masyarakat hari ini.

Ulama pada zaman awal dan golongan *muhaddithīn* telah mengembleng usaha dan tenaga untuk menyusun dan membukukan kitab-kitab hadith bagi memastikan ia tetap utuh dan terpelihara hingga hari ini. Justeru, tugas ini perlu diteruskan dan diperhebatkan lagi dengan pelbagai prasarana yang ada bagi menyambung perjuangan ulama silam.

Penerbitan dalam bidang hadith ini perlu dipergiatkan kerana ia mampu mendekatkan masyarakat kepada ajaran Islam yang sebenar dan menyelesaikan masalah ummah. Selain itu, golongan cendekiawan perlu prolifik dalam penulisan dan penghasilan karya hadith ini kerana mereka dapat membimbing masyarakat mengaplikasikan hadith dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa dalam era globalisasi ini.

BAB 4

ANALISIS KARYA HADITH TERBITAN DBP

4.0 PENDAHULUAN

Penerbitan ialah wahana penting bagi perkembangan ilmu dan tamadun yang amat dituntut oleh negara bangsa Malaysia. Oleh itu, DBP sebagai sebuah badan penerbit kerajaan di Malaysia yang menggalas tanggungjawab besar untuk menyebarkan ilmu pengetahuan melalui penerbitan dalam bidang bahasa, sastera dan pelbagai bidang ilmu kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira lapisan masyarakat. Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam yang berada di bawah Bahagian Buku Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka pula berperanan untuk menerbitkan buku-buku agama dalam pelbagai bidang seperti tafsir, hadith, akidah, pemikiran, tasawwuf, falsafah, fiqh, dan lain-lain lagi dalam bidang pengajian Islam.

4.1 BILANGAN KARYA HADITH TERBITAN DBP

Terdapat 16 buah karya hadith yang telah diterbitkan oleh DBP dalam tahun 2003 – 2013. Walaupun 16 judul ini hanyalah sedikit berbanding jumlah penerbitan judul am (2003 – 2013) sebanyak 3,171 (judul baharu dan cetak ulang) dan jumlah buku agama pula sebanyak 416 judul (judul baharu dan cetak ulang)¹, tetapi secara umumnya ia telah memberi sumbangan dalam penerbitan karya hadith di Malaysia. Dalam bab ini penulis akan menganalisis karya-karya hadith tersebut.

¹Dewan Bahasa dan Pustaka, *Laporan Tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka 2000 – 2011* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000 – 2011) dan data daripada Bahagian Penyelarasan Penerbitan dan Kawal Selia Penswastaan, Dewan Bahasa dan Pustaka. Data ini diambil sehingga 11 September 2013.

Jadual 4.1. Jumlah Karya Hadith Terbitan DBP Mengikut Tahun

TAHUN	JUMLAH TERBITAN
2003	1
2004	-
2005	-
2006	1
2007	-
2008	3
2009	1
2010	9
2011	-
2012	-
2013	1
Jumlah	16 judul

Sumber: Bahagian Penyelarasan Penerbitan Dan Kawal Selia Penswastaan DBP.

Jumlah judul buku-buku terbitan DBP, iaitu judul am dan buku teks adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 4.2. Jumlah Terbitan DBP (Judul Am dan Buku Teks) 2003 - 2013

TAHUN	JUDUL AM	BUKU TEKS
2003	446	188
2004	327	186
2005	309	222
2006	371	213
2007	379	240
2008	273	214
2009	396	28
2010	298	187
2011	83	190
2012	131	240
2013	158	174
Jumlah	3,171	2,082
Jumlah keseluruhan	5,253	

Sumber: Bahagian Penyelarasan Penerbitan Dan Kawal Selia Penswastan DBP.

Peratus penerbitan buku agama dinisbahkan kepada judul am adalah seperti yang berikut:

Jadual 4.3. Peratus Buku Agama Mengikut Tahun

TAHUN	JUDUL AM	AGAMA	PERATUS (%)
2003	446	57	12.78
2004	327	70	21.4
2005	309	31	10.0
2006	371	62	16.7
2007	379	72	18.9
2008	273	16	5.86
2009	396	75	18.9
2010	298	19	6.37
2011	83	3	3.61
2012	131	2	1.52
2013	152	9	5.92
Jumlah	3,171	416	13.11

Sumber: Bahagian Penyelarasan Penerbitan dan Kawal Selia Penswastaaan DBP.

Peratus penerbitan karya hadith dinisbahkan kepada buku agama adalah seperti yang berikut:

Jadual 4.4. Peratus Karya Hadith Mengikut Tahun

TAHUN	JUDUL AGAMA	KARYA HADITH	PERATUS
2003	57	1	0.22
2004	70	-	0
2005	31	-	0
2006	62	1	0.26
2007	72	-	0
2008	16	3	1.09
2009	75	1	0.25
2010	19	9	3
2011	3	-	0
2012	2	-	0
2013	9	1	0.65
Jumlah	416	16 judul	5.47%

Sumber: Bahagian Penyelarasan Penerbitan Dan Kawal Selia Penswastaaan DBP.

Berdasarkan jadual di atas jumlah penerbitan DBP untuk judul am dan buku teks dari tahun 2003-2013 adalah sebanyak 5,253 judul. Manakala jumlah judul am untuk pelbagai bidang ilmu pula adalah sebanyak 3,171 judul. Jumlah penerbitan judul dalam bidang agama pula adalah sebanyak 416 judul, iaitu sebanyak 13.11%. Manakala jumlah karya hadith pula dari tahun 2003 – 2013 pula adalah sebanyak 16 judul, iaitu 5.47%.

4.2 TREND KARYA HADITH TERBITAN DBP

Berdasarkan jenis dan kategori karya-karya hadith DBP, jelas menunjukkan bahawa trend penerbitannya adalah seperti yang berikut:

- 1) Terdapat 16 karya hadith dalam bentuk karya asli.
- 2) Terdapat 7 buah karya dalam bentuk umum dewasa.
- 3) Terdapat 3 buah karya sahaja dalam bentuk karya asli kategori ilmiah.
- 4) Terdapat 6 buah sahaja karya hadith kategori remaja.
- 5) Terdapat 15 karya hadith yang ditulis oleh pakar bidang, iaitu karya dalam kategori dewasa, ilmiah dan remaja.
- 6) Karya-karya hadith ilmiah ini sesuai dijadikan rujukan dan panduan kerana ia menepati standard buku ilmiah dalam bidang pengajian Islam.
- 7) Karya hadith kategori remaja juga dihasilkan oleh pakar bidang.
- 8) Karya hadith terbitan DBP sama ada ilmiah atau dewasa mempunyai nota kaki, indeks dan bibliografi.
- 9) Karya hadith umum dewasa dan ilmiah ini mempunyai *matan* hadith dan diterangkan periwayatnya.
- 10) Dalam setiap karya ilmiah, hadith dinyatakan perawi hadith dan *ditakhrījkan* hadithnya.
- 11) Karya hadith kategori remaja dipersembahkan dalam bentuk ringan dan santai serta tidak mempunyai nota kaki dan indeks.

Sebagai kesimpulan, jelaslah bahawa DBP hanya menerbitkan karya-karya yang ditulis oleh penulis yang berautoriti dalam bidang hadith sahaja. Hal ini bagi memastikan bahawa kualiti karya terbitan DBP adalah bersifat autentik dan boleh

dipercayai. Selain itu, proses penerbitan karya hadith terbitan DBP juga sangat rumit kerana terpaksa melalui proses penilaian, kelulusan Mesyuarat Jawankuasa Editorial (JKE) dan Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan (JKP), penyuntingan substantif dan kopi. Proses ini terpaksa dilalui bagi memastikan karya yang diterbitkan itu berkualiti, menepati standard yang ditetapkan, sesuai dijadikan bahan rujukan dan memenuhi kehendak pembaca sasaran. Hal ini adalah kerana salah satu fungsi DBP adalah untuk memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat seluruhnya selain menerbitkan buku-buku komersial.

4.3 TREND PENERBITAN KARYA HADITH TERBITAN JAKIM, AL-HIDAYAH PUBLISHER SDN. BHD., PERNIAGAAN JAHABERSA SDN. BHD. DAN TELAGA BIRU SDN. BHD.

Bilangan karya-karya hadith di negara kita pada hari ini amat berkurangan berbanding buku-buku agama dalam bidang lain. Walau bagaimanapun, tahun-tahun kebelakangan ini bilangan penerbitan karya hadith ini semakin meningkat apabila penerbit-penerbit swasta lebih aktif menerbitkan karya-karya hadith. Di samping itu, lambakan karya hadith yang dibawa masuk dari Indonesia, khususnya karya terjemahan dan adaptasi telah memberi alternatif kepada masyarakat untuk memiliki karya hadith ini dan seterusnya dapat mengimbangi kekurangan karya asli dalam bidang ini.

Berdasarkan kajian yang dibuat terhadap jumlah terbitan buku hadith yang diterbitkan oleh penerbit kerajaan dan swasta, jelas menunjukkan bahawa syarikat swasta lebih agresif dalam menerbitkan karya-karya hadith berdasarkan jumlah terbitannya. Contohnya Al-Hidayah Publication/Publishers telah menghasilkan 139 buah buku, Syarikat Jahabersa Sd. Bhd. sebanyak 146 buah buku, Telaga Biru Sdn. Bhd. sebanyak 19 buah buku, berbanding DBP sebanyak 16 buah buku (25 judul

diterbitkan sejak penubuhan DBP hingga kini) dan JAKIM sebanyak 31 buah buku dalam pelbagai kategori.

Hasil penelitian pengkaji terhadap karya-karya terbitan DBP, JAKIM, Al-Hidayah Publication/Publishers, Syarikat Jahabersa Sd. Bhd., dan Telaga Biru Sdn. Bhd., rata-rata penerbit-penerbit tersebut banyak menerbitkan karya hadith tematik, berbanding karya tentang ilmu hadith, „*Ulūm al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Karya jenis ini kurang popular kerana ia bersifat akademik dan sasarannya agak terhad kerana para pensyarah, pelajar kolej dan universiti sahaja yang berminat untuk membelinya.

Berdasarkan senarai judul karya hadith (dalam Lampiran B), hanya DBP menerbitkan karya-karya hadith dalam kategori ilmiah, manakala penerbit swasta lebih memfokuskan kepada karya-karya hadith tematik. JAKIM pula menumpukan kepada terjemahan karya agung klasik yang berjilid-jilid untuk masyarakat umum dan juga karya hadith tematik.

Selain itu, menjadi trend dalam kalangan syarikat tersebut berlumba-lumba menerbitkan terjemahan karya agung klasik hadith yang berjilid seperti *Ṣaḥīḥ Bukhāri*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Riyāḍus Ṣāliḥīn*, *Sunan Ibn Mājah*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Tirmīdhī*, dan kitab-kitab besar yang lain. Kebanyakan kitab ini diadaptasi daripada kitab terbitan syarikat di Indonesia ataupun dialih bahasa ke dalam bahasa Melayu.

Jelas di sini, setiap penerbit mempunyai strategi masing-masing dalam penghasilan karya hadith ini. Dalam hal ini, DBP lebih menumpukan kepada khidmat sosial berbanding komersial dalam mengisi lompong-lompong yang ada dalam penerbitan karya hadith ini.

4.4 ISU-ISU DAN MASALAH PENERBITAN KARYA HADITH DBP

Pengajian hadith adalah merupakan satu pengajian yang mencabar. Tidak semua orang dapat menguasai bidang ini. Sekalipun ia merupakan sumber kedua kepada sempurnanya Islam seseorang, namun tidak banyak golongan umat Islam mengambil berat tentangnya apa lagi menguasainya. Hal ini berlaku kepada orang awam dan para pendakwah.² Senario ini bertambah kritikal dengan kekurangan karya-karya hadith di pasaran menyebabkan masyarakat semakin jauh daripada mempelajari hadith, apatah lagi menghayati dan mengamalkan tuntutanannya.

Oleh itu, masyarakat Islam hari ini amat memerlukan karya-karya hadith ini untuk dijadikan panduan dalam menghadapi kehidupan yang amat mencabar, khususnya dalam era globalisasi ini. Sehubungan itu, gejala-gejala sosial dalam masyarakat hari ini semakin runcing. Contohnya aktiviti pelacuran³, kelahiran anak tidak sah taraf⁴, gengsterisme⁵, rasuah⁶ dan sebagainya semakin berleluasa dalam masyarakat. Oleh itu, karya-karya hadith amat diperlukan supaya dapat menyelesaikan masalah ummah dan membentengi masyarakat daripada bergelumang dengan perkara-perkara maksiat.

Kesan kekurangan karya-karya hadith ini akan mengakibatkan suatu khazanah sumber Islam lama-kelamaan akan luput daripada pengetahuan masyarakat. Selain itu, Sunnah Rasulullah s.a.w. akan terancam kerana masyarakat tidak lagi merujuk kepada Sunnah terutamanya kepada hadith *ṣaḥīḥ*. Dengan ini, sedikit demi sedikit perasaan cinta terhadap Rasulullah s.a.w. akan semakin terhakis dan generasi muda semakin jauh

² Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff, "Peranan Institut Pengajian Tinggi dalam Kelangsungan Pengajian Hadis," dalam *Kelangsungan Pengajian Hadis Cabaran dan Masa Depan* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2006), 335.

³ "Bukit Bintang seperti Hatyai," *Utusan Malaysia*, 21 Mac 2011, 15.

⁴ "Anak tak sah taraf cecah 234,647," *Berita Harian*, 21 Mac 2011, 14.

⁵ "Mahu parang pensyarah," *Harian Metro*, 18 Mac 2011, 1.

⁶ "418,200 kakitangan awam rasuah," *Sinar Harian*, "3 Jun 2010, 9.

daripada Sunnah akibat ketiadaan bahan bacaan dan rujukan dalam bidang hadith yang sesuai untuk mereka.⁷

Menurut Dr Abdul Hayei pula, setakat ini belum ada lagi karya hadith yang besar yang mampu memberikan impak tinggi kepada masyarakat.⁸ Menurut Dr Budah @ Uдах Mohsin pula, buku-buku yang laris di pasaran hari ini seperti buku-buku fardu ain perlu disokong dengan hadith-hadith dan ditakhrīkan hadith tersebut. Secara tidak langsung masyarakat membaca perbincangan tentang ilmu hadith ini.⁹ Justeru, dalam hal ini, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai penerbit terbesar di Malaysia perlu menyahut cabaran ini dan seterusnya menghasilkan karya hadith yang dapat berimpak tinggi dan mendidik masyarakat supaya menjadi masyarakat yang salih dan seterusnya dapat mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju dengan acuan sendiri.

Dalam usaha menerbitkan karya-karya hadith yang berkualiti, sudah semestinya pelbagai masalah yang dihadapi. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada masalah dari segi editorial sahaja, iaitu masalah yang dihadapi ketika sesebuah manuskrip itu berada di peringkat pembinaan, penilaian dan penyuntingan. Hal ini kerana Petunjuk Prestasi Utama (KPI) seseorang editor di DBP adalah sehingga manuskrip bersih sahaja. Manakala peringkat reka letak, percetakan dan pemasaran dilakukan oleh syarikat konsesi, iaitu Dawama Sdn. Bhd.

Masalah-masalah ini amat memberi kesan kepada jadual kerja dan tempoh masa penerbitan sesebuah karya hadith. Dengan lain perkataan, masalah ini ialah

⁷ Jawiah Dakir (Profesor di Jabatan Usuluddin, Universiti Kebangsaan Malaysia dan mantan Timbalan Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 4 Januari 2013.

⁸ Abdul Hayei bin Abdul Sukor (mantan pensyarah kanan Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), dalam temu bual melalui telefon dengan penulis, 16 Januari 2013.

⁹ Budah @ Uдах Mohsin (mantan pensyarah kanan di Fakulti Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, UKM), dalam temu bual dengan penulis, 5 Januari 2013.

penyumbang utama kelewatan berlaku dalam penerbitan karya hadith di DBP ini. Hasil penelitian yang dilakukan oleh pengkaji, antara isu-isu dan masalah penerbitan karya hadith di DBP adalah seperti yang berikut:

- 1) Kebanyakan pakar bidang sibuk dan tidak dapat memberi komitmen kepada bidang penulisan hadith sahaja, sedangkan karya hadith ini perlu ditulis oleh penulis yang berautoriti dalam bidang hadith.¹⁰
- 2) Terdapat pertindanan tugas antara penilai dan penulis pakar dalam menghasilkan sesebuah karya hadith. Hal ini kerana penilai dan penulis adalah terdiri daripada orang sama. Oleh itu, keadaan ini akan menjejaskan perancangan penerbitan sesebuah karya itu kerana dalam masa yang sama seorang pakar bidang itu terpaksa membuat kerja-kerja penilaian dan penulisan.¹¹
- 3) Proses penerbitan buku-buku terbitan DBP agak lama kerana terpaksa mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Editorial (JKE) yang bersidang sebulan sekali dan Jawatankuasa Penerbitan (JKP) yang bersidang tiga bulan sekali.¹² Walau bagaimanapun, kelulusan daripada kedua-dua mesyuarat ini dapat menjamin kualiti sesebuah buku yang diterbitkan.
- 4) Setiap manuskrip hadith perlu dinilai oleh oleh pakar bidang yang bilangannya amat sedikit berbanding bidang-bidang lain. Oleh itu, proses penilaian mengambil masa agak lama dan kerap kali melebihi tempoh masa yang diberikan. Syarat penilai juga agak ketat, iaitu pangkat seseorang

¹⁰ Jawiah Dakir (Profesor di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temu bual dengan penulis pada 10 Januari 2013.

¹¹ *Ibid.*

¹² Pada tahun 2013 Mesyuarat JKP ini hanya bersidang lima kali sahaja, iaitu 18 Februari 2013, 20 Mei 2013, 19 Ogos 2013, 20 Oktober 2013 dan 11 November 2013. Sumber daripada Urus setia Lembaga Pengelola, Pejabat Ketua Pengarah, DBP.

penilai itu mestilah lebih tinggi (dalam akademik) daripada penulis manuskrip itu. Sekiranya penulis berpangkat Profesor Madya, maka penilainya mestilah berpangkat Profesor, sedangkan bilangan Profesor dalam bidang hadith ini amat sedikit. Justeru, tempoh penilaian yang diberikan agak lama kerana kesibukan mereka.¹³

- 5) Terdapat juga manuskrip yang mengandungi hadith-hadith yang tidak dinyatakan sumbernya. Oleh itu, editor terpaksa memulangkan semula kepada penulis untuk dilengkapi setelah dinilai oleh pakar bidang. Biasanya penulis mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkan pembetulan tersebut. Terdapat juga dalam sesetengah keadaan, DBP terpaksa membayar pakar luar untuk *mentakhrījkan* hadith-hadith ini, contohnya ratusan hadith yang terdapat dalam buku *Tafsir Mubin*.¹⁴
- 6) Terdapat juga manuskrip yang perlu dinilai oleh Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mengesahkan ketepatan fakta dan tidak bercanggah dengan akidah *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*. Proses penilaian ini juga mengambil masa yang agak lama kerana panel-panel tersebut tidak ramai dan biasanya mereka ialah pakar-pakar bidang dalam bidang hadith ini yang kebanyakannya terdiri daripada para pensyarah di universiti-universiti. Hal ini turut menjejaskan jadual penerbitan karya hadith.¹⁵
- 7) Kekurangan penulis yang berminat untuk menghasilkan karya hadith ini. Hal ini kerana karya hadith hanya boleh dihasilkan oleh penulis yang mempunyai pendidikan yang mantap dan formal dalam bidang hadith

¹³ Pengalaman pengkaji sebagai editor buku agama di DBP selama 17 tahun.

¹⁴ Puan Norliza Embong (mantan Editor buku agama di Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam), dalam temu bual dengan penulis pada 7 Ogos 2012. Sekarang beliau ditukarkan ke Bahagian Ensiklopedia, Jabatan Pengembangan Bahasa, DBP.

¹⁵ Pengalaman penulis sebagai editor buku agama di DBP.

kerana ia merupakan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an. Ketepatan fakta dan isinya perlu diambil kira bagi memastikan buku yang dihasilkan bermutu dan selaras dengan kehendak Islam. Tambahan pula, kebanyakan buku-buku terbitan DBP berbentuk akademik dan menjadi rujukan kepada para pensyarah dan pelajar universiti. Walau bagaimanapun, kebanyakan para pensyarah lebih berminat untuk menulis dengan syarikat-syarikat swasta yang mengambil masa yang singkat untuk menerbitkan karya mereka, iaitu dalam tempoh enam bulan sahaja.¹⁶

8) DBP juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pengadaptasi yang mahir dalam bidang hadith. Hal ini kerana mereka perlu menguasai bidang hadith dan aspek tatabahasa. Selain itu, mereka juga mestilah menguasai bahasa sumber, iaitu bahasa asal buku tersebut dan juga menguasai bahasa Malayu, iaitu bahasa sasaran.¹⁷

9) Penyunting yang mahir dalam bidang hadith ini juga amat berkurangan berbanding bidang-bidang lain. Hal ini kerana penyunting ini mestilah mempunyai pendidikan dan ilmu yang mantap dalam bidang hadith ini, barulah mampu menyunting dengan baik manuskrip hadith ini. Mereka bukan setakat menyunting teks sahaja, malah mereka juga terpaksa menyemak status hadith dan *mentakhrījkan* hadith yang terdapat dalam sesuatu manuskrip itu sekiranya perlu.¹⁸

10) Setiap editor di Unit Agama Bahagian Buku Umum mempunyai bebanan tugas yang banyak. Masing-masing menangani puluhan projek, iaitu 25

¹⁶ Dr Budah @ Udah Mohsin, beliau telah menulis 4 buah buku dengan DBP.

¹⁷ Pengalaman penulis sebagai editor buku-buku adaptasi di DBP.

¹⁸ Dr Rosmawati Ali @ Mat Zain (penulis, penyunting, dan pengadaptasi buku agama, termasuk karya hadith), temu bual dengan penulis melalui telefon, 8 Mac 2013; Mohd Azam Johari (mantan editor buku hadith di Bahagian Buku Umum), dalam temu bual dengan penulis, 21 Februari 2013. Sekarang bertugas di DBP Wilayah Timur, Kota Bahru Kelantan.

hingga 35 manuskrip yang perlu ditangani. Selain itu, setiap editor juga perlu menjadi *ad-hoc* pelbagai program yang dijalankan di DBP. Antaranya, urus setia Bengkel Pembinaan Judul, Bengkel Penulisan, Bengkel Penyuntingan, Bengkel Pemindahan Tesis kepada Buku, Majlis Pelancaran Buku, Bulan Bahasa Kebangsaan, membuat aktiviti semasa Pesta Buku Antarabangsa di Kuala Lumpur diadakan dan lain-lain lagi. Tugas-tugas ini memperuntukkan jumlah masa yang banyak untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, ia turut menjejaskan konsentrasi editor untuk melakukan tugas-tugas editorial.

Sebelum penstrukturan semula DBP pada 1 Ogos 2010, editor di BAFTI seramai 8 orang, tetapi kini bilangan editor hanya 5 orang sahaja. Hal ini kerana mereka telah dipindahkan ke bahagian lain. Jadi, dengan jumlah yang amat terhad ini sudah semestinya hasilnya juga berkurangan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja di peringkat pengeluaran seperti reka letak, proof, naskhah sedia kamera, visual kulit, cetak dilakukan oleh Dawama Sdn. Bhd.¹⁹

- 11) DBP juga menghadapi masalah untuk mendapatkan keizinan hak cipta karya-karya adaptasi, khususnya daripada penerbit Indonesia. Hal ini kerana kebanyakan penerbit tidak memberikan kebenaran untuk mengadaptasi buku-buku hadith terjemahan syarikat mereka. Contohnya Pustaka Azzam tidak memberikan keizinan hak cipta mengadaptasi buku *Riyadhush Syalihin* (Jilid 1 dan 2) dan *Hadith-hadith Dha'if dalam Riyadhush Syalihin*. Pengadaptasian buku-buku ini dapat menjimatkan kos berbanding kos penterjemahan buku kerana Unit Agama tidak lagi

¹⁹ Pemerhatian dan pengalaman pengkaji sebagai editor di BAFTI dan Unit Agama, Bahagian Buku Umum, DBP selama 17 tahun.

membuat kerja-kerja terjemahan buku setelah tugas ini diambil alih oleh Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM).

- 12) Kini DBP tidak lagi menerbitkan karya-karya terjemahan buku daripada bahasa asing kepada bahasa Malayu, khususnya karya hadith. Sedangkan karya terjemahan ini dapat menampung kekurangan bilangan karya hadith dalam bentuk karya asli. Hal ini kerana tanggungjawab ini telah dilakukan oleh Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM).²⁰
- 13) Tidak ada *pentakhrīj* hadith yang berkhidmat sepenuh masa. Hanya terdapat golongan pensyarah dalam bidang hadith ini yang *mentakhrījkan* hadith yang terdapat dalam sesebuah manuskrip. Walau bagaimanapun, disebabkan kesibukan dan kekangan tugas masing-masing, tugas-tugas ini tidak dapat dilakukan dalam masa yang cepat.
- 14) Penempatan editor tidak berdasarkan bidang dan kepakaran. Hanya 3 orang editor sahaja di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam yang berkelulusan bidang agama. Manakala dua orang editor lagi bukan dari bidang agama. Sedangkan editor dalam bidang agama ini ditempatkan di bahagian lain.
- 15) Kekurangan editor pakar dalam bidang hadith di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam. Kepakaran dalam bidang ini amat diperlukan bagi membuat penyuntingan substantif dalam bidang hadith. Lebih-lebih lagi sekiranya manuskrip itu dihasilkan oleh orang yang bukan bidang hadith.
- 16) Manuskrip hadith yang diterima tidak mantap khususnya berkenaan maksud hadith. Masalah ini amat kritikal sekiranya penulis sesebuah manuskrip itu bukan dalam bidang agama. Mereka hanya memetik hadith

²⁰ Mulai 16 Disember 2011 nama baru bagi Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) ialah Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) dan fungsinya telah bertambah, iaitu menerbitkan karya-karya asli selain karya-karya terjemahan.

dalam buku-buku agama lain dan tidak dinyatakan sumbernya yang asal. Dalam hal ini, mereka tidak mengetahui darjat sesebuah hadith itu sama ada *ṣaḥīḥ*, *daʿīf* dan *mawḍūʿ*.

- 17) Tidak ada terjemahan hadith yang standard dan mantap dalam bahasa Melayu untuk dijadikan panduan kepada para penulis dalam bidang hadith.²¹ Oleh itu, para penulis menterjemahkan maksud hadith yang terdapat dalam *Sunan Sittah* contohnya berdasarkan kefahaman masing-masing. Dalam hal ini, DBP perlu menerbitkan terjemahan yang standard untuk semua hadith yang terdapat dalam kitab-kitab hadith yang muktabar. Usaha ini amat diperlukan bagi mengelakkan kesilapan pemahaman dalam penterjemahan hadith-hadith tersebut yang bersumberkan bahasa Arab akibat kepelbagaian terjemahan dan huraian maksud.
- 18) Terjemahan hadith yang terdapat dalam manuskrip hadith berbau kearaban dan keindonesiaan. Hal ini adalah kerana kebanyakan penulis merujuk kitab-kitab Arab dan menterjemahkan maksudnya secara literal. Malah, ada juga yang merujuk kepada terjemahan hadith buku-buku Indonesia secara mutlak tanpa mengubah struktur dan maksudnya ke dalam bahasa Melayu.²²
- 19) Manuskrip yang diterima secara tidak dirancang pula lazimnya tidak berstruktur dan melibatkan penyuntingan yang berat, dan seterusnya menyebabkan proses penerbitan menjadi lambat.²³

²¹ Ishak Suliaman (Prof. Madya di Jabatan al-Qurʿan dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2013.

²² *Ibid.*

²³ Khalik Sulaiman (Pengarah Penerbitan DBP), dalam temu bual dengan penulis, 5 September 2013.

4.5 FORMAT PENULISAN KARYA HADITH TERBITAN DBP

Terdapat kepelbagaian gaya penulisan dan persembahan karya hadith terbitan DBP. Hal ini kerana DBP memberi kebebasan dari segi persembahan kepada para penulis dalam menghasilkan karya mereka. Walau bagaimanapun, DBP masih mengawal format penulisan berdasarkan *Gaya Dewan*. *Gaya Dewan* ialah buku terbitan DBP yang memuatkan gaya penerbitan DBP. Buku ini ditulis oleh para editor DBP. Buku ini menjadi panduan dan rujukan utama para editor dan karyawan DBP. Ia juga telah dikemas kini dari semasa ke semasa. Cetakan pertama diterbitkan pada tahun 1987, manakala edisi kedua diterbitkan pada tahun 1990, dan edisi ketiga pada tahun 1995. Kini DBP sedang membuat penyemakan terakhir untuk menerbitkan *Gaya Dewan* Edisi Keempat.²⁴

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisis format penulisan karya-karya hadith terbitan DBP berdasarkan tajuk karya-karya tersebut.

4.5.1 *Ilmu Hadith*²⁵

Buku ini ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2003. Ia terdiri daripada 8 bab dan mempunyai 196 halaman. Ia juga mempunyai, indeks dan bibliografi tetapi tidak mempunyai nota kaki. Ia dikategorikan sebagai buku karya asli umum dewasa.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk dijadikan panduan kepada masyarakat Islam dan dapat dimanfaatkan oleh golongan yang ingin memahami dan mendalami ilmu hadith. Buku ini mengupas tentang takrif dan istilah ilmu hadith, peranan hadith

²⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Gaya Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995). xxvii.

²⁵ Asmawi Haji Ehsan, *Ilmu Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

sebagai sumber hukum, kekeliruan terhadap hadith, sejarah pengumpulan dan pembukuan hadith. Selain itu, ia juga membincangkan tentang periwayatan hadith, pembahagian hadith dan pengenalan kitab hadith dan penulisannya.

Dalam membincangkan bab-bab tersebut penulis telah mengemukakan hadith-hadith yang berkaitan dan menyatakan sumber periwayatannya.²⁶ Malah, ia menerangkan nama perawi yang meriwayatkan hadith tersebut.²⁷ Walau bagaimanapun, ada juga yang tidak dinyatakan sumber hadith tersebut.²⁸ Selain itu, hadith yang dibincangkan itu juga tidak *ditakhrījkan*.

4.5.2 Riwayat Hidup al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith²⁹

Penulis buku ini ialah Mohd. Muhiden Abd Rahman. Buku ini diterbitkan oleh DBP pada tahun 2006 dan terdiri daripada 4 bab dan 96 halaman. Ia dikategorikan sebagai buku umum dewasa. Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memperkenalkan riwayat hidup seorang tokoh ulama pada abad ke-7 H, iaitu al-Imam Muhyi al-Din Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf ibn Murri al-Nawawi dan sumbangannya kepada pengajian hadith. Buku ini menghuraikan tentang riwayat hidup Imam al-Nawawi dan sumbangannya kepada pengajian hadith. Ia juga mengandungi nota kaki, indeks dan bibliografi yang terdiri daripada kitab-kitab muktabar.

Buku ini tidak membincangkan nas hadith secara langsung, tetapi menghuraikan sumbangan al-Nawawi kepada pengajian hadith. Penulis juga membuat penelitian

²⁶ *Ibid.*, 17, 32, 38, 53, 54, 138.

²⁷ *Ibid.*, 10 dan 14.

²⁸ *Ibid.*, 9, 11, 45.

²⁹ Mohd. Muhiden Abd Rahman, *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).

kepada hasil penulisan Imam al-Nawawi dengan memfokuskan kepada empat karya beliau, iaitu *al-Aḥkām*, *Matan al-Arba'īn*, *Riyād al-Ṣaliḥīn* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*.³⁰

Aspek yang diperincikan oleh penulis dalam mengupas keempat-empat kitab tersebut ialah sinopsis kitab, maksud hadith dan metodologi penulisan kitab-kitab tersebut.³¹ Selain itu, penulis juga mengupas aspek pemilihan hadith oleh Imam al-Nawawi, kebanyakannya hadith-hadith *sahih* yang dipetik daripada kitab-kitab yang masyhur seperti *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *al-Tirmīdhī* dan *al-Nasā'ī*.³²

4.5.3 Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith³³

Penulis buku ini ialah Mohd. Muhiden Abd Rahman. Buku ini diterbitkan oleh DBP pada tahun 2006. Ia terdiri daripada 92 halaman, mempunyai nota kaki, indeks dan bibliografi. Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memperkenalkan riwayat hidup seorang tokoh ulama pada abad ke-17, iaitu Syeikh Nur al-Din al-Raniri. Ketokohnya begitu terserlah dalam dunia keilmuan dan sumbangannya dalam pengajian hadith. Ia memfokuskan kepada al-Raniri dan sumbangannya kepada pengajian hadith dengan mengkhususkan kepada kitab *al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah* yang bertemakan hadith-hadith *targhīb* dan *tarhīb*. Ia merupakan terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dan ditulis dalam tulisan jawi. Kitab ini mengandungi 823 buah hadith,³⁴ mengemukakan contoh-contoh

³⁰ *Ibid.*, 51.

³¹ *Ibid.*, 52-53.

³² *Ibid.*, 54.

³³ Mohd. Muhiden Abd Rahman, *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).

³⁴ Mohd. Muhiden Abd Rahman, *Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*, xii.

hadith,³⁵ pendapat ulama,³⁶ mengulas status hadith dan nilai hadith sama ada *mawḍū'* atau tidak.³⁷

4.5.4 *Kumpulan Hadith Masyhur*³⁸

Penulis buku ini ialah Budah @ Uдах Muhsin dan Jawiah Dakir. Buku ini diterbitkan oleh DBP pada tahun 2008. Buku ini terdiri daripada 403 buah hadith masyhur yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Ia terdiri daripada 371 halaman dan mempunyai 22 bab. Ia juga mempunyai nota kaki, indeks dan bibliografi yang terdiri daripada kitab-kitab muktabar.

Tujuan penulisan buku ini adalah sebagai panduan kepada masyarakat untuk mengenal pasti kedudukan hadith yang masyhur dalam masyarakat Melayu, sama ada sahih ataupun palsu. Buku ini juga sebagai panduan kepada umat Islam agar dapat menjadikan hadith yang sahih atau yang setaraf dengannya sebagai rujukan dalam kehidupan.

Setiap hadith yang dikemukakan dalam buku ini akan diterangkan sumbernya dan ditakhrijkan. Penulis juga menerangkan status hadith tersebut sama ada *ṣahih*, *ḥassan*, *ḍa'if* dan *mawḍū'*. Buku ini dikategorikan sebagai buku ilmiah dan karya asli.

Terdapat pelbagai tema dalam buku ini, iaitu ibadat,³⁹ akidah,⁴⁰ adab,⁴¹ akhlak,⁴² jenayah,⁴³ muamalat⁴⁴ dan lain-lain lagi. Selain itu, penulis juga mentakhrijkan hadith-hadith, menyatakan perawi dan status hadith tersebut.⁴⁵

³⁵ Mohd. Muhiden Abd Rahman, *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith*, 51.

³⁶ *Ibid.*, 60.

³⁷ *Ibid.*, 51.

³⁸ Budah @ Uдах Muhsin dan Jawiah Dakir, *Kumpulan Hadith Masyhur*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008).

³⁹ *Ibid.*, 105, 131-34, 272, 274, 294, 322, 347.

⁴⁰ *Ibid.*, 24-31, 43, 71-72,

⁴¹ *Ibid.*, 91, 244-249, 266, 273,

⁴² *Ibid.*, 16, 65, 84, 87, 175.

4.5.5 *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan*⁴⁶

Penulis buku ini ialah Abdul Hayei Abdul Sukor dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2008. Ia mengandungi 32 hadith dan terdiri daripada 341 halaman.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk mendekatkan masyarakat Islam kepada hadith Nabi s.a.w. Pada awalnya hadith-hadith ini ialah catatan daripada hadith yang disampaikan dalam kuliah Maghrib di masjid sekitar Kuala Lumpur. Tetapi ia telah dikemas kini dari semasa ke semasa. Hadith-hadith yang terdapat dalam buku ini diambil daripada kitab-kitab hadith Sahih yang berkedudukan tinggi seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan kitab-kitab lain.⁴⁷

Buku ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian 1 dan Bahagian 2. Bahagian 1 mengandungi 13 buah hadith, iaitu perkara yang berkaitan hati, manakala Bahagian 2 pula, terdiri daripada hadith-hadith yang berkaitan dengan anggota. Bahagian ini pula mengandungi 18 buah hadith. Buku ini juga mengandungi nota kaki, indeks dan bibliografi yang terdiri daripada kitab-kitab muktabar.

Hadith-hadith yang terdapat dalam buku ini ialah himpunan hadith *ṣaḥīḥ* yang diambil daripada *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmīdhī*, *Musnad Ahmad Ibn Ḥanbal* dan lain-lain. Penulis mengemukakan hadith-hadith mengikut topik dan diberi ulasan yang mudah dan sederhana. Dalam hal ini, penulis telah membahagikan hadith-hadith ini kepada dua tema utama, iaitu perkara berkaitan

⁴³ *Ibid.*, 217-221,

⁴⁴ *Ibid.*, 259-260, 281.

⁴⁵ *Ibid.*, 2-10, 34-44, 168-181.

⁴⁶ Abdul Hayei Abdul Sukor, *Islam Dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008).

⁴⁷ *Ibid.*, xvi.

hati dan kedua, perkara berkaitan anggota. Hadith-hadith ini telah diberi topik-topik tertentu seperti Kepentingan Niat dalam Setiap Amalan dengan membawa contoh hadith daripada „Umar bin al-Khaṭṭab r.a.:⁴⁸ Tiada Siapa Dapat Mengatasi Rahmat Allah⁴⁹, Umat Islam antara Zaman Jahiliah dan Islam⁵⁰ dan lain-lain lagi. Selain itu, penulis juga telah mentakhrījkan hadith-hadith tersebut.

Setiap hadith yang dibincangkan dalam buku *Islam Dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan* secara keseluruhannya memberikan huraian yang lengkap dan terperinci. Penulis berjaya memberikan kupasan yang tuntas dalam setiap topik dengan mengemukakan dalil-dalil daripada al-Qurʿan dan hadith, pendapat-pendapat ulama dan seterusnya menegaskan kecenderungan pendapatnya sendiri.

Selain itu, penulis juga berjaya mengupas isu-isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam hari ini dan bagaimana menangani permasalahan tersebut. Contohnya memastikan doa-doa kita dimakbulkan oleh Allah S.W.T. Tegasnya, penulisan buku ini telah berjaya memberikan kefahaman yang jelas dan mantap kepada khalayak pembaca.

4.5.6 *Fawaid al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyah*⁵¹

Penulis buku ini ialah Mohd. Muhiden Abd Rahman dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2009. Ia terdiri daripada 461 halaman, mempunyai nota kaki, indeks dan bibliografi. Buku ini dikategorikan sebagai buku karya asli dalam kategori ilmiah. Penulis telah mentahqiq karya hadith ini.

⁴⁸ *Ibid.*, 3.

⁴⁹ *Ibid.*, 11.

⁵⁰ *Ibid.*, 32.

⁵¹ Mohd. Muhiden Abd Rahman, *al-Fawaid al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009).

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk meneliti dan mengkaji karya hadis yang pertama di Nusantara bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam dalam bidang hadith.

Ia terdiri daripada 832 buah hadith dan dibahagikan kepada 53 bab, bermula dengan bab Pada Menyatakan Menggemari Niat dan berakhir dengan Bab Pada Menyatakan Menggemari Taubat. Ia bertemakan hadith-hadith *targhīb* dan *tarhīb*, iaitu hadith-hadith yang menggalakkan membuat kebaikan dan menakutkan daripada melakukan kejahatan.⁵² Penulis asal, iaitu al-Raniri telah mengemukakan *matan-matan* hadith dan perawi hadith dalam setiap bab berdasarkan tajuk yang dikemukakan.⁵³ Selain itu, beliau juga telah membawa ayat-ayat al-Qur'an, kata-kata Sahabat dan pandangan ulama bagi menyokong hadith Rasulullah s.a.w. sebelum menerangkan tentang hadith tersebut. Setiap hadith yang dikemukakan itu ditahqiq dan ditakhrījkan oleh penulis/pentahqiq buku ini.⁵⁴

4.5.7 Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu⁵⁵

Penulis buku ini ialah Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010. Buku ini terdiri daripada 259 halaman dan terdiri daripada 5 bab. Ia juga mempunyai nota kaki, indeks dan bibliografi yang terdiri daripada buku-buku mukatabar.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk menjadi panduan bagi mereka yang berminat dan prihatin terhadap status amalan yang sering dilakukan dalam kehidupan. Penulis juga mengharapkan buku ini dapat menyingkap kedudukan sebenar amalan

⁵² *Ibid.*, xvi.

⁵³ *Ibid.* 1-10, 36-37.

⁵⁴ *Ibid.*, 27, 36-40.

⁵⁵ Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali, *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

yang sering dianggap sebagai sunnah tetapi bukan sunnah dan juga sebaliknya. Selain itu, pembaca juga dapat membezakan antara sunnah dan adat.

Buku ini mengupas amalan orang Melayu yang bertepatan dengan sunnah seperti sembahyang, zikir, dan puasa. Selain itu, ia juga menghuraikan adat yang diwarisi daripada nenek moyang kita seperti adat istiadat perkahwinan dan pertunangan bertentangan dengan sunnah ataupun tidak. Hadith yang dikemukakan dalam bab-bab perbincangannya ialah hadith *ṣaḥiḥ* dan *ditakhrījkan*. Selain itu, penulis juga memulakan perbincangan buku ini dengan menjelaskan martabat hadith, iaitu *ṣaḥiḥ*, *ḥassan*, *da'īf* dan *mawḍū'*. Setelah mengemukakan hadith bagi menyokong pendapat yang diutarakan, penulis menganalisis hadith tersebut dengan membawa *sanad* hadith, huraian hadith dan *fiqh al-ḥadīth*. Tegasnya, format penulisan buku ini mampu memberi kefahaman kepada para pembaca dan sesuai dijadikan rujukan untuk pelajar universiti dan kolej.

4.5.8 'Ulum al-Hadith'⁵⁶

Penulis buku ini ialah Mohd. Muhiden Abd Rahman dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010. Ia terdiri daripada 297 halaman dan mengandungi 9 bab, nota kaki, indeks dan bibliografi yang diambil daripada kitab-kitab muktabar. Ia dikategorikan sebagai buku ilmiah dan karya asli.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk mengisi kekosongan jiwa remaja dan ketandusan ilmu masyarakat hari ini. Buku ini memberikan kupasan yang terperinci tentang kedudukan hadith dan peranannya dalam Islam, sejarah penulisan dan pembukuan hadith, karya dan tokoh-tokoh hadith, metodologi penerimaan dan

⁵⁶ Mohd. Muhiden Abd Rahman, „*Ulum al-Hadith* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

periwayatan hadith. Ia juga membincangkan tentang *rijāl al-ḥadīth*, *takhrīj al-ḥadīth*, pengajian *sanad*, dan hadith *mawḍū‘* dan implikasinya. Selain itu, penulis juga mengupas tentang orientalis dan hadith.

Dalam menghuraikan bab-bab tersebut, penulis mengemukakan hadith dan mentakhrijkan hadith-hadith tersebut dan seterusnya mengklasifikasikannya sama ada hadith itu *ṣaḥīḥ*, *ḥassan*, *ḍa‘īf* dan *mawḍū‘*.

4.5.9 Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani

Penulis buku ini ialah Fauzi Deraman dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010.⁵⁷ Ia mengandungi 4 bab dan terdiri daripada 173 halaman. Ia juga mengandungi nota kaki, indeks, dan bibliografi yang terdiri daripada kitab-kitab muktabar.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk menyemak dan menilai status hadith yang dimuatkan dalam karya Syeikh Daud al-Fatani. Dengan penelitian yang dilakukan oleh penulis ini, diharapkan khalayak pembaca akan mendapat gambaran umum mengenai status hadith yang terdapat dalam karya beliau serta karya lain yang dihasilkan oleh tokoh penulis di Nusantara.

Penulisan buku ini bermula dengan Bab Pendahuluan yang mengupas tentang perkembangan penulisan kitab Jawi di Nusantara dan diikuti dengan kitab Jawi dalam bidang hadith. Seterusnya penulis menghuraikan sejarah hidup Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang meliputi sejarah hidup, susur galur keturunan, kelahiran, keluarga, pendidikan awal, guru-guru, sahsiah, kematian, karya-karya beliau.

⁵⁷ Fauzi Deraman, *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

Seterusnya penulis mengulas karya-karya dan status hadith dalam kitab-kitab Jawi yang dihasilkan oleh Syeikh Daud al-Fatani ini. Aspek yang ditekankan ialah status dan pemakaian hadith, kekuatan dan kelemahannya, perbandingan hadith-hadith tersebut dengan kitab asal dan kaedah al-Fatani dalam mempersembahkan hadith tersebut. Hadith-hadith ini terdapat dalam karya beliau dalam bidang fiqh, tasawwuf dan usuluddin.⁵⁸

Walau bagaimanapun, tidak ada karya beliau secara khusus dalam bidang hadith ini tetapi banyak dimuatkan hadith-hadith dalam karya-karya beliau. Penulis telah menyenaraikan hadith-hadith dalam buku beliau yang berjudul *Kasf al-Ghummah*. Penulis juga telah menyebut *matan* hadith,⁵⁹ tokoh yang meriwayatkan hadith berserta maksud dan terjemahannya,⁶⁰ dan juga menyebut *sanad* hadith.⁶¹ Selain itu, penulis juga menerangkan nilai hadith-hadith yang dikemukakan itu dengan menyebut hadith yang *ṣahih*, datang pada hadith yang *ṣahih*, pada hadith yang *ṣahih*, datang pada *ṣahih* dan lain-lain lagi.⁶²

4.5.10 Siri Tokoh Hadis Imam al-Bukhari⁶³

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010. Ia terdiri daripada tiga bahagian, 44 halaman dan mempunyai bibliografi. Ia dikategorikan sebagai buku remaja dan karya asli.

⁵⁸*Ibid.*, 50-51.

⁵⁹*Ibid.*, 56-57, 63, dan 74-147.

⁶⁰*Ibid.*, 56-57 dan 63.

⁶¹*Ibid.*, 64-65.

⁶²*Ibid.*, 65-66.

⁶³Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Bukhari* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memberikan pengenalan awal kepada pembaca yang ingin mengenali tokoh hadis ini secara dekat. Buku ini membincangkan tentang keperibadian, pendidikan dan sumbangan Imam al-Bukhari dalam bidang hadith. Selain itu, pembaca turut diperkenalkan dengan karya-karya agung tokoh ini yang melayakkan beliau dinobatkan sebagai Tokoh Hadith. Penulis juga mengemukakan contoh-contoh hadith yang diriwayatkan oleh tokoh ini bersertakan *takhrījnya*.⁶⁴

Kesimpulannya, buku ini mudah difahami dan sesuai untuk pembaca sasaran yang terdiri daripada golongan remaja.

4.5.11 *Siri Tokoh Hadis Imam Muslim*⁶⁵

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010. Ia terdiri daripada tiga bahagian, 37 halaman dan mempunyai bibliografi. Ia dikategorikan sebagai buku remaja dan karya asli.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memberikan pengenalan awal kepada pembaca yang ingin mengenali tokoh hadith ini secara dekat. Buku ini membincangkan tentang keperibadian, pendidikan dan sumbangan Imam Muslim dalam bidang hadith.

Selain itu, pembaca turut diperkenalkan dengan karya-karya agung tokoh ini yang melayakkan beliau dinobatkan sebagai Tokoh Hadith. Penulis juga mengemukakan contoh-contoh hadith yang diriwayatkan oleh tokoh ini bersertakan

⁶⁴ *Ibid.*, 28-31.

⁶⁵ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Muslim* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

takhrījnya.⁶⁶ Kesimpulannya, buku ini mudah difahami dan sesuai untuk pembaca sasaran yang terdiri daripada golongan remaja.

4.5.12 *Siri Tokoh Hadis Imam Abu Daud*⁶⁷

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010. Ia terdiri daripada tiga bahagian, 35 halaman dan mempunyai bibliografi. Ia dikategorikan sebagai buku remaja dan karya asli.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memberikan pengenalan awal kepada pembaca yang ingin mengenali tokoh hadith ini secara dekat. Buku ini membincangkan tentang keperibadian, pendidikan dan sumbangan Imam Abu Daud dalam bidang hadith.

Selain itu, pembaca turut diperkenalkan dengan karya-karya agung tokoh ini yang melayakkan beliau dinobatkan sebagai Tokoh Hadith. Penulis juga mengemukakan contoh-contoh hadith yang diriwayatkan oleh tokoh ini bersertakan *takhrījnya*.⁶⁸ Kesimpulannya, buku ini mudah difahami dan sesuai untuk pembaca sasaran yang terdiri daripada golongan remaja.

⁶⁶*Ibid.*, 22-24.

⁶⁷Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Abu Daud* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

⁶⁸*Ibid.*, 18-23.

4.5.13 *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Tirmizi*⁶⁹

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010. Ia terdiri daripada tiga bahagian, 35 halaman dan mempunyai bibliografi. Ia dikategorikan sebagai buku remaja dan karya asli.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memberikan pengenalan awal kepada pembaca yang ingin mengenali tokoh hadith ini secara dekat. Buku ini membincangkan tentang keperibadian, pendidikan dan sumbangan Imam al-Tirmizi dalam bidang hadith.

Selain itu, pembaca turut diperkenalkan dengan karya-karya agung tokoh ini yang melayakkan beliau dinobatkan sebagai Tokoh Hadith. Penulis juga mengemukakan contoh-contoh hadith yang diriwayatkan oleh tokoh ini bersertakan *takhrījnya*.⁷⁰ Kesimpulannya, buku ini mudah difahami dan sesuai untuk pembaca sasaran yang terdiri daripada golongan remaja.

4.5.14 *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Nasa'i*⁷¹

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010. Ia terdiri daripada tiga bahagian, 35 halaman dan mempunyai bibliografi. Ia dikategorikan sebagai buku remaja dan karya asli.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memberikan pengenalan awal kepada pembaca yang ingin mengenali tokoh hadith ini secara dekat.

⁶⁹ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Tirmizi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

⁷⁰ *Ibid.*, 17-22.

⁷¹ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Nasa'i* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

Buku ini membincangkan tentang keperibadian, pendidikan dan sumbangan Imam al-Nasa'i dalam bidang hadith. Selain itu, pembaca turut diperkenalkan dengan karya-karya agung tokoh ini yang melayakkan beliau dinobatkan sebagai Tokoh Hadith. Penulis juga mengemukakan contoh-contoh hadith yang diriwayatkan oleh tokoh ini berserta *takhrījnya*.⁷² Kesimpulannya, buku ini mudah difahami dan sesuai untuk pembaca sasaran yang terdiri daripada golongan remaja.

4.5.15 Siri Tokoh Hadis Imam Ibn Majah ⁷³

Penulis buku ini ialah Rosmawati Ali @ Mat Zin dan diterbitkan oleh DBP pada tahun 2010. Ia terdiri daripada tiga bahagian, 29 halaman dan mempunyai bibliografi. Ia dikategorikan sebagai buku remaja dan karya asli.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memberikan pengenalan awal kepada pembaca yang ingin mengenali tokoh hadith ini secara dekat.

Buku ini membincangkan tentang keperibadian, pendidikan dan sumbangan Imam Ibn Majah dalam bidang hadith. Selain itu, pembaca turut diperkenalkan dengan karya-karya agung tokoh ini yang melayakkan beliau dinobatkan sebagai Tokoh Hadith. Penulis juga mengemukakan contoh-contoh hadith yang diriwayatkan oleh tokoh ini berserta *takhrījnya*.⁷⁴ Kesimpulannya, buku ini mudah difahami dan sesuai untuk pembaca sasaran yang terdiri daripada golongan remaja.

⁷² *Ibid.*, 18-24.

⁷³ Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Siri Tokoh Hadis Imam Al-Nasa'i* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

⁷⁴ *Ibid.*, 16-19.

4.5.16 *Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi*⁷⁵

Buku ini ditulis oleh Faisal bin Ahmad Shah dan diterbitkan pada tahun 2013. Ia terdiri daripada 337 halaman dan mengandungi indeks dan bibliografi. Ia terdiri daripada 6 bab.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memperkenalkan ulama Nusantara, Mohamed Idris al-Marbawi yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang pengajian hadith melalui karyanya, *Bahr al-Madhi*. Ia membincangkan tentang riwayat hidup Mohamed Idris al-Marbawi yang merupakan seorang tokoh ulama Melayu yang dikenali kerana sumbangannya yang besar dalam bidang penulisan. Ketokohnya dan kewibawaan beliau dalam penulisan dapat dilihat melalui karyanya *Bahr al-Madhi Syarh Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi*. Penghasilan kitab ini melayakkan beliau menjadi pelopor dan perintis penulisan hadith di Tanah Melayu.

Selain menerangkan riwayat hidup tokoh ini, penulis juga menghuraikan kitab *Bahr al-Madhi Syarh Mukhtasar Sahih al-Tirmidhi* ini dan pengaruhnya di Malaysia.

Penulis juga membincangkan metode umum penulisan kitab ini, iaitu metode *al-Syarh al-Mawdū'ī*. Metode ini bermaksud syarahan hadith mengikut tajuk tertentu seperti *mufradāt*, *asnād*, persoalan fiqh, bahasa dan sebagainya. Metode *al-Syarh al-Mawdū'ī* yang diaplikasikan oleh al-Marbawi berbeza dengan metode *al-Syarh al-Mawdū'ī* yang diaplikasikan oleh ulama hadith dalam kitab-kitab syarah mereka. Al-Marbawi membahagikannya kepada tajuk masalah yang berjumlah 8,282 berdasarkan

⁷⁵ Faisal bin Ahmad Shah, *Mohamed Idris Al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr Al-Madhi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013).

isu dan masalah yang dikeluarkan daripada sesebuah hadith yang hendak disyarahkan tanpa mengira sama ada ia melibatkan persoalan akidah, tafsir, sejarah dan sebagainya.

Al-Marbawi juga menggunakan metode *al-Syarh al-Mamzūjī*, iaitu syarahan hadith yang digabungkan dengan lafaz atau ibarat hadith. Pengertian dan maksud hadith menjadi lebih jelas jika syarahan hadith digabungkan dengan lafaz hadith atau ibarat hadith.⁷⁶

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan ketika mensyarahkan hadith Nabi Muhammad s.a.w. ini. Pertama, mensyarahkan hadith berdasarkan al-Qur'an. Kedua, mensyarahkan hadith dengan hadith. Ketiga, mensyarahkan hadith dengan *al-āthār*. Keempat, mensyarahkan hadith melalui kaedah bahasa Arab. Kelima, mensyarahkan hadith dengan menukilkan pandangan ulama *mutaqaddimin* dan *muta'akhirin*. Keenam, mensyarahkan hadith dengan menukilkan pandangan gurunya dan tokoh-tokoh ulama pada zamannya.⁷⁷

Pendekatan al-Marbawi dalam syarahan hadithnya adalah seperti yang berikut:

- 1) Mengemukakan contoh yang sesuai dan relevan.⁷⁸
- 2) Menjelaskan makna kalimah yang terdapat dalam hadith. Dalam pendekatan ini beliau mengemukakan hadith dan menerangkan darjat hadith tersebut.⁷⁹
- 3) Mengaitkan syarahan hadith dan realiti yang berlaku dalam masyarakat.⁸⁰

⁷⁶ *Ibid.*, 64-65.

⁷⁷ *Ibid.*, 66-78.

⁷⁸ *Ibid.*, 224-227.

⁷⁹ *Ibid.*, 228-229.

⁸⁰ *Ibid.*, 230-236.

- 4) Menyelitikan kisah-kisah menarik sebagai pengajaran dengan membawa contoh.⁸¹
- 5) Mengaplikasikan kaedah soal jawab dalam syarahan hadith. Menerusi pendekatan ini beliau mengemukakan contoh hadith dan menyatakan periwayatnya. Selain itu, beliau juga mengemukakan pandangan ulama dalam menghuraikan isu-isu tersebut.⁸²
- 6) Memasukkan elemen kesusasteraan seperti perumpamaan dalam syarahan hadith dengan membawa contoh yang berkaitan.⁸³
- 7) Menyelitikan unsur-unsur nasihat dan pengajaran dalam syarahan hadith dengan membawa contoh.⁸⁴
- 8) Mengemukakan perbahasan mengenai hukum-hakam yang melibatkan isu-isu baharu pada waktu itu dengan membawa contoh yang relevan.⁸⁵

Secara keseluruhannya karya ini sesuai dijadikan rujukan dalam bidang pengajian hadith kerana ia merujuk kepada kitab-kitab muktabar dan ditulis oleh pakar bidang hadith.

⁸¹ *Ibid.*, 237.

⁸² *Ibid.*, 239-241.

⁸³ *Ibid.*, 243-244.

⁸⁴ *Ibid.*, 244-252.

⁸⁵ 252-55.

4.6 SUMBANGAN DBP DALAM PENGHASILAN KARYA HADITH

DBP telah menerbitkan 16 judul karya hadith dari tahun 2003-2013. Karya-karya ini terdiri daripada karya asli, terjemahan⁸⁶ dan adaptasi.⁸⁷ Karya-karya ini pula meliputi kategori dewasa, ilmiah dan remaja seperti yang terdapat dalam jadual di bawah:

Jadual 4.5 Karya Hadith DBP Mengikut Jenis

BIL.	JENIS KARYA	JUMLAH
1.	Asli	16
2.	Terjemahan	-
4.	Adaptasi	-

Sumber: Bahagian Penyelarasan Penerbitan Dan Kawal Selia Penswastaan DBP.

Jadual 4.6 Karya Hadith DBP Mengikut Kategori

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1.	Remaja	6
2.	Umum Dewasa	7
3.	Ilmiah	3
	Jumlah	16 judul

Sumber: Bahagian Penyelarasan Penerbitan Dan Kawal Selia Penswastaan DBP.

⁸⁶ DBP hanya menerbitkan terjemahan karya hadith, iaitu *Ilmu Hadith Kajian Satu Pengenalan dan Kajian* pada tahun 1996 dan juga *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith* pada tahun 1989.

⁸⁷ Karya hadith dalam kategori adaptasi ini, adalah sebanyak 3 buah manuskrip tetapi tidak dapat diterbitkan kerana tidak mendapat kelulusan hak cipta daripada penerbit asalnya.

Karya-karya yang telah diterbitkan ini mampu mendidik dan mendekatkan masyarakat ke arah penghayatan cara hidup berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Tugas mendidik masyarakat pada hari ini telah menjadi agenda utama negara, khususnya membendung masyarakat daripada terjebak dalam anasir-anasir yang tidak sihat.

Dengan ini, jelaslah bahawa DBP telah menyumbang dalam penghasilan karya hadith di Malaysia. Walaupun, jumlah penerbitannya sedikit berbanding penerbit-penerbit lain, tetapi apabila dilihat fungsi utama DBP adalah membina dan mengembangkan bahasa dan sastera melalui penerbitan, dan seterusnya menerbitkan buku dalam pelbagai ilmu. Jumlah itu telah membuktikan bahawa DBP telah menyumbang dalam penerbitan karya hadith di Malaysia.

Selain itu, berdasarkan jenis dan kategori karya-karya hadith terbitan DBP yang telah dibincangkan di atas, jelas menunjukkan bahawa karya-karya tersebut mampu menjadi rujukan dan panduan pelajar institusi pengajian tinggi dan para pensyarah dalam bidang pengajian Islam kerana ia menepati standard penerbitan buku ilmiah. Hal ini kerana karya itu ditulis para pakar bidang hadith dan menepati standard yang ditetapkan, iaitu mempunyai nota kaki, indeks, bibliografi, dan perbincangan yang tuntas dalam bidang berkaitan.

Pada tahun 2012, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam DBP adalah sebanyak 65 judul.⁸⁸ Manakala pada tahun 2013 pula, judul sasaran bidang Agama dan Tamadun Islam untuk buku umum adalah sebanyak 30 judul dan buku ilmiah juga sebanyak 30 judul. Jumlah keseluruhan yang perlu diterbitkan pada tahun 2013 adalah sebanyak 60 judul.

⁸⁸ Bahagian Buku Umum, "Buku Perancangan Penerbitan DBP 2012". (Pelan Perancangan Bahagian Buku Umum 2012).

Jumlah ini semakin meningkat dan mengikut *Pelan Tindakan Strategik DBP 2011 – 2015*, Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam DBP perlu menerbitkan sebanyak 200 judul buku ilmiah, buku umum dewasa 135 judul dan buku mengenai persoalan perdana negara sebanyak 15 judul pada tahun 2012 – 2015.⁸⁹ Jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 350 judul dalam masa 4 tahun. Sedangkan, bilangan editor Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam adalah seramai 5 orang sahaja.⁹⁰ Bilangan ini menjadi satu cabaran yang hebat kepada para editor di samping masalah dan kekangan yang dihadapi dalam proses penerbitan karya hadith ini.

Justeru, berdasarkan bilangan, jenis dan kategori karya-karya hadith terbitan DBP ini, jelas menunjukkan bahawa DBP telah berusaha untuk menyebarkan ilmu dalam bidang hadith ini kepada masyarakat berdasarkan kemampuan yang ada dan seterusnya menyumbang dalam penerbitan karya hadith di Malaysia.

⁸⁹ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Pelan Tindakan Strategik DBP 2011 – 2015* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 27.

⁹⁰ Bilangan editor agama di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2013 adalah seramai 5 orang sahaja. Bilangan editor di unit ini semakin berkurangan kesan pertukaran pegawai ke Bahagian lain.

4.7 PENUTUP

Hasil kajian tentang sumbangan DBP dalam menerbitkan karya-karya hadith di Malaysia, penulis mendapati bahawa BAFTI dan Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum DBP telah memberi sumbangan dalam penerbitan karya hadith di Malaysia. Malah, BAFTI bukan sahaja menerbitkan buku, tetapi ia juga melaksanakan peranannya menyebarkan ilmu melalui wacana, seminar dan kolokium. Semenjak penubuhannya pada tahun 1993 hingga sekarang BAFTI dan Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam telah menghasilkan pelbagai buku-buku agama seperti tafsir, hadith, sirah, fiqh, sejarah Islam, falsafah, pemikiran, akidah dan lain-lain lagi dalam bidang pengajian Islam.

Sumbangan DBP dalam penerbitan karya hadith ini terbukti dengan terbitnya 16 judul karya hadith dari tahun 2003-2013. Walaupun jumlahnya sedikit tetapi ia tetap menyumbang dalam penerbitan karya hadith di negara kita. Jumlah keseluruhan karya hadith terbitan DBP adalah sebanyak 25 judul. Diharapkan bilangan ini akan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa, khususnya dengan terlaksananya penerbitan berpakej bagi menampung kekurangan karya hadith yang dihasilkan oleh penerbit swasta dan kerajaan yang lain. Selain itu, juga diharapkan karya-karya tersebut dapat memperbanyakkan lagi khazanah karya hadith di Malaysia.

Dalam hal ini, semua penerbit di Malaysia baik penerbit kerajaan mahupun swasta perlu bekerjasama dan memikirkan kaedah dan strategi terbaik untuk mempertingkatkan lagi penerbitan karya hadith di Malaysia bagi memenuhi kehendak masyarakat. Seterusnya, dapat mencapai hasrat negara untuk melahirkan masyarakat berilmu dan bertakwa serta mendekatkan masyarakat kepada ilmu hadith.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENDAHULUAN

DBP yang telah berperanan sebagai penerbit kerajaan dan penggerak industri perbukuan negara akan terus menggembleng tenaga untuk menerbitkan buku yang bermutu dalam pelbagai ilmu, sama ada secara konvensional mahupun elektronik. Usaha yang berterusan ini membuktikan komitmen DBP dalam penghasilan karya dalam pelbagai bidang ilmu. Dalam hal ini, DBP juga telah menyumbang dalam penghasilan karya-karya hadith. Hal ini terbukti apabila DBP telah berjaya menerbitkan 25 karya hadith sepanjang penubuhannya. Manakala dari tahun 2003-2013 sebanyak 16 buah karya hadith telah diterbitkan. Penghasilan karya hadith ini diharapkan dapat menambahkan lagi kecintaan masyarakat kepada Nabi s.a.w. dan Sunnahnya, khususnya generasi muda selaras dengan kedudukan hadith sebagai sumber kedua hukum Islam dan penghurai al-Qur'an.

Karya-karya yang bermutu ini bukan sahaja mampu memberi impak kepada masyarakat, malah dapat menyelesaikan masalah sesuatu ummah. Walau bagaimanapun, tugas dan tanggungjawab ini tidak mampu dipikul oleh DBP semata-mata, malah pihak lain juga perlu bekerjasama bagi menghasilkan karya hadith yang menepati kehendak masyarakat dan seterusnya berjaya melahirkan bangsa yang berkualiti dari segi fizikal dan spiritual.

5.1 KESIMPULAN

Berikut disenaraikan beberapa kesimpulan yang diperoleh oleh pengkaji hasil penyelidikan yang dilakukan:

- 1) BAFTI, DBP telah ditubuhkan pada tahun 1993 hingga 2010 yang telah berperanan sebagai satu bahagian yang menerbitkan buku-buku agama umumnya dan karya hadith khususnya. Mulai 1 Ogos 2010 BAFTI telah diserapkan ke Bahagian Buku Umum dan menjadi Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam. Walaupun telah bertukar kepada unit, tetapi fungsi yang dilaksanakan masih lagi sama, iaitu menerbitkan buku-buku agama dalam pelbagai bidang ilmu.
- 2) Penglibatan BAFTI dalam penerbitan pelbagai bidang agama ini membuktikan bahawa BAFTI telah menunaikan tanggungjawabnya menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat seluruhnya. Bidang utama penerbitan BAFTI meliputi bidang tafsir, hadith, fiqh, undang-undang Islam, pemikiran, falsafah, akidah, tasawuf, dan sejarah Islam.
- 3) Jenis penerbitan BAFTI ialah buku karya asli, terjemahan, dan adaptasi. Kategori penerbitan BAFTI ialah buku ilmiah, umum dewasa, remaja dan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, setelah BAFTI menjadi Unit Agama.
- 4) BAFTI dan Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum telah memberi sumbangan dalam penerbitan karya hadith di Malaysia, iaitu sebanyak 16 buah karya dari tahun 2003-2013.
- 5) Berdasarkan temu bual yang dilakukan dengan pakar bidang hadith, editor-editor syarikat swasta dan kerajaan, semuanya mengakui bahawa karya hadith amat kurang berbanding karya-karya lain, khususnya berkaitan ilmu hadith, *'Ulūm al-Ḥadīth* dan *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Walau bagaimanapun,

karya hadith tematik, buku yang mengandungi hadith-hadith dan huraianya ada di pasaran.

- 6) Terdapat pelbagai masalah dalam penerbitan karya hadith di DBP yang melibatkan banyak pihak, iaitu kekurangan penulis, penilai, penyunting dan pengadaptasi dalam bidang hadith, birokrasi dalaman DBP, kekurangan editor di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam.
- 7) Semua pihak yang terlibat perlu sama-sama bekerjasama, mengembleng tenaga dan mengubah cara kerja bagi memastikan karya-karya hadith dapat dipertingkatkan demi kemaslahatan ummah.
- 8) Mewujudkan pusat pertemuan penulis di DBP bagi memudahkan perbincangan dalam isu-isu semasa umumnya dan dalam bidang hadith khususnya.

5.2 CADANGAN

5.2.1 Cadangan kepada Pengurusan DBP

- 1) DBP perlu mewujudkan kembali Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam dan menambahkan bilangan staf di bahagian ini bagi menggalas tanggungjawab yang amat besar ini. Hal ini kerana dengan bilangan staf seramai 5 orang sahaja, tidak mampu untuk mempercepat dan mempertingkatkan jumlah penerbitan karya hadith ini.
- 2) Menambahkan bilangan editor di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum.

- 3) Penempatan editor perlu dibuat mengikut bidang kepakaran, khususnya editor buku-buku agama.
- 4) Memberikan insentif kepada para penulis yang menghasilkan karya ilmiah tinggi dalam pelbagai bidang ilmu dalam bentuk RM (RM 20,000.00 setakat ini hanya diberikan kepada penulis yang menulis buku ilmiah bertaraf tinggi dalam bidang Sains dan Teknologi sahaja)
- 5) DBP perlu mengenal pasti syarikat yang benar-benar mampu melakukan tugas-tugas penerbitan buku, khususnya buku-buku agama yang agak teknikal (mengandungi al-Qur'an dan hadith) bagi mengatasi masalah kelewatan di peringkat pracetak dan pengeluaran di Dawama.
- 6) DBP perlu mengkaji dan mewujudkan mekanisme baharu untuk mempercepat proses kerja di Dawama Sdn. Bhd.

5.2.2 Cadangan kepada Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Bahagian Buku Umum, DBP:

- 1) Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam perlu mempergiatkan lagi aktiviti perolehan judul bagi mendapatkan lebih banyak lagi judul yang bersifat kontemporari dalam bidang hadith untuk mendekati lagi masyarakat kepada ilmu hadith.
- 2) Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam perlu mempertingkatkan penerbitan karya hadith ini sama ada melalui MoU atau kerjasama penerbitan dengan pihak luar melalui perkongsian menang-menang.

- 3) Editor di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam perlu mempergiat aktiviti perolehan di IPTA dan IPTS dengan membuat bengkel perolehan dan taklimat penerbitan tentang peluang penerbitan di DBP kepada para pensyarah dan para ilmuwan bagi menarik minat mereka untuk menulis dengan DBP.
- 4) Mempromosikan penerbitan karya hadith ini di media cetak dan elektronik.
- 5) Mengadakan lebih kerap peraduan penulisan buku umum dan ilmiah dengan memberikan hadiah yang lebih lumayan bagi menarik penulis untuk berkarya dengan DBP.
- 6) Mengenal pasti isu-isu terkini dalam bidang hadith sama ada dalam atau luar negara yang perlu diketengahkan kepada masyarakat.
- 7) Mengadakan wacana, seminar dan majlis-majlis ilmu dengan menjemput pakar-pakar bidang hadith bagi membincangkan isu-isu perdana dan semasa dalam bidang hadith ini. Fikrah dan idea yang dikumpulkan dalam program-program ini boleh dijadikan garis panduan untuk menghasilkan karya hadith yang berkaitan.
- 8) Menerbitkan semua prosiding atau kertas kerja, seminar, dan kolokium untuk bacaan masyarakat seluruhnya.
- 9) Membuat kerjasama dengan penerbit dalam dan luar negara bagi memastikan buku-buku yang diterbitkan itu bermutu dan memenuhi kehendak pembaca.

- 10) Mewujudkan hubungan yang baik dengan penulis yang terkenal dan aktif menulis dalam bidang hadith di dalam dan luar negara yang bagi menarik minat mereka untuk menulis dengan DBP.
- 11) Membina lebih ramai penulis dan penyunting dalam bidang hadith.
- 12) Menerbitkan panduan terjemahan hadith-hadith *Sunan Sittah* yang standard untuk kegunaan para editor, penulis, penyunting, pengadaptasi, pelajar, pensyarah, dan ahli akademik dalam bidang hadith ini. Terjemahan ini akan menjadi panduan dalam penulisan dan penyuntingan karya hadith, khususnya maksud hadith yang terdapat dalam sesebuah karya hadith itu.

5.2.3 Cadangan kepada para Ilmuwan

- 1) Para ilmuwan dalam bidang hadith ini perlu mengambil peluang untuk menggali warisan hadith silam yang ditinggalkan oleh ulama-ulama tempatan dan Nusantara. Hal ini kerana masyarakat hari ini menunggu karya hadith daripada mereka dan kepakaran ini ada dalam diri mereka.
- 2) Para ilmuwan juga perlu meneliti dan memilih kajian, tesis dan latihan ilmiah yang berada di universiti masing-masing yang difikirkan sesuai dengan situasi dan kehendak masyarakat hari ini untuk diterbitkan. Hasil-hasil kajian ini perlu dimanfaatkan oleh masyarakat di luar, bukan hanya untuk disimpan di unversiti-universiti berkenaan.
- 3) Mewujudkan kumpulan penyunting dan pengadaptasi dalam kalangan pakar bidang hadith.

- 4) Para ilmuwan juga perlu merebut peluang untuk berkarya dengan DBP dan mengambil peluang yang ada dalam penerbitan berpakej yang dianjurkan oleh DBP.
- 5) Prosiding dan kertas kerja dalam seminar dan kongres yang diadakan di peringkat universiti/kolej perlu diterbitkan agar masyarakat di luar mengetahui dan memanfaatkan isu-isu perdana dan kontemporari yang dibincangkan dalam seminar tersebut.
- 6) Mengadakan bengkel kerjasama dengan DBP, khususnya Bengkel Pemindahan Tesis kepada Buku untuk mempertingkatkan lagi penerbitan karya-karya hadith dalam bentuk karya ilmiah. Bengkel ini dilakukan selepas tajuk-tajuk yang relevan dikenalpasti dan dapat memenuhi kehendak masyarakat.
- 7) Mewujudkan kumpulan penulis buku hadith dalam kalangan pakar bidang dalam usaha menghasilkan buku yang bersifat kontemporari dan menarik.
- 8) Membina rangkaian penulis dalam kalangan pakar bidang hadith di peringkat dalam dan luar negara bagi membincangkan isu-isu sejagat umat Islam hari ini.
- 9) Membina penulis baharu dalam bidang hadith bagi menghasilkan penulisan dalam bentuk olahan semasa dan menarik, bukan lagi dalam bentuk tradisional, iaitu penulisan yang berbau kearaban.

5.4 PENUTUP

Sumbangan yang telah diberikan oleh DBP dalam penghasilan karya hadith ini diharapkan dipertingkatkan lagi pada masa hadapan dan menjadi momentum kepada pengurusan DBP khususnya dan penerbit-penerbit swasta umumnya agar bersama-sama menggembleng tenaga dan usaha untuk menghasilkan karya yang besar dan memberi impak tinggi kepada masyarakat.

Kita seharusnya menyedari bahawa masyarakat amat memerlukan karya-karya hadith ini kerana ia amat berkurangan berbanding buku-buku dalam bidang lain. Hingga hari ini belum ada lagi karya hadith yang besar, dalam bentuk karya asli dan mempunyai impak tinggi, serta mampu menyelesaikan masalah ummah supaya tidak tersasar daripada cara hidup Islam kesan globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini.

Golongan ilmuwan pada hari ini perlu mendekati masyarakat melalui penerbitan buku dengan memperturunkan pelbagai ilmu untuk dijadikan perisai kepada generasi muda khususnya yang amat terdedah kepada gejala-gejala negatif yang mementingkan keseronokan dan hiburan. Diharapkan penghasilan karya-karya hadith ini dapat membentuk generasi yang berilmu, beriman dan mampu bersaing dalam era globalisasi ini.

Justeru, DBP, para ilmuwan, penerbit kerajaan dan swasta perlu berganding bahu dan bergerak seiring bagi mengembalikan kegemilangan masyarakat Islam pada zaman awal. Antara tindakan yang perlu dilakukan adalah berdakwah melalui pena dan penerbitan buku dengan menghidangkan kepada generasi kita pelbagai koleksi karya hadith dan seterusnya menambahkan lagi khazanah karya-karya hadith. Usaha-usaha ini

insya-Allah akan berjaya mengubah dan membangunkan generasi kita pada masa hadapan.

Diharapkan kajian ini akan diperincikan dan diperkemaskan lagi oleh pengkaji-pengkaji seterusnya dan memperbaiki kekurangan yang ada. Semoga usaha ini akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT dan dapat dimanfaatkan oleh pihak DBP khususnya dan masyarakat umumnya.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

BUKU

- „Abd al-Karīm Zaydān dan „Abd al-Qahhār Dāwūd Abdullah. „*Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Risalah Publishers, 2008.
- Abdul Hayei bin Abdul Sukor. *Islam dalam Sabda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Abdul Kadir Mohd. Yunus, ed. *Buku Mengisi Era Masyarakat Berilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Abdul Salam Muhammad Shukri, ed. *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*. Petaling Jaya: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2007.
- Abū al-Layth, Muḥammad al-Kayr Abadī. *Ittijāhāt fī Dirāsah al-Sunnah Qadīmuha wa Ḥadīthiha*. Petaling Jaya: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2005.
- Abū Shahbah, al-Syeikh Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Waṣīt fī ‘Ulūm wa Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*. Kaherah: Dār al-Fikr al-„Arabī, t.t.
- Abū Zahw, Muḥammad Muḥammad. *Al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn*. Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, 1984.
- Ahamad Asmadi bin Sakat dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah. *Tinjauan Sejarah Pembukuan Kitab-kitab Hadis dan Rijal*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Ahmad Fathy al-Fatani. *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- Ahmad Mahdzan Ayob. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Aḥmad Muḥammad Syākir. *Al-Bā‘ith al-Ḥadīth Sharḥ Ikhtishār ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1994.
- Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, 2000.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah. *Sahīh Bukhārī*. Jilid ke-3. Manṣūrah: Maktabah al-Imān, 1998.

- Al-Dimshīqī, Syeikh Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsīmī. *Qawā'id al-Taḥdīth*, ed. Muḥammad Bahjah al-Bayṭār. Beirut: Dār al-Nafā'is, 1987.
- Al-Fayrūz Abadī Muḥammad ibn Ya,kūb. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1987.
- Al-Khaṭīb, Muḥammad ,Ajjāj. *Al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*. Beirut: Dār al-Fikr, 1990.
- _____. *Uṣūl al-Ḥadīth: 'Ulūmuh wa Muṣṭalahuh*. Lubnan: Dār al-Fikr al-Ḥadīth, 1967.
- Al-Kīrānawī, Jayb Aḥmad dan al-Tahānawī, Ashraf ,Alī. *Qawā'id fī 'Ilm al-Ḥadīth*. Beirut: Maktabah al-Dirāsah wa al-Buhūth al-,Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 1990.
- Andrew Fenner. "Teknik, Penyampaian dan Spesifikasinya" dalam *Panduan Penterjemah*, ed. Catriona Picken, terj. Bashir M.M. Basalamah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Ariffin Omar. *Sunnah dan Keunggulannya*. T.tp.: t.p., 2000.
- Asmawi Haji Ehsan. *Ilmu Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Azizi Yahaya dan Halimah Ma'alip. *Estim Kendiri Remaja*. Ed. ke-1. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- Azyumardi Azra. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan, 1994.
- Blair, Glenn Myers, R. Stewart Jones dan Ray H. Simpson. *Psikologi Pendidikan*, terj. Noran Fauziah Yaakub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Budah @ Uдах Mohsin dan Jawiah Dakir. *Kumpulan Hadith Masyhur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Catford, J. C. *Teori Linguistik bagi Penterjemah*, terj. Uma a/p Iyavoo dan Koh Chung Gaik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Cole, Leulla. *Psychology of Adolescence*. Ed. ke-4. New York: Rinehart and Company, Inc., 1954.
- D. Raghavan. *An Introduction to Book Publishing*. New Delhi: Institute of Book Publishing, 1988.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Chenderamata Pembukaan Bangunan DBP*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1962.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Citra Dewan Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dasar Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka* (Pindaan yang dikemaskini pada 21 Mac 2001). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 1993*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 1994*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 1995*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 1996*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 1997*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 1998*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 1999*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2000*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2001*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2002*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2003*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2004*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2005*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2006*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2007*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2008*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2009*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2010*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Laporan Tahunan 2011*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Plan Tindakan Strategik DBP 2012 – 2015* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Meneliti Jejak Membaharui Babak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Perjuanganmu Disanjung*. Buku Cenderamata Khas Ulang Tahun DBP ke-40. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Faisal Ahmad Shah, Mohd Khafidz Soroni dan Rosni Wazir. *Manahij al-Muhaddithin Metode dan Pendekatan Sarjana Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.
- Fauzi Deraman. *Hadith dalam Karya Syeikh Daud al-Fatani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- _____. *Pengajian Hadith di Malaysia, Tokoh dan Karya*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, 2010.
- Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah. *Pengajian Hadith di Nusantara*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. 2011.
- Hamed Mohd Adnan. *Asas dalam Penerbitan*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd, 2001.
- _____. *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*. Shah Alam: Karisma Publication SDN BHD, 2003.
- _____. *Memahami Penerbitan Buku*. Bandar Baru Bangi: Medium Publications, 2007.
- _____. *Memahami Penyuntingan Naskhah*. Bandar Baru Bangi: Medium Publications, 2007.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram bin „Alī Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn al-Anṣārī al-Ifriqī. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Şādir, t.t.
- Ishak Hj. Suliaman et al., ed. *Autoriti Hadis Menangani Gerakan Antihadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.
- Idris Awang. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.

- Imam Barnadib. *Erti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Penerbitan FIP-IKIP Yogyakarta, 1982.
- Ismail Che Daud, ed. *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1996.
- _____. *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1996.
- Jamaluddin Mohd. Sulung, "Bahagian Buku Umum."
- Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali. *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Mahayuddin Haji Yahaya. *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*. Jilid ke-1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- _____. *Karya-karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- _____. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Mahmood Nazar Mohamed. *Pengantar Psikologi: Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku*, cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Mahmud Saedon A Othman. *Al-Sunnah: Peranan dan Kedudukannya di dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Mannā, al-Qattān. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, cet. ke-3, Kaherah: Maktabah Wahbah, 2001.
- Manual Prosedur Kerja Dewan Bahasa dan Pustaka 9001: 2008*.
- Manual Kualiti Kerja Dewan Bahasa dan Pustaka. 9001: 2008*.
- Mazlan Ibrahim, Haziyah Husin dan Latifah Abdul Majid, ed. *Warisan Hadis Ulama Nusantara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. *Penerbitan & Percetakan Buku Melayu 1807 – 1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- Mohamad Daud Mohamad, ed. *Tokoh-tokoh Sastera Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Mohammad Redzuan Othman. *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Mohd. Anwar Ridhwan, ed. *Penerbitan Buku dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

- Mohd Radzi Othman et al., ed. *Warisan al-Hadis Antara Teras dengan Dinamika Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. *Metodologi Penyelidikan*. Ed. ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991.
- Mohd. Muhiden Abd Rahman. *Al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- _____. *Riwayat Hidup Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- _____. *„Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Mohamad Daud Mohamad, ed. *Tokoh-tokoh Sastera Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Mohammad Redzuan Othman. *Islam dan Masyarakat Melayu Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Mohd. Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Muhammad Muṣṭafā al-A, zāmī. *Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith*, terj. Engku Ibrahim Engku Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Muhammad Yunan Mahmud, ed. *Riwayat Hidup Tokoh Ulama Kelantan*. Nilam Puri: Yayasan Islam Kelantan, 1989.
- Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.
- Nor Hissam Sulaiman, Mot Madon dan Syed Agil Al-Sagoff. *Asas Penerbitan Elektronik*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 2010.
- Othman Mohamed. *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2001.
- Padilah Ali, “Buku Perancangan Bahagian Buku Umum.” (Pelan Perancangan Bahagian Buku Umum 2013).
- Peter Newmark. *Pendekatan Penterjemahan*, terj. Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Rosmawati Ali @ Mat Zin. *Pengantar Ulum Hadis*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2005.
- Stanley Unwin. *Mengenal Dunia Penerbitan*, terj. Ismail Ahmad dan Rashid Azad Khan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Ṣubḥī Ṣālīḥ. *„Ulūm al-Ḥadīth wa Muṣṭalaḥuhu*. Beirut: Dār al-„Ilm li al-Malāyīn, 1991.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *Khazanah Karya Asia Tenggara*. Jilid ke-2. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1991.

_____. *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990.

_____. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Jilid ke-1. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000.

_____. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Jilid ke-2. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000.

_____. *Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990.

JURNAL

Abdul Jalil bin Borhan, "Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu," *Jurnal Syariah*, Jilid 4, 2 (Julai 1996): 274 – 282.

Anwar Ridwan Zakaria dan Fauzi Deraman, "Perkembangan Huraian Hadith: Satu Sorotan," *Al-Bayān Journal of Al-Qur'ān & Al-Ḥadīth* Vol. 5 (Mei 2007/Rabi'ulawwal 1428): 177-200.

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, "Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris: Tinjauan Terhadap Sumbangan dan Penulisan Beliau dalam Majalah Pengasuh Mengenai Ilmu Hadith," *Jurnal Usuluddin* 25 (2007): 61 – 72.

Faisal bin Ahmad Shah, "Faktor Kejayaan dan Kecemerlangan Orang Melayu Menurut Mohamed Idris Al-Marbawi," *E-Journal@um*.

Fauzi Deraman, "Ibn Salah dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadith," *Al-Bayān Journal of Al-Qur'ān & Al-Ḥadīth* Vol. 2, (Mei 2004): 91 – 110.

Fauzi Deraman dan Mohd Asmawi bin Muhammad, "Karya-karya „Ulum Hadith di Nusantara: Satu Sorotan," *Al-Bayān Journal of Al-Qur'ān & Al-Ḥadīth* 8 (Mei 2010): 125 – 149.

Fauzi Deraman dan Rorsuedee Salaeh, "Sumbangan Ulama Patani dalam Pengajian Hadith dan Penulisannya," *Journal of Islamic Studies*, Vol. 5, 1 (Jun 2010 – Mei 2011): 67 – 82.

Fauzi Deraman, "Karya-karya Hadith dalam Tulisan Jawi," *Jurnal Usuluddin* 7 (Disember 1997): 163 – 174.

Ismail Yusoff, "Sejarah Penulisan dan Pembukuan al-Hadith serta al-Sunnah," *Islamiyyat* 11 (1990) 15 – 23.

- Mahayudin Hj. Yahaya, "Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar untuk Abad Akan Datang," *Jurnal Usuluddin* 1 (1993): 65 – 87.
- Nik Yusri Musa, "Pemikiran A. Hassan Bandung: Nasikh Mansukh, Al-,Am dan Al-Khas dalam Al-Qur'an," *Al-Bayan Journal of Al-Qur'an & Al-Hadith* Vol. 4 (Mei 2006/Rabi'ulawwal 1427): 121 – 142.
- Rohaizan Baru, "Perkembangan Ilmu Hadis di Negeri Terengganu Darul Iman," *Jurnal Usuluddin* 23-24 (2006): 91 – 116.

MAKALAH

- Azman Ab Rahman, "Penerbitan Ilmiah dan Cabaran serta Pasaran Era Globalisasi dalam Penterjemahan Teks Agama." Makalah, Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah di Persada Johor, Pusat Konvensyen Antarabangsa, Johor Bahru, Jilid 3, 9 -11 Januari 2007.
- Dato Dr. Hassan Ahmad, "Memartabatkan Penerbitan Berbahasa Melayu dalam Alaf Baru." Makalah, Konvensyen Penerbitan Kebangsaan ke-2, Kuala Lumpur, 8-10 September 1999.
- Fauzi Deraman, "Pengajian Hadith di Malaysia: Satu Tinjauan." Makalah, Seminar Warisan Al-Quran & Al-Hadith Nusantara. Jilid II. Pengajian al-Hadith, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 27-28 Ogos 2008.
- Fauzi Deraman dan Mohd Asmawi bin Muhammad, "Maulana Tok Khurasan dan Sumbangan dalam Pengajian Hadith." Makalah, Seminar Serantau Ilmuan Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25 Oktober 2010.
- Mohd Yusuf Hj. Othman, "Penerbitan Akademik dalam Bahasa Melayu." Makalah, Konvensyen Penerbitan Kebangsaan ke-2, Kuala Lumpur, 8-10 September 1999.
- Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Perkembangan Penulisan Hadith Ulama Asia Tenggara." Makalah, Seminar Antarabangsa Pengajian Islam di Asia Tenggara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darulsalam, 1995.

MAJALAH

Baha Zain 2012, "Pada Penghujung Musim Kedua: ITNM Ke ITBM" dlm. *www.ITBM.com.my*, bil. 4, edisi 2012.

Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Syeikh Ahmad Lingga "Qus Bahasa Melayu," *Dewan Budaya* (Oktober 1993).

Ismail Che Daud, "Maulana Tok Khurasan," *Pengasuh*, bil. 489 (Oktober-November 1987).

Muhammad Uthman El-Muhammady, "Syeikh Daud Fatani Sebagai Seorang Ulama (1)," *Pengasuh*, bil. 485 (Januari-Mac 1987/1407).

Muhammad Uthman El-Muhammady, "Syeikh Daud Fatani Sebagai Seorang Ulama (2)," *Pengasuh*, bil. 486 (April-Mei 1987).

Norma Mohd Nazim, "Mencari Samudera Biru DBP," dalam *Inovasi DBP* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Disember 2011).

TESIS DAN DISERTASI

Abd Rahim Omar. "Penerbitan Buku Sains untuk Kanak-kanak: Tumpuan kepada DBP." Disertasi Sarjana Pengajian Penerbitan, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 2005.

Abdul Hayei Abdul Sukur. "Sumbangan Syeikh Waliullah al-Dahlawi kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan." Tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990.

Abdul Rahim Ahmad. "Peranan DBP dalam Perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden." Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1968.

Asiah Daud. "Publishing of Adults Nontifiction in Malaysia: A Case Study of Dewan Bahasa dan Pustaka." Disertasi Sarjana, Pengajian Penerbitan, Universiti of Stirling, 1987.

Azalina Mohd Mamat. "Peranan DBP dalam Meningkatkan Sastera Remaja Sekitar Tahun 1990-an." Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2001.

Che Hasmawati Che Awang. "Ustaz Mustafa Abdul Rahman: Sejarah Hidup dan Sumbangannya dalam Ilmu Hadith." Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Fatimah Zakaria. "Sejarah dan Fungsi DBP Wilayah Timur." Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 2003.

- Fauzi Deraman . “Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian terhadap Karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fataniy.” Tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1997.
- Halijah Mahmud. “DBP (Tinjauan Ringkas Tahun-tahun 1970-an.)” Latihan Ilmiah, Institut Bahasa dan Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.
- Hamed Mohd Adnan. “Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia: Tumpuan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.” Disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Penulisan, Universiti Malaya, 1999.
- Hamidah Mohamad. “Usaha-Usaha Menerbitkan Karya Hadith di Malaysia.” Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1990.
- Hilaluddin bin Abdullah. “Takhrij Hadith Kitab al-Jawhar al-Mawhub wa Munabbihat al-Qulub karangan Syaikh Ali Ibn Abd al-Rahman al-Kelantani.” Tesis kedoktoran, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Mohd. Fesal Muhammad. “Sejarah Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Sumbangannya dalam Penerbitan Buku.” Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
- Mohd. Muhiden Abd Rahman. “Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Sumbangannya kepada Pengajian al-Hadith: Kajian terhadap kitab al-Fawa'id al-Bahiyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah.” Tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.
- Noor Azizan Ab. Rahman. “Perkembangan Buku Kanak-kanak dari tahun 1990 hingga 1995: Tumpuan kepada DBP, Fajar Bakti dan Edusystem.” Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 1996.
- Noraida Ismail. “Profil Penerbitan Buku Sains dan Teknologi: Tumpuan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.” Disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2007.
- Norhaslina Jamaluddin. “Penerbitan Buku-buku Agama DBP.” Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1999.
- Rohana Jaafar. “Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Penerbitan Bahan Bacaan Kanak-kanak.” Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 1992.
- Roslina Ali. “Penerbitan dan Pemasaran Buku Teks: Tumpuan kepada DBP.” Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 2001.
- Rosnah binti Awang. “Penerbitan Ensiklopedia: Tumpuan Kepada Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.” Disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2001.
- Salmi binti Bahrom. “Pengurusan Penerbitan Buku dalam Perkembangan Teknologi Maklumat.” Disertasi Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2003.

- Sulaiman Muhammad Hasan. “Tahqīq dan Takhrīj kitab Hidāyat al-Habīb fī al-Targhīb wa al-Tarhīb oleh Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānirī.” Disertasi sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.
- Sumathi Nagapan. “Strategi Penerbitan dan Pemasaran Buku Terbitan DBP di Selangor.” Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 2001.
- Thangaraju, Devraj V. “Pemasaran dan Pengedaran Buku untuk Golongan Pelajar: Tumpuan kepada DBP dan Longman.” Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 1994.

TEMU BUAL

- Abdul Hayei bin Abdul Sukor (mantan pensyarah kanan Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), dalam temu bual melalui telefon dengan penulis, 16 Januari 2013.
- Budah @ Uдах bin Mohsin (mantan pensyarah kanan di Fakulti Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaya) dalam temu bual dengan penulis, 5 Januari 2013.
- Dato“ Nik Aziz Nik Mat (mantan Menteri Besar Kelantan), dalam temu bual dengan penulis, 13 Mac 2011.
- Halimatun Saadiah binti Che Harun (Editor Produksi Buku Agama Dawama Sdn. Bhd.), dalam temu bual dengan penulis, 16 Februari 2013.
- Ishak bin Suliaman (Prof. Madya di Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan penulis, 25 Ogos 2013.
- Jamal bin Muhidden (Pengurus Perniagaan Jahabersa Sdn. Bhd.), dalam temu bual dengan penulis, 13 Februari 2013.
- Jawiah binti Dakir (Profesor di Jabatan Usuluddin, Universiti Kebangsaan Malaysia dan mantan Timbalan Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 4 Januari 2013.
- Khalik bin Sulaiman (Pengarah Penerbitan DBP), dalam temu bual dengan penulis, 5 September 2013.
- Marsilawati binti Mohd. Rani (Editor Kanan, Bahagian Penerbitan Buku, Kanak-kanak dan Remaja, DBP), dalam temu bual dengan penulis, 15 Oktober 2012.
- Mohamad bin Yaacob (Pengurus Jualan dan Pemasaran Telaga Biru Sdn. Bhd.), dalam temu bual dengan penulis, 1 Februari 2013.
- Mohd Azam bin Johari (mantan editor Bahagian Buku Umum, DBP), dalam temu bual dengan penulis, 21 Februari 2013.

- Mohd. Puzhi bin Usop (editor luar /*external* editor Al-Hidayah Publishers Sdn. Bhd.), dalam temu bual dengan penulis, 11 Januari 2013.
- Muhammad Yusuf bin Abdul Kadir (editor buku hadith Syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd.), dalam temu bual dengan penulis, 8 Februari 2013.
- Noriyani binti Yusoff (Editor Kanan buku agama di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam), dalam temu bual dengan penulis, 15 April 2013.
- Norliza binti Embong (mantan editor buku agama di Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam), dalam temu bual dengan penulis pada 7 Ogos 2012.
- Rosmawati binti Ali @ Mat Zain (penulis, penyunting, dan pengadaptasi buku agama), dalam temu bual dengan penulis melalui telefon, 8 Mac 2013.
- Shamrifah binti Dahlan (Penolong Pengarah di Jabatan Penerbitan, JAKIM (editor buku hadith) dalam temu bual dengan penulis, 20 Februari 2013.
- Siti Maizatul Rozihani binti Ikhsan (editor buku agama di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam), dalam temu bual dengan penulis, 15 April 2013.
- Sufi Noryani binti Sufian (editor buku agama di Unit Agama, Falsafah dan Tamadun Islam), dalam temu bual dengan penulis, 15 April 2013.
- Yusrina Mohamad binti Salleh (Ketua Bahagian Penerbitan Telaga Biru SDN. BHD.), dalam temu bual dengan penulis, 8 Februari 2013.

LAMAN SESAWANG

- “Struktur Organisasi DBP”, laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 5 September 2013, <http://dbp.gov.my/>
- “Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010,” dikemaskini 5 Ogos 2013, laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, dicapai 5 November 2013, <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php>

AKHBAR

- “Bukit Bintang seperti Hatyai,” *Utusan Malaysia*, 21 Mac 2011, 15.
- “Anak tak sah taraf cecah 234,647,” *Berita Harian*, 21 Mac 2011, 14.
- “Mahu parang pensyarah,” *Harian Metro*, 18 Mac 2011, 1.
- “418,200 kakitangan awam rasuah,” *Sinar Harian*, 3 Jun 2010, 9.